

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 16

Khamis

29 Julai 2010

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Setem (Pindaan) 2010

(Halaman 35)

Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2010

(Halaman 48)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Khamis, 29 Julai 2010
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillaahir rahmaanir rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Sebelum kita mulakan soalan lisan izinkan saya menarik perhatian semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan wakil-wakil kementerian. Setelah meneliti prestasi soalan-soalan lisan kita didapati lebih-lebih kita boleh pergi sepuluh atau 12 sahaja walhal kita ada 70 soalan. Untuk memberi ruang lebih banyak soalan dapat kita selesaikan setiap hari, saya mohon kerjasama dengan semua pihak khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pihak kementerian supaya apabila soalan itu ditanya harap beri jawapan dengan tepat dan ringkas. Itu pertama.

Keduanya, soalan tambahan itu, apabila soalan tambahan dibuat tidak perlu lagi buat *preamble – straight to the point*, “Soalan tambahan saya, bla, bla, bla”. Yang ketiga, ada Ahli yang lain hendak buat soalan tambahan juga, kalau boleh jangan terlalu panjang *preamble* ini, *straight to the point* juga yang Yang Berhormat-Yang Berhormat mahu katakan. Kalau ini dapat kerjasama, saya rasa banyak soalan dapat kita selesaikan setiap hari. Saya mohon kerjasama. Ini adalah untuk menambahbaikkan lagi prestasi Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tan Sri Datuk Amirsham bin A. Aziz minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, berapa peratuskah graduan-graduan IPT tempatan sejak lima tahun terdahulu menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan apakah persiapan dan langkah-langkah kerajaan bagi menggalakkan golongan belia kita memulakan syarikat *start-up*.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Tuan Gan Ping Sieu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Tan Sri Senator.

Untuk maklumat Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan sebelum ini ada melaksanakan Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB). Walau bagaimanapun skim tersebut telah pun ditangguhkan pada penghujung tahun 2009 yang lalu atas sebab kekurangan dana. Bagi menjawab ke atas pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Senator.

Tuan Yang di-Pertua: *Straight away to the point.* Ya.

Tuan Gan Ping Sieu: Di sini saya ingin merujuk kepada statistik daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), seramai 1,250 orang graduan telah berjaya menceburkan diri dalam bidang keusahawanan selepas mengikuti program atau kursus keusahawanan yang dilaksanakan oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Pecahan mengikut program adalah seperti berikut:

- (i) Program Latihan Keusahawanan Siswa seramai 686 orang telah mengambil bahagian; dan
- (ii) Program Skim Keusahawanan Siswazah seramai 564 orang telah menyertainya.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menggalakkan golongan belia terlibat dalam bidang keusahawanan adalah dengan melaksanakan program-program seperti berikut:

- (i) Program Pembudayaan Keusahawanan;
- (ii) Program Latihan Keusahawanan;
- (iii) Penyelidikan dan Pembangunan; dan
- (iv) Bimbingan Keusahawanan

Sekian.

Tan Sri Datuk Amirsham bin A. Aziz: Dua tahun selepas kajian oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia iaitu di bawah Kementerian Belia dan Sukan diadakan, adakah satu rancangan pembangunan usahawan komprehensif terutamanya melibatkan penubuhan syarikat *start-up* untuk belia wujud dan apakah kemajuannya sehingga kini?

Adakah kerajaan mempunyai *database* untuk *keep track* jumlah penubuhan syarikat *start-up* oleh belia-belia setiap tahun, jenis perniagaannya dan kejayaan-kejayaan mereka bagi menambahbaikkan polisi dan rancangan pembangunan keusahawanan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan Gan Ping Sieu: Terima kasih atas soalan tambahan yang dibawa oleh Yang Berhormat Tan Sri Senator. Sebenarnya kajian-kajian yang dijalankan oleh IPPBM

ini adalah untuk rujukan kepada agensi-agensi kerajaan secara amnya untuk melihat sikap, minat dan juga amalan kerjaya keusahawanan dalam kalangan belia supaya dapat merangka tindakan serta mengubah polisi yang perlu bagi mendedahkan kerjaya keusahawanan serta memberi peluang kepada para belia untuk menceburi dalam bidang keusahawanan dan sekali gus dapat membantu menjana pendapatan dalam negara. Ini adalah tujuan asalnya untuk menjalankan kajian tersebut.

Berkaitan dengan soalan-soalan yang spesifik berkaitan dengan maklumat dan data-data spesifik ini, Yang Berhormat boleh merujuk kepada INSKEN yang mengendalikan perkara ini. Sekian.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Apakah langkah-langkah konkrit, sistematik dan menyeluruh yang dirancang sekarang untuk memastikan bahawa semangat perkongsian pintar seperti terdapat pada halaman 25 RMKe-10 dilaksanakan dengan berkesan. Ini penting saya rasa demi mewujudkan...

■1010

Tuan Gan Ping Sieu: Minta maaf, semangat apa...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Pada halaman 25, Rancangan Malaysia Kesepuluh terdapat satu janji kerajaan untuk menggalakkan perkongsian pintar antara bumiputera dan bukan bumiputera. Pertanyaan saya ialah dalam usaha membina potensi keusahawanan ini, apakah langkah-langkah konkrit menyeluruh dan sistematik yang dibuat untuk melaksanakan hasrat perkongsian pintar itu.

Tuan Gan Ping Sieu: Terima kasih atas soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator. Ini melibatkan beberapa agensi kerajaan. Termasuklah juga Kementerian Belia dan Sukan. Saya minta maaf tidak dapat beri jawapan yang menyeluruh. Perkara ini akan dibawa kepada kementerian. Minta maaf.

2. **Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah kejayaan yang telah dicapai oleh kementerian dalam membantu mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran petani-petani di seluruh Malaysia terutama dan Sabah dan Sarawak mengenai kaedah penggunaan sistem pertanian yang lebih moden, canggih dan *cost-efficient*, supaya mereka dapat menikmati hasil pulangan yang berlipat ganda.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Noh bin Haji Omar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberikan tumpuan kepada aspek pengetahuan dan kemahiran petani dan pengusaha industri asas tani dalam penggunaan sistem pertanian yang lebih moden, canggih dan *cost-efficient* supaya mendapat hasil yang optimum. Dalam usaha ini, pada tahun 2009 kementerian telah pun mengadakan beberapa program. Pertama, menyebarkan sebanyak 3,015 maklumat berkaitan teknologi. Di Sabah – 218 dan di Sarawak – 217. Ia meliputi bidang makanan, tanaman, ternakan dan lain-lain telah diberikan kepada usahawan dan bakal usahawan.

Kedua, menjalankan latihan *Test Bed Technology* kepada pembangunan usahawan di MARDI. Di mana seramai 1,398 usahawan termasuk daripada Sabah ada 327 dan Sarawak – 108 orang, telah mendapat faedah daripada latihan yang dijalankan yang mengikut *cluster* makanan tertentu.

Ketiga, melaksanakan khidmat teknikal dan bimbingan meliputi khidmat analisis produk, ceramah teknikal dan klinik usahawan sebanyak 53 khidmat analisis produk di mana Sabah ada enam dan Sarawak dua. 106 ceramah teknikal, di Sabah – 11, di Sarawak – 8 dan 69 klinik usahawan. Sabah – 7 dan Sarawak – 16, telah kita laksanakan.

Selain itu, usahawan juga telah diberikan bimbingan dalam berbagai-bagai bidang teknikal termasuk peningkatan kapasiti pengeluaran, peningkatan kualiti produk sedia ada, penambahbaikan teknologi pemprosesan, khidmat jaminan kualiti, kandungan produk baru dan sebagainya.

Keempat, kementerian juga terus meningkatkan taraf 29 syarikat pengusaha kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana atau (PKS). 57 syarikat mempunyai potensi untuk dinaikkan taraf pada masa akan datang. Syarikat juga telah dapat meningkatkan keuntungan di mana pulangan yang diterima adalah sebanyak RM136.4 juta berbanding dengan nilai pelaburan sebanyak RM54.1 juta.

Kelima, meluaskan pasaran-pasaran ke *hypermarket* bagi produk proses, dan pasaran eksport, di mana 21 syarikat berjaya menembusi pasaran *hypermarket* dan 17 syarikat menembusi pasaran eksport. Untuk nelayan pula, LKIM telah berjaya membina sebanyak 81,855 unit berbagai-bagai jenis unjam-unjam, yang dilabuhkan di 67 buah lokasi. Di sepanjang persisiran pantai yang boleh meningkatkan pendapatan nelayan sehingga RM60 ke RM100 berbanding dengan nelayan yang menangkap ikan di

kawasan lain, yang purata hanya mendapat RM30 ke RM60 sahaja. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Idris bin Haji buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya apakah pendapat Yang Berhormat Menteri jika tiap-tiap negeri ada produk khusus, sekurang-kurangnya tiga untuk mendapatkan *common niche market*, di pasaran global.

Macam Harum Manis di Perlis dan sebagainya. Durian di Pahang misalnya lah. Ini yang penting, bagaimana kita dapat menjamin petani-petani atau nelayan kita dapat berkongsi untung dari keuntungan di pasaran global itu sendiri, dengan kerjasama GLC, agensi kerajaan dan syarikat gergasi daripada pihak swasta. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Noh bin Haji Omar: Okey, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Memang satu pandangan yang cukup baik untuk kita mewujudkan *niche* ataupun pengkhususan bagi tiap-tiap negeri tetapi, hari ini kementerian kita pergi lebih ke bawah lagi, di mana kita telah pun memperkenalkan satu yang dinamakan, "*1Daerah, 1Produk*". Ini kerana, kita mahu supaya tiap-tiap daerah boleh menghasilkan produk-produk tertentu kerana ianya akan dapat memberikan peluang yang lebih kepada petani, nelayan dan penternak dan juga seperti mana Yang Berhormat sarankan supaya ia melibatkan juga sektor-sektor swasta. Memang kita telah pun membuat beberapa langkah untuk kita menarik, bersama-sama dengan syarikat-syarikat *anchor*. Sebagai contoh, kita sudah mula ada di beberapa tempat seperti di Kelantan sebagai contoh, kita mula dengan *Nestle*, untuk tanam cili. Tuan Yang di-Pertua, dia angguklah kerana dia tahu...

Tuan Yang di-Pertua: *Contract farming*.

Dato' Seri Noh bin Haji Omar: *Contract farming*. Jadi, kalau kita ada *contract farming*, katalah ada satu kampung. Jadi, kalau satu rumah boleh tanam 20 pokok cili cukup.

Kalau dalam kampung itu ada 100 buah rumah, bermakna tidak perlu tanah yang luas untuk tanam cili tetapi, dengan syarat mesti dibimbing, sistem '*intricacy*' sebagai contoh dan mesti dibeli balik asas-asas tanaman. Ini yang sedang kita usahakan, untuk memastikan bahawa hari ini pertanian bukan setakat untuk kita menghasilkan produk semata-mata, untuk sara diri tetapi juga hendak dijadikan sebagai bidang pertanian untuk menjadikan suatu profesion kepada petani, nelayan dan juga penternak. Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya apakah kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani seperti dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dahulu. Mempunyai gagasan atau rancangan untuk menggerakkan program pertanian berskala besar untuk mengatasi, contohnya kita terlalu bergantung kepada ayam, daging yang diimport. Contoh yang mikro. Misalnya KFC, ia mempunyai rangkaian mereka yang memelihara ayam untuk di *supply* kepada mereka. Terima kasih.

Dato' Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya kita telah pun merancang untuk kita hendak memastikan bahawa projek-projek pertanian yang sebelum ini kita lihat dibuat secara berskala kecil, yang menyebabkan hasil pulangan kepada petani, nelayan dan penternak ini kurang memberangsangkan.

Oleh itu, dalam RMKe-9 yang lepas, kita telah pun menyusun beberapa program dalam berbagai-bagai bidang untuk memastikan bahawa pertanian ini yang dilaksanakan dalam sistem berskala besar. Bagi bidang pertanian, kita telah pun mewujudkan TKPM, Tanaman Kekal Bagi Pengeluaran Makanan yang ada di tiap-tiap negeri. Di dalam TKPM ini kita lihat, sesuatu TKPM, ia melibatkan sampai 500 ekar, sampai 1,000 ekar pun ada. Itu untuk pertanian.

Dalam masa yang sama di Kluang kita ada juga Taman Teknologi Moden untuk kita memastikan bahawa pertanian ini dilaksanakan bukan sahaja dalam skala besar tetapi juga dilaksanakan di dalam menggunakan teknologi moden. Itu dalam pertanian. Dalam bidang perikanan, kita juga telah mewujudkan ZIA, dipanggil Zon Industri Akuakultur. Di mana di dalam ZIA ini, telah pun kita mulakan di Pahang dan juga di Johor pun ada, untuk dilaksanakan dalam satu projek yang berskala besar, di mana apabila dikatakan ZIA ini, semua beberapa kawasan telah pun dizonkan hanya untuk aktiviti-aktiviti akuakultur.

Dalam bidang ternakan pula, kita telah pun menubuhkan *National Feedlot Centre* (NFC) yang ada di Gemas, yang sepatutnya menjadi peneraju kepada perkembangan ternakan di dalam negara kita. Di mana NFC ini sepatutnya menubuhkan *satellite farm* di seluruh negara dengan mengadakan sistem *contract farming* untuk kita memastikan bahawa bekalan makanan kita cukup.

■1020

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan pula bahawa agensi-agensi kerajaan seperti FELDA, FELCRA dan juga RISDA telah ditubuhkan sebagai satu konsortium dengan modal RM300 juta untuk dijadikan gedung

makanan. Baru-baru ini FELDA telah pun membuat perjanjian dengan syarikat antarabangsa untuk menjadikan FELDA sebagai satu agensi yang akan mengeluarkan daging halal yang terbesar di rantau ini. *Insyallah* Tuan Yang di-Pertua, dengan perancangan-perancangan ini kita akan melihat perkembangan pertanian dalam negara kita akan terus meningkat. Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih di atas kehadiran Datuk Seri. Datuk tadi telah banyak menghuraikan tentang *input* dan *output* hasil yang dilaksanakan. Bolehkah kita kongsi bersama di atas kejayaan kementerian Yang Berhormat Datuk berhubung perkara yang diterangkan tadi dari segi *outcome* dan impaknya semua yang dibuat itu untuk kita kongsi bersama kejayaan tersebut. Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang lebihkan kepada *outcome* kita. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa sekarang ini apa juga yang dibuat bukan sahaja oleh kementerian, Menteri pun ada KPI kita. Jadi di kementerian saya pun, setiap jabatan-jabatan ini kita meletakkan KPI kita untuk kita memastikan bahawa setiap projek yang kita laksanakan, kita kena membuat kajian impaknya sama ada ia memberikan kesan yang positif kepada pelanggan-pelanggan kita.

Jadi, kalau hendak tengok untuk itu, kita ada satu program dipanggil *flagship agricultural* ataupun *Quick Win Program* di mana di dalam *Quick Win Program* ini kita ada lima bidang. Di dalam lima bidang ini, kita fokus seperti kita katakan padi. Kita telah pilih kawasan tertentu di mana dalam tempoh dua tahun kalau saya tidak silap, kawasan yang kita pilih ini mesti boleh menghasilkan sepuluh metrik tan. Kemudian kita juga ada pilih kawasan untuk ternakan, akuakultur di mana kawasan-kawasan ini kita berikan tumpuan khas dan kita memang ada unit berimpak tinggi untuk kita hendak memastikan apa yang kita laksanakan ini kita melihat kesan dalam tempoh yang tertentu. Jikalau ia berjaya, ia boleh menjadi model pula kepada kawasan-kawasan yang lain. Terima kasih.

3. Puan Doris Sophia ak Brodi minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah dos H1N1 yang masih belum diguna pakai setakat ini dan adakah kementerian bercadang memberi suntikan percuma atau diskaun dari harga asal RM70 kepada golongan berisiko tinggi yang kurang pendapatan bagi mengelak berlakunya pembaziran.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Puan Doris di atas pertanyaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memperoleh bekalan vaksin influenza H1N1 berjumlah 400 dos dan ia mencukupi untuk diberikan kepada petugas barisan hadapan yang telah dikenal pasti iaitu sebanyak 200,000 dos. Sementara itu, kementerian juga telah memperuntukkan 200,000 dos vaksin lagi untuk diberikan kepada mereka yang terdiri daripada kumpulan yang berisiko tinggi berdasarkan '*first come-first serve*' basis, dengan izin.

Sehingga 28 Julai 2010, sejumlah 371,185 *doses* telah diberikan iaitu kepada 194,743 orang anggota barisan hadapan dan kepada 176,442 orang daripada kumpulan berisiko tinggi seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Sehingga tarikh yang sama, baki vaksin yang masih ada adalah lebih kurang 6,800 dos sahaja. Dijangka vaksin ini akan dihabiskan dalam masa tempoh yang terdekat. Suntikan pelalian vaksin ini adalah diberikan secara percuma kepada semua kumpulan sasaran yang telah dinyatakan. Orang awam juga boleh mendapat vaksin influenza bermusim tiga serangkai yang terkini iaitu *Seasonal Trivalent Influenza Vaccine 2010*, dengan izin yang turut mengandungi serum Pandemic H1N1 di klinik-klinik dan hospital swasta sekiranya memerlukannya. Terima kasih.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan tadi. Oleh sebab ini adalah berkenaan dengan keselamatan, jadi ada mukadimah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Di United Kingdom saya difahamkan sebelum vaksin H1N1 ini diberikan kepada orang awam, setiap doktor dimestikan menerima suntikan ini dahulu tetapi yang agak mengejutkan, saya difahamkan bahawa lebih daripada 50% doktor-doktor di United Kingdom tidak mahu menerima suntikan ini kerana takut akan kesan sampingannya daripada vaksin tersebut. Kenyataan daripada *Health Protection Agency* yang mengatakan vaksin H1N1 boleh menyebabkan barah dan sindrom...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, teruskan *you* punya soalan Yang Berhormat.

Puan Doris Sophia ak Brodi: / kena katakan ini disebabkan *you know*...

Tuan Yang di-Pertua: Ada berkaitan?

Puan Doris Sophia ak Brodi: Ada berkaitan. Barah dan sindrom GBS masih lagi diterima dengan yakin oleh kebanyakan doktor serta pekerjaan kesihatan. Ini berdasarkan kaji selidik yang dilakukan oleh majalah PULSE dan majalah GP di UK.

Soalan tambahan saya ialah, setakat manakah kebenaran vaksin ini mempunyai kesan sampingan jangka panjang dan adakah telah dijalankan uji kaji akan tahap keberkesanan dan keselamatannya sebelum diimport masuk ke negara kita? Juga saya kira pemberian vaksin ini sebagai langkah pencegahan terakhir yang perlu diambil kerana menurut pakar langkah mencegah seperti memakai topeng di tempat awam, menjaga kebersihan dan menghindari tempat awam adalah langkah yang terbaik dan paling berkesan.

Bagaimanapun, langkah-langkah pencegahan ini tidak dapat diberi penekanan serius oleh pihak kementerian. Kurangnya kempen dan nasihat melalui pelbagai sumber media dari pihak kementerian. Soalan seterusnya, apa yang....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Cukup setakat itu.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mohon pandangan kementerian. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Doris di atas persoalan yang telah dikemukakan. Memang benar persoalan-persoalan seperti inilah Tuan Yang di-Pertua perlu diketahui oleh umum kerana terdapat banyak persepsi yang salah dikemukakan oleh beberapa pihak dan telah mengelirukan bukan sahaja oleh rakyat, tetapi saya difahamkan juga oleh doktor-doktor terutama sekali di sebuah negara yang maju seperti United Kingdom.

Jadi, untuk menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator, memang benar kajian yang telah dijalankan sepanjang pemberian vaksin H1N1 ini di negara kita menunjukkan hanya kesan sampingan seperti demam dan juga bengkak di tempat di mana penerima vaksin itu disuntik sahaja setakat ini, Yang Berhormat. Itu merupakan kesan yang paling ketara sepanjang kita memberikan suntikan pelalian ini kepada penerima-penerima suntikan vaksin.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, pihak kementerian telah menjadikan klinik di Parlimen ini sebagai *venue* untuk kita memberikan suntikan ini bukan sahaja kepada Ahli Yang Berhormat Dewan Negara tetapi juga Dewan Rakyat. Nampaknya *alhamdulillah*, setakat ini kita tidak lagi menerima aduan ataupun kes-kes yang lebih berat daripada apa yang saya katakan lebih awal tadi Yang Berhormat. Jadi keyakinan

kepada vaksin H1N1 ini begitu tinggi di kalangan pengamal perubatan di negara kita, dan nampaknya penerimaan itu secara menyeluruh adalah sangat positif.

■1030

Saya bersetuju Yang Berhormat, langkah-langkah pencegahan boleh diambil untuk kita sama-sama mengatasi masalah H1N1 di negara kita dan pada awalnya pihak kementerian sebenarnya – sekiranya Yang Berhormat meneliti daripada awal sejak virus ini melanda negara kita awal bulan Mei tahun lepas, kita menekankan kepada orang ramai supaya sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan salah satu langkah yang boleh diambil adalah dengan memakai topeng dan mengelakkan daripada pergi ke satu-satu kawasan yang mempunyai ramai orang dalam suatu tempat.

Sebenarnya Yang Berhormat, walaupun dengan langkah-langkah tersebut, ianya tidak menjamin 100% yang seseorang itu tidak boleh dijangkiti oleh H1N1, kerana bukti jelas menunjukkan bahawa mereka daripada kalangan yang berisiko tinggi amat *prone* ataupun amat mudah mendapat jangkitan H1N1 ini, Yang Berhormat. Jadi vaksin Influenza A H1N1 ini adalah salah satu amalan pencegahan yang kita nasihatkan kepada orang ramai.

Namun Yang Berhormat, saya bersetuju, tidak ada 100% *cure* dalam dunia ini. Akan tetapi kita menekankan bahawa amat penting sekiranya kita mengambil langkah-langkah pencegahan kerana untuk pengetahuan Yang Berhormat, virus ini telah meragut 92 nyawa setakat ini. 77 nyawa tahun lepas dan pada tahun ini sebanyak 15 nyawa lagi telah diragut oleh virus ini. Virus ini masih aktif di negara kita dan langkah-langkah berjaga-jaga ini perlu kita ambil dan perlu kita tekankan kepada orang ramai seperti membasuh tangan, amalan kebersihan dan sebagainya, Yang Berhormat. Untuk menambah kepada persoalan...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukuplah itu, Yang Berhormat.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sempat melayari laman web ketika saya berada di sini dan ketika melayari laman web H1N1, saya dapati bahawa *influenza test* ini setakat ini hanya dijalankan di dua makmal sahaja dan ianya dikatakan mengambil masa selama enam jam untuk *run test* untuk satu *batch sample*. Ini kalau web itu tipu, dia tipu sayalah jawabnya. Itu yang terdapat dalam laman web.

Jika kenyataan ini benar dan jika wujud dakwaan mengatakan klinik biasa boleh menjalankan ujian, maka ianya boleh dipertikaikan. Setakat manakah kebenaran kenyataan ini? Ini kerana saya khuatir jika ianya benar, maknanya rakyat selama ini

tertipu dengan kenyataan yang dibuat oleh klinik-klinik yang tidak bertanggungjawab yang mengatakan mereka mempunyai fasiliti dan kepakaran menjalankan *influenza test* ini bagi tujuan mencegah wabak ini. Terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Yang Berhormat, saya kurang memahami mengenai persoalan Yang Berhormat yang mengatakan klinik – enam jam dan sebagainya. Apakah rasionalnya yang...

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *To run the test* untuk H1N1 ini, ia dijalankan oleh dua makmal sahaja berdasarkan laman web ini *and it takes about six hours to get result from all this*. Jadi klinik-klinik biasa kadang-kadang kita pergi, dia kata dia *test H1N1* tetapi *on the spot we can get the answer, you see*. So, *which one right and which one* tipu? *I always go* klinik biasa dan mereka kata “*Sekarang ini kita buat test H1N1*” dan beri orang *injection*. Maknanya kalau ikut laman web ini, *it doesn't happen because it takes about six hours*. Klinik biasa, dia kata kita pergi *test influenza*, pergi *inject*, dia kata okey. Jadi *how far is it true?* Sama ada benar-benar klinik biasa ini dia menjalankan H1N1 atau setakat influenza biasa sahaja? *There is two different things* – influenza biasa ataupun H1N1. So, hendak tahu perbezaan ini.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas persoalan. Memang benar sebenarnya kita menjalani dua *test* yang berbeza Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya adalah untuk mengetahui sama ada pesakit itu mempunyai *strain* influenza ataupun tidak, dan keduanya adalah untuk mengesahkan sama ada pesakit itu mempunyai *strain* influenza H1N1. Itu adalah amalan yang dijalankan dan mungkin dari segi perspektif Yang Berhormat, mungkin ada salah tafsiran kepada apa yang dinyatakan oleh pengamal-pengamal perubatan kita.

Namun Yang Berhormat, langkah-langkah yang kita ambil untuk memastikan bahawa pesakit ini dirawat dengan kadar segera adalah untuk memberikan taemin flu sebelum kita mendapatkan pengesahan sama ada pesakit itu adalah positif H1N1. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada masa ini kita bukan mempunyai hanya dua makmal tetapi kita mempunyai 22 makmal untuk menjalankan ujian H1N1 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf minta Perdana Menteri menyatakan, status kajian memperkenalkan MRT (*Mass Rapid Transit*) di Lembah Klang dengan anggaran RM43 bilion, rasional kenapa kajian ini diberikan kepada pihak yang berkemungkinan menjadi kontraktornya, serta kaedah pembiayaan dan pembayaran yang akan ditanggung oleh kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, projek MRT (*Mass Rapid Transit*) di Kuala Lumpur hanyalah merupakan cadangan skim sahaja. Penelitian lanjut cadangan ini adalah diperlukan bagi memastikan faedah-faedah yang optimum kepada sistem pengangkutan rel di Lembah Klang amnya dan memberi manfaat pengguna-pengguna pengangkutan awam khususnya.

Model pengangkutan utama yang sesuai dengan kehendak sesuatu bandar raya hendaklah berlandaskan beberapa ciri penting. Di antaranya:

- (i) kapasiti jangka panjang yang diperlukan;
- (ii) sistem automatik yang mengoptimumkan sumber tenaga manusia;
- (iii) sistem sokongan *feeder* yang menyeluruh;
- (iv) pencemaran alam sekitar; dan
- (v) faktor keberhasilan ekonomi secara keseluruhan ataupun dengan izin, *economic survivability*.

Oleh yang demikian, sistem MRT dapat menentukan kesemua faktor yang dijelaskan di atas dapat ditemui secara objektif. Ini dapat dilihat di mana kebanyakan bandar raya utama dunia seperti Seoul, Beijing, London dan lain-lain yang mana sistem *train* ataupun MRT, walaupun memerlukan kos projek yang agak lebih besar berbanding dengan VRT ataupun laluan bas, ia masih menjadi pilihan utama dari segi kapasiti, keselesaan, keanjalan serta kerana dapat memenuhi kriteria-kriteria ketat pembangunan jangka panjang projek-projek pengangkutan awam di negara tersebut.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, fokus utama projek pengangkutan awam adalah untuk keselesaan dan kesenangan pengguna di Lembah Klang. Hanya melalui kajian yang benar-benar menepati kriteria yang digariskan, barulah pihak kerajaan akan mengambil kira cadangan-cadangan yang benar-benar berpotensi untuk dilaksanakan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada pihak Jabatan Perdana Menteri. Saya boleh menghargai bahawa sistem MRT adalah satu daripada kaedah sistem yang kos efektif dan kapasiti tinggi bagi menyuraikan kesesakan lalu lintas.

Jadi soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah apakah kajian ataupun penelitian ini – yang saya maksudkan di soalan saya di bahagian kedua – sedang

dilaksanakan oleh siapa? Ini kerana kita melihat – bahagian kedua soalan saya ini, ialah nilai RM43 bilion adalah satu nilai yang cukup besar dalam RMKe-10, sebahagian besar daripada pelaburan yang kita sasarkan. Sedangkan sekiranya kita menggunakan kaedah kewangan, ia mendedahkan kerajaan kepada satu tanggungan *interest* hampir RM35 bilion. Jadi saya inginkan penjelasan kepada pihak kementerian, apakah strategi pendekatan untuk kita laksanakan MRT ini kerana pembinaannya mengambil tidak kurang daripada empat tahun? Penelitian dan kajian juga mengambil masa satu hingga dua tahun. Sekian, terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ir. Zamri. Untuk makluman Yang Berhormat, satu kajian mengenai sistem MRT ini akan dijalankan oleh satu pasukan petugas khas yang diketuai oleh KSN, di mana SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat) akan bertindak sebagai sekretariat kepada pasukan khas ini.

■1040

Jadi oleh yang demikian, saya rasa adalah terlalu awal untuk menganggapkan sesetengah pihak yang telah pun ditanya oleh Yang Berhormat dalam soalan Yang Berhormat. Sesetengah pihak yang berpotensi dari yang lain mampukan pengeluaran pada pihak-pihak yang berkenaan. Jadi bagi saya tindakan Yang Berhormat Senator Ir. ini boleh dianggapkan terlebih awallah. *It's like jumping the gun*. Macam juga kata pepatah orang Melayu itu, macam “mendengar guruh di langit, air di baldi pula dicurahkan”... [Ketawa] So, itulah. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ialah, tidakkah kerajaan bercadang untuk menyambung MRT ini ke Lapangan Terbang Subang kerana hari ini kita sudah ada FireFly berangkat dari Lapangan Terbang Subang dan tidak ada *transport* ke sana, dengan izin. Jadi kalau itu kita dapat membantu penumpang-penumpang yang akan menaiki FireFly dan menggunakan LRT ke Lapangan Terbang Subang. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri. Seperti yang telah pun dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan memang bercadang untuk memanjangkan sistem MRT ini di mana sistem ini akan merangkumi dua kilometer *of the inner city, the Greater Kuala Lumpur* dan saya harap ini mungkin akan merangkumi bandar seperti Subang dan juga ke bandar-bandar berkenaan kerana *it is a twenty radius*. Sekiranya kita kira, misalnya dari Dataran

Merdeka, *it is a twenty radius* daripada situ. Itu yang dia punya rancangan. Walau bagaimanapun, seperti yang saya nyatakan tadi, masa sekarang ini kajian ini masih lagi dalam penelitian dan pasukan khas akan ditubuhkan oleh pihak kerajaan, diketuai oleh KSN. Terima kasih.

5. Tuan Ahmad bin Hussin minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, adakah benar dakwaan yang mengatakan bahawa sejak minyak petrol RON95 diperkenalkan pada bulan Mac 2009, banyak kenderaan yang terlibat dalam kemalangan telah mudah terbakar disebabkan minyak petrol RON95 yang sedang digunakan di Malaysia mengandungi benzin yang tinggi iaitu bahan kimia yang amat mudah terbakar.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, pernyataan bahawa RON95 menjadi punca berlaku kebakaran sekiranya berlaku kemalangan akibat kandungan benzin yang tinggi adalah tidak benar. Petrol RON95 adalah bahan bakar yang mematuhi spesifikasi Euro 2M yang mana ia dapat mengurangkan pencemaran udara akibat pelepasan sulfur. Di bawah spesifikasi Euro 2M ini, jumlah maksimum penggunaan benzin hanyalah 5% sahaja dan benzin yang terkandung di dalam RON95 berfungsi sebagai *octane booster* yang sebelum ini kita menggunakan plumbum. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akhir-akhir ini kita lihat bahawa kebakaran tiba-tiba sahaja berlaku dan kita pun hairan. Sebab itu saya timbulkan soalan ini. Soalan tambahan saya ialah adakah kandungan benzin minyak petrol RON95 yang sedang digunakan di Malaysia lebih tinggi daripada yang sedang digunakan oleh negara-negara maju yang lain. Tolong bagi *comparison*.

Yang kedua, ketika menetapkan spesifikasi minyak petrol RON95, adakah kementerian mengambil kira aspek keselamatan. Mohon statistik kenderaan terbakar 12 bulan daripada Februari 2008 hingga Februari 2009. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan tadi sebab seperti saya katakan, RON95 ini telah mematuhi segala spesifikasi Euro 2M di mana ianya didapati hanya mengandungi 5% sahaja benzin. Jadi saya berilah sedikit sebanyak apa makna RON dan sebagainya, Yang Berhormat ya, sedikit sebanyak.

RON ini merupakan singkatan kepada *Research Octane Number* yang merupakan kadar untuk menyukat ketahanan terhadap ketukan, *it's knocking*, sesuatu minyak petrol di dalam enjin.

Nombor yang menyusul selepas RON adalah peratusan isi padu *pentane* atau pentana di dalam campuran iaitu isooktana dan heptana yang memberikan kapasiti anti ketukan atau *anti knocking*. Ini bermaksud kalau kita guna RON95 bermakna ia mempunyai 95% kandungannya adalah isooktana dan selebihnya adalah heptana. Bermakna 5% adalah *heptanes*. Begitu juga dengan RON97, ini bermakna 97% adalah isooktana, *isooctane* dan 3% adalah heptana.

Jadi, Yang Berhormat, Yang Berhormat katakan tadi masih juga dikatakan bahawa disebabkan RON95. Untuk makluman Yang Berhormat, kita buat *survey*lah juga bila soalan ini naik. Jadi, kebakaran adalah berlaku atas tiga perkara. Pertama adalah percikan api dengan sumber penyalaan. *Accident*, Yang Berhormat ya, macam-macam, ada juga berlaku dengan tidak ada apa, ia *stop* di *traffic light*, terbakar *and then* kalau *dheck* dari mana puncanya, enjin. Enjin dekat depan, jadi bukan di belakang tangki itu. *So, it's* bukan sebab petrol ini... [*Disampuk*] Disebut percikankanlah. Itu percikan... [*Ketawa*]

Keduanya, oksigen. Saya pun belajar, Yang Berhormat. Oksigen, Yang Berhormat. Jadi, oksigen dengan nisbah yang mencukupi. Dan ketiga adalah kebocoran tumpahan minyak di tangki kenderaan. Jadi, untuk kebakaran, memerlukan tiga perkara ini. Soalan yang kedua tadi, Yang Berhormat, saya tidak dapat tangkap. Berapa statistik kah apa itu, Yang Berhormat?

Tuan Ahmad bin Hussin: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Kekejutan kebakaran sebab...

Tuan Ahmad bin Hussin: Statistik tentang kebakaran dalam masa 12 bulan itu, 2008 sampai 2009 itu, berapa?

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Jadi, Yang Berhormat, yang itu minta maaf betul-betul. Statistik itu memang tidak ada... [*Ketawa*] Jadi Yang Berhormat, yang itu memang betul-betul kami mesti memberikan secara bertulislah...

Tuan Yang di-Pertua: Spesifik.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: ...Yang kadar-kadar kemalangan sebab kita kena mendapat daripada kementerian yang lain pula. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri itu apa isooktana, jin tanah, apa semua itu, saya tidak berapa faham... *[Ketawa][Disampuk]* Ha, jin tanah. Persoalan sekarang, satu persepsi telah menular di dalam masyarakat pengguna minyak bahawa RON95 ini memberi kesan negatif kepada kenderaan. Saya sendiri pun hampir-hampir terpengaruh pada peringkat awalnya. Sekarang tidak. Jadi, pertanyaan saya, bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah ini dengan tujuan memberi penerangan dan penjelasan kepada semua pengguna bahawa RON95 ini sebenarnya selamat digunakan. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ada dua jenis petrol di dalam negara buat masa ini. RON95 ini adalah subsidi dan RON97 ini adalah yang *managed float*.

Jadi kita tidak ada pilihan, kita ada yang dua ini sahaja dan yakinlah, Yang Berhormat, kalaulah kerajaan mengenalkan sesuatu di dalam negara, adakah kita hendak membunuh rakyat di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum kita mengenalkan yang RON97, kebanyakannya dalam *late 90's* kita menggunakan minyak yang berplumbum. Plumbum ini satu lagi, Yang Berhormat. Jadi, plumbum ini rupanya adalah *carcinogens*.

■1050

Bermakna ia menyebabkan kanser, *it's cancerous in nature* dan tidak mesra alam. Sebab itu kita tukarkan, mula-mulanya kepada RON92 dan RON92 ini didapati *power*nya kurang, tadi saya dah cerita, saya belajar - *92 means 92%* bermakna *power* kurang. Jadi kita masuk 95 dengan 97 bermakna 95% iso oktana dan *balance* nya itu heptana, jadi 92 itu didapati tidak berkuasa tetapi, sebelum ini kita berplumbum, masalah masa itu kita bertanya sesama kita, apa itu plumbum atau tidak plumbum? Kalau kita pergi stesen minyak, kan dia tanya, hendak beli yang berplumbum atau tidak berplumbum?

Jadi rupanya plumbum ini *is carcinogenic in nature* dan kita telah gantikan plumbum ini dengan benzin. Benzin ini adalah sesuatu yang menjadi *octane booster*. Bermakna Yang Berhormat, kita masukkan benzin ini, ia *boost* kan kuasa untuk *knocking*. Jadi *knocking* ini rupanya kena ketuk-ketukkan enjin baru berjalan. Ini Yang Berhormat jangan tanya banyak sangatlah, saya pun - sebab dia beritahu ketuk-ketuk macam pemangkin. Dia kena ketuk-ketuk dalam minyak kita baru dapat berjalan.

Jadi, *so meaning to say* Yang Berhormat, kita masukkan 95%, jadi yang kita *subsidize* pun 95%, ini RON95 boleh kata ngam dengan kebanyakan kereta di Malaysia. Ada buat *study* juga ini, dia ngam tetapi 97 ini yang kita dah tidak *subsidize*, dia untuk yang kuasa tinggi macam Ferrari, macam itulah, yang kereta mahal sikit tetapi, 95 ini kira boleh digunakan oleh kebanyakan jenis kereta tetapi, kita boleh juga *resort to* minyak 97 kalau kita hendak kuasa yang lebih tinggi.

Jadi Yang Berhormat, saya mintalah memang sesuatu yang kita hendak perkenalkan di dalam negara mestilah kita perkenalkan yang terbaik. Tadi kita tahu yang plumbum itu kita dah tukar, tidak berplumbum...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Ya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup-cukup.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Jadi yakinlah, kalau kita dapati insiden-insiden yang menjurus kepada pertambahan penyakit dan sebagainya, sedikit ya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu RON ini ibarat macam ini, badan kita memerlukan katalah 1,000 miligram vitamin 'C' tetapi kita padatkan sampai 3,000 tidak ada kesan, kita hanya 1,000 jadi 2,000 itu *wasted*, sama jugalah. RON95 *just nice* tapi kalau ada duit, pakai jugalah 97. Sekian terima kasih.

6. Datuk Akbar bin Ali minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah/sedang/akan diambil oleh kementerian terhadap syarikat swasta tertentu yang menetapkan syarat Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina sahaja untuk mengambil pekerja; dan
- (b) apakah tindakan proaktif yang akan diambil dan rangka kerja institusi (*institutional framework*) yang telah disusun untuk memastikan sektor swasta melaksanakan konsep keterangkuman dari segi guna tenaga agar selaras dengan tuntutan 1Malaysia dan teras pembangunan sosio-ekonomi yang terpahat dalam RMKe-10.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali, soalan yang agak panjang.

Kementerian Sumber Manusia sentiasa prihatin dan mengambil berat tentang kebajikan pekerja-pekerja di sektor swasta dengan memastikan pihak majikan mematuhi

Undang-undang Perburuhan dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan melalui undang-undang tersebut. Dengan hal yang demikian, Kementerian Sumber Manusia sentiasa memantau syarikat swasta supaya tidak melakukan diskriminasi dalam pengambilan pekerja yang menjurus kepada perkauman. Bahkan kita juga memantau sebarang diskriminasi seperti berasaskan gender dan lain-lain.

Syarat menguasai bahasa Inggeris dan bahasa Cina sebagai satu kelebihan untuk sesuatu jawatan mungkin kerana keperluan pekerjaan tersebut Tuan Yang di-Pertua, seperti jenis pekerjaan yang memerlukan berhubung dengan orang asing ataupun jenis industri yang tidak sesuai untuk kaum-kaum tertentu. Sekiranya ada aduan pegawai Jabatan Tenaga Kerja akan buat siasatan. Konsep keterangkuman yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh melalui Teras Strategi Ketiga iaitu pembangunan ekonomi secara *inclusiveness*, dengan izin, merupakan prasyarat bagi memastikan setiap rakyat dapat menikmati kemakmuran hasil pembangunan negara. Pendekatan ini akan menjamin keadilan sosial kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan dan tidak akan ada sesiapa pun yang rasa terpinggir.

Di bawah Dasar Perburuhan Negara, telah dinyatakan secara jelas bahawa komposisi kaum dalam pengambilan pekerja oleh pihak swasta hendaklah adil dan munasabah. Bagi pengambilan kumpulan pengurusan dan eksekutif, pihak swasta juga digalakkan mengambil kira komposisi kaum di dalam syarikat-syarikat mereka. Tindakan-tindakan proaktif Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja ialah dengan mengadakan beberapa aktiviti yang telah dirangka dan dilaksanakan bagi memastikan majikan sedar akan tanggungjawab mereka dan antara aktiviti ini adalah lawatan-lawatan promosi, dialog industri, dialog yang melibatkan tiga pihak (*tripartisme*), kerajaan, majikan dan juga pekerja serta mengadakan lawatan-lawatan pembangunan.

Penekanan komunikasi dua hala ini dapat merapatkan pihak swasta dengan kerajaan. Sektor swasta digalakkan untuk mengambil lebih ramai pekerja bumiputera khususnya di peringkat pengurusan atasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Berkenaan dengan jawapan 69(a), terima kasih atas jawapan yang diberikan. Saya ingin bertanya, tidakkah ia melanggar semangat 152 Perlembagaan Malaysia dan juga Akta Bahasa Kebangsaan 1968?

Berhubung dengan jawapan 6(b), mohon berikan statistik menjurus kepada sektor swasta yang merupakan 90% guna tenaga kerja mengikut pecahan pekerjaan, industri, kaum dan jantina bagi misal kata tempoh 2005/2009. Seterusnya terangkan

mekanisme yang boleh saya faham bagaimana hendak mendapatkan angka-angka seperti ini di sektor swasta bagi tujuan pemantauan dan seterusnya tindakan dasar. Contohnya, pernah dibuat, *ownership survey*, dengan izin, pada tahun 1980-an dahulu. Adakah mekanisme yang sama akan dibuat atau bagaimana? Ini selaras dengan muka surat 145, RMKe-10. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertama, saya hendak maklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia tiap-tiap dua tahun kita mengadakan satu bancian guna tenaga kerja sektor swasta. Yang terakhir kita buat ialah pada tahun 2009 dan analisisnya akan keluar, *insya-Allah* pada tahun ini. Untuk tujuan soalan tadi, saya kemukakan angka tahun 2007, kali terakhir sebelum kita mengadakan bancian. Kajian ini dibuat berdasarkan kepada 337,473 majikan dan melibatkan pekerja seramai 3,572,440 orang.

Kita dapati secara keseluruhan mengikut kaum, 47.7% adalah dari kaum Melayu, 35.1% kaum cina, 7.5% adalah kaum India dan 9.7% yang lain-lain. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penglibatan mengikut kategori pekerjaan, kalau kita lihat bahawa di peringkat pegawai kanan dan pengurusan, orang-orang Melayu 39.7%, Cina 46.9%, India 6.5% dan lain-lain 6.9%. Di kumpulan profesional pula, orang-orang Melayu 39%, Cina 51.1%, India 6.6% dan lain-lain 3.3%. Di peringkat pekerja asas, pekerja biasa Tuan Yang di-Pertua, orang-orang Melayu 56.1%, Cina 13.2%, India 10.4% dan lain-lain 20.3%. Jadi daripada data ini menunjukkan bahawa ada keseimbangan mungkin, yang perlu kita lihat.

■1100

Mekanisme pemantauan Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita hanya mendapat statistik dan data melalui bancian guna tenaga kerja dua tahun sekali tetapi kita tidak memantau lebih daripada itu buat sementara waktu. Mengenai dengan apa yang dibuat tahun 80-an, mungkin Tuan Yang di-Pertua, maksud Yang Berhormat Senator ini adalah pemantauan yang dibuat oleh EPU di Jabatan Perdana Menteri dan saya percaya tugas ini masih ada lagi di peringkat tersebut. Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, akibat daripada kurang mahir berbahasa Inggeris, persepsi di kalangan umum adalah mana-mana graduan itu adalah bodoh, kurang mahir dan mereka dianggap kurang keyakinan diri. Oleh yang demikian, saya ingin tanya kepada pihak kementerian, apakah langkah yang telah dibuat oleh pihak kementerian? Sebagai contohnya, adakah pihak kementerian mempunyai makmal bahasa bagi menggalakkan

ataupun melatih pelajar-pelajar kita yang tamat belajar untuk menguasai bahasa Inggeris untuk perniagaan dan juga untuk komunikasi bagi mengatasi persepsi ini? Terima kasih.

Dato' Maznah Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Mengenai dengan kemampuan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, ini merupakan satu perkara yang boleh memberi kekuatan kepada daya keupayaan pekerjaan seseorang itu terutama sekali apabila dia ingin bekerja dengan pihak swasta ataupun di peringkat global. Perkara ini telah dibincangkan dengan begitu panjang lebar dan saya rasa di semua peringkat yang terlibat dalam pendidikan di negara ini sama ada Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi dan juga di bidang-bidang latihan kemahiran. Usaha-usaha sedang dibuat oleh semua pihak supaya kemahiran-kemahiran berkomunikasi dan lain-lain kemahiran yang boleh mempertingkatkan keyakinan diri juga usaha-usaha menggalakkan mereka membuat keputusan persembahan diri dan lain-lainnya. Ini sebenarnya sudah digarap atau disadurkan di dalam semua peringkat pendidikan. Di bidang kemahiran pun pelajar-pelajar kita pada masa kini dimasukkan di modul-modul yang boleh membantu. Cuma sama ada cukup atau tidak apa yang dilaksanakan, ini perlu kita pantau dan perlu ada usaha-usaha tambahan yang dibuat di dalam RMKe-10. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. **Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah ciri-ciri penting kumpulan rakyat sederhana seramai 2.4 juta orang yang hendak dibantu oleh kerajaan, dan apakah jenis-jenis bantuan yang disediakan untuk mereka.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Dato' S. K. Devamany]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, ingin saya membuat sedikit penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Di dalam *Order Paper* dalam bahasa Inggeris iaitu soalan nombor 7, ia kata, "*To ask the Minister of Finance*". Sepatutnya *Prime Minister*. So, ada kesilapan. Dalam bahasa Melayu betul tetapi, dalam bahasa Inggeris tidak betul Tuan Yang di-Pertua.

Untuk soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Agaknya elok kalau pihak yang berkenaan ambil perhatian dalam perkara ini. Jangan berlaku lagilah. Terima kasih.

Dato' S. K. Devamany: Baik. Tuan Yang di-Pertua, ciri-ciri penting kumpulan rakyat sederhana seramai 2.4 juta orang adalah pertama, 40% golongan pertengahan itu sebenarnya *urban household*. Mereka duduk di bandar. 76% daripada golongan ini duduk di bandar dan 24% tinggal di luar bandar. Itulah komposisinya dan mereka mempunyai pendapatan isi rumah antara RM2,300 hingga RM5,600. Itu yang kita anggap sebagai golongan berpendapatan tengah ini. Dan mereka mempunyai purata pendapatan sebanyak RM3,631, taraf pendidikan mereka adalah kelulusan SPM dan ke atas, dan kebanyakan mereka berpekerjaan sebagai pentadbir, pengurus, golongan profesional, golongan teknikal dan juga terlibat dalam sektor-sektor formal. Itulah ciri-ciri golongan pertengahan ini.

Untuk soalan tahap kedua – apakah jenis-jenis bantuan yang telah diberikan untuk golongan ini? Pertama, golongan ini akan diukur atau diberi peluang berdasarkan merit dan mengikut anjakan pasaran. Dalam konteks ini, pembinaan keupayaan dan kebolehan akan diadakan. Kalau kita lihat dalam RMKe-9 dan RMKe-10, pembinaan kapasiti ini merupakan induk bagi pembangunan modal insan untuk golongan ini. Selain daripada itu, persekitaran yang kondusif juga diwujudkan untuk mereka terlibat dalam keusahawanan dengan memberi kemudahan-kemudahan dan juga pelbagai bentuk latihan keusahawanan dan insentif premis untuk mereka berniaga. Ini kerana banyak daripada mereka juga terlibat dalam perniagaan.

Seterusnya hala tuju baru adalah untuk membuat *reskilling*, memberi kemahiran semula kepada golongan-golongan yang telah bekerja dan peningkatan kemahiran di kalangan mereka. Akhir sekali, sektor SME dan SMI – industri kecil dan sederhana, akan menjadi penjana utama dalam Model Baru Ekonomi serta sektor-sektor perkhidmatan – 27 sektor akan diberi keutamaan dalam bidang-bidang ini untuk golongan ini mempertingkatkan diri mereka dari segi pendapatan. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan itu – minta maaf Tuan Yang di-Pertua, hendak terus tidak dapat, kena buat *preamble* juga.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Daripada jawapan itu, saya nampak kebanyakannya berdasarkan kepada ekonomik. Jadi pertanyaan tambahan saya, selain daripada asas ekonomi sebagai ciri-ciri kumpulan ini, apakah asas-asas lain yang boleh kita sebut sebagai ciri kumpulan ini? Misalnya, di mana mereka bekerja atau lebih kurang berapa peratus mereka terlibat dalam sebagai kakitangan kerajaan dan berapa

peratus mereka terlibat sebagai pekerja sendiri. Ini kerana, maklumat ini saya rasa memudahkan kita untuk memberi bantuan kepada golongan ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' S. K. Devamany: Tuan Yang di-Pertua, saya setujulah dengan Yang Berhormat. Akan tetapi keperincian itu terlalu *detail*, terlalu terperinci. Kerajaan sedang menjalankan bancian di seluruh negara sekarang. Banci isi rumah dan begitu terperinci.

Setelah habisnya banci ini pada 22 Ogos depan, maka data-data yang begitu jitu akan dapat diperangkakan untuk tujuan pembangunan. Pada masa itu mungkin Yang Berhormat boleh dapatkan maklumat daripada kami mengenai orang yang bekerja dalam kerajaan dan swasta dan sektor-sektor swasta yang mereka bekerja. Terima kasih.

Puan Usha Nandhini a/p Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya Yang Berhormat ialah apakah peratus masyarakat India dalam kategori rakyat sederhana dan apakah rancangan khusus bagi golongan ini dalam sektor awam iaitu dari segi peluang pekerjaan dan kenaikan pangkat dan dalam sektor swasta dari segi latihan bina upaya dan juga bantuan dana? Terima kasih.

Dato' S. K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Peratus golongan masyarakat India daripada golongan ini – 24% ini adalah seramai 43.6%. Bererti, 43.6% daripada seluruh golongan India di dalam kategori ini, sebanyak 7.8% daripada penduduk ini adalah golongan pertengahan. Dari segi sektor awam, dari segi peluang ini, saya rasa Kabinet telah membuat keputusan untuk memastikan bawah 7.4% daripada sektor awam itu akan daripada golongan masyarakat India tetapi setakat ini kita belum sampai ke sasaran itu.

■1110

Kita lebih kurang 4.8% dan 5% sahaja. Maka kaedah-kaedah yang dilakukan untuk memastikan bahawa golongan ini tercapai dari peringkat atas ke bawah, yang pertama itu. Kedua, dari segi kenaikan pangkat masih ada ruang untuk di perkasa, maka belum lagi kerana banyak daripada mereka masih dalam sektor perguruan dan sektor perubatan.

Maka kepelbagaian sektor-sektor itu perlu diperbetulkan dari sudut pengagihan. Kedua, dari segi sektor swasta bagaimana kerajaan sedang bantu. Di peringkat EPU, di Unit Perancangan Ekonomi kita telah mulakan dua program. Satu untuk kemahiran, di mana ada 15 institusi yang sedang melatih, setakat ini dalam tempoh satu tahun hampir 2000 belia India dalam pelbagai sektor, di bermacam-macam peringkat, *hand phone*

technician, broadcasting dan sebagainya. Ada lebih kurang 18 jenis kemahiran yang menjadi *market friendly* ataupun penawaran, *market demand*.

Maka kita tengah latih dan kita tengah berunding dengan 'Kementerian Usahawan,' kementerian-kementerian berkenaan bersama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk memastikan golongan belia ini sebagai *preventive measure*. Dari segi soal ekonomi pula, bantuan ekonomi. TEKUN setakat ini telah mengeluarkan dana sebanyak RM35 juta pada tahun 2008, RM12 juta pada 2009 dan pada 2010, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan dalam bajet, RM20 juta sebagai dana untuk memulakan perniagaan di kalangan masyarakat India.

Amanah Ikhtiar Malaysia telah memulakan program khas untuk wanita-wanita India atau pemuda-pemudi India untuk membuat perniagaan. Itulah langkah-langkah yang sedang diambil. Terima kasih.

8. Tuan Khoo Seang minta Menteri Kewangan menyatakan, sama ada keputusan kerajaan bahawa levi pekerja asing dibayar oleh majikan akan menyebabkan kehilangan *foreign exchange* kerana para pekerja asing akan menghantar balik wang yang diijamatkan itu ke negara mereka.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan menetapkan supaya majikan membayar levi pekerja asing pada keseluruhannya tidak menyebabkan negara kehilangan *foreign exchange*. Ini adalah berdasarkan laporan imbalan pembayaran luar negara, di mana jumlah pemindahan wang ke luar negara yang dicatatkan telah berkurangan kepada RM5.98 bilion pada suku pertama tahun 2010. Berbanding suku ketiga tahun 2009 sebanyak RM7.14 bilion dan suku keempat tahun 2009, sebanyak RM7.45 bilion.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah mengumumkan keputusan levi tersebut semasa pembentangan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua di Dewan Rakyat pada 10 Mac 2009. Keputusan ini diambil bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan memberi keutamaan menggaji pekerja tempatan. Berikutan dengan langkah tersebut, jumlah pekerja asing yang berdaftar dengan kerajaan telah berkurangan kepada 1.8 juta orang pada Februari 2010 berbanding dengan 1.9 juta pada Januari 2009.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha berterusan kerajaan adalah penting untuk memastikan tenaga kerja tempatan diberi keutamaan dan ianya selaras dengan matlamat Model Ekonomi Baru dan program di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Perkara penting yang diberi keutamaan ialah untuk menyusun semula pasaran

pekerjaan dan meningkatkan kemahiran serta keupayaan tenaga kerja tempatan, agar Malaysia dapat melonjak menjadi negara maju dan ekonomi berpendapatan tinggi. Sekian.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan daripada maklumat yang diberikan oleh MTUC bahawa negara kita setiap hari ada 1600 orang pekerja asing masuk ke Malaysia. Jadi, kalau pada puratanya sekiranya levi 1500, ini bermaksud setiap hari majikan kena bayar RM2.4 juta sebagai levi. Wang yang dijimatkan oleh pekerja asing itu mereka tidak akan gunakan di Malaysia, mereka akan hantar balik ke negara asalnya. Jadi, ini maksudnya kehilangan *foreign exchange* pada saya. Ini satu hari pun sudah RM2 juta lebih. Kalau setahun berapa banyak?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khoo. Memang saya tidak pasti perkara ini. Seperti yang saya diberitahu, kita ada hasrat untuk mengurangkan pekerja asing dan dalam tempoh tiga tahun yang kita hendak kurangkan dari 1.8 juta ke 1.5 juta. Wang yang dikatakan tadi RM2.4 juta, yang telah tidak dikutip dari pihak pekerja asing itu memang adalah satu perkara yang kita mesti kaji.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih dengan memberi peluang soalan tambahan ini. Saya ingin tanya pihak Kementerian Kewangan di manakah kita hendak cari keseimbangan dalam keperluan kepada tenaga kerja yang masih lagi dalam laporan ini, masih lagi memerlukan sekitar dua juta pekerja asing yang kita perlukan di Malaysia.

Di manakah keseimbangan di antara kita hendak mengawal pengaliran wang ke luar seperti mana yang berlaku dalam enam bulan terakhir tahun 2009. Yang hampir lebih RM14 bilion seperti yang disebut tadi dan juga di antara kesusahan tekanan yang diberikan untuk mendaftar ini menyebabkan sebahagian pekerja yang ingin mendaftar sebagai pekerja asing, akhirnya menjadi pekerja asing tanpa izin. Di mana keseimbangannya?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang adalah hasrat kerajaan untuk mengurangkan pekerja asing seperti yang saya katakan tadi dan dengan Model Ekonomi Baru dan juga di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kita memang hendak kurangkan pekerja asing. Akan tetapi ini terpulang kepada semua pihak yang terlibat terutama sekali majikan. Saya nampak ada majikan-majikan yang membawa pekerja asing dalam sektor-sektor,

macam restoran, sektor gunting rambut yang memang ini sektor yang kita tidak memerlukan.

Saya berharap, kita dengan Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Sumber Manusia, kita mesti ada satu *master plan* untuk pekerja asing. Kita mesti kurangkan sektor-sektor pekerja asing yang tidak perlu dan memang boleh kurangkan angka itu. Sekian.

9. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, apakah tindakan yang sedang dijalankan untuk menaik taraf institut pengajian tinggi dalam negara selaras dengan usaha untuk meningkatkan penajaan pelajar cemerlang lepasan SPM untuk mengikuti pengajian dalam negara.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat melalui pelan tindakan yang digariskan di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara atau PSPTN. Kementerian sedang melaksanakan 23 Projek Agenda Kritikal, yang mana sebahagian daripadanya adalah secara langsung bertujuan untuk memperkasakan universiti tempatan khususnya IPTA untuk bersaing di persada antarabangsa, di antaranya ialah;

- (i) program *MyBrain15*;
- (ii) pengajaran dan pembelajaran;
- (iii) penyelidikan dan pembangunan; dan
- (iv) pengantarabangsaan.

Salah satu Projek Agenda Kritikal bagi memperkasakan pengajian tinggi di persada dunia ialah dengan melaksanakan program *Accelerated Program for Excellence* (APEX). Program APEX diwujudkan bagi meningkatkan keupayaan dan kecemerlangan institusi pengajian tinggi Malaysia supaya setanding dengan universiti terkemuka di dunia.

■1120

Sebagai panduan kepada orang ramai terhadap standard dan kualiti dalam perkara pembelajaran dan pengajaran atau singkatannya PNP terhadap IPT dalam negara keputusan setara baru-baru ini telah memberi penilaian yang objektif mengenainya.

Pengumuman tersebut sekali gus membolehkan IPT yang mendapat dengan izin, *rating Tier 4* adalah sangat baik dan ke atas kini boleh menerima pelajar tajaan kerajaan bagi program dalam negara dan *Tier 5* dan 'NSIs' termasuk program di luar

negara. Ini bermakna pelajar-pelajar cemerlang lepasan SPM kini boleh memilih banyak lagi IPT dalam negara untuk mengikuti program pengajian yang berkualiti. Sekian.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan seterusnya bagaimanakah tindakan menaik taraf yang disebut tadi boleh menjadikan IPTA sebagai institusi pengajian tinggi pilihan untuk membolehkan tajaan pelajar cemerlang dalam negara.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua memang Kementerian sangat mementingkan kualiti universiti tempatan yang sedia ada. Kini universiti-universiti tempatan yang memberi ranking di antarabangsa kita mempunyai lima universiti yang dapat lima yang terbaik mengikut THES-QS. Ini menunjukkan bahawa memang universiti kita ini memang layak untuk - ataupun berkualiti ataupun memang baik untuk menerima pelajar-pelajar yang cemerlang. Juga IPT yang lain juga sekarang mereka memang selalu berusaha supaya dapat ranking ataupun rating yang lebih baik. Jadi tidak ada masalahlah untuk IPTA menerima pelajar-pelajar yang cemerlang untuk meneruskan pengajian mereka.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah dari segi akhbar baru-baru ini ataupun tiap-tiap kali selepas SPM, banyak iklan-iklan yang telah disiarkan dalam akhbar oleh IPTA ataupun IPTS yang mempelawa pelbagai ijazah. Apakah ijazah ini diiktirafkan terutama sekali di IPTS. Adakah di antara IPTS-IPTS ini yang menipu ataupun tidak diiktirafkan oleh kerajaan supaya mereka ini tahu, orang-orang yang lepasan SPM ini tahu IPTS mana yang perlu mereka masuki. Terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang Kementerian sangat mengambil berat tentang kualiti kursus yang ditawarkan oleh IPTS. Berkenaan dengan iklan-iklan. Memang kalau ada apa-apa IPTS yang menawarkan kursus yang tidak mengikuti peraturan Kementerian akan mengambil tindakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita juga selalu menasihatkan supaya ibu bapa dapat berhati-hati supaya kursus yang ditawarkan itu semua memenuhi ataupun dapat kelulusan MQA supaya pelajar-pelajar itu tidak akan ditipu. Kalau ada apa-apa aduan ataupun penipuan Kementerian Pengajian Tinggi akan menyiasat dengan secepat mungkin. Saya sendiri pun pernah turun padang untuk menyiasat kursus-kursus yang dikatakan telah melakukan penipuan. Sekian.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada rombongan tidak tahu daripada negeri mana ke Dewan yang mulia ini. Selamat datang... *[Tepuk]*

10. Puan Hajah Noriah binti Mahat minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah jumlah sekolah tahfiz di seluruh negara dan adakah kerajaan menyediakan garis panduan tertentu untuk penubuhan sekolah-sekolah tahfiz di Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dari Muar naik sampan, sekarang kita beri jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah sekolah tahfiz yang berada di bawah kendalian Kerajaan Pusat hanyalah satu sahaja iaitu Darul Quran di Kuala Kubu. Manakala di bawah seliaan negeri-negeri adalah sebanyak 15 buah sekolah. Sekolah tahfiz yang dikendalikan secara persendirian dan berdaftar adalah sebanyak 150 buah sekolah. Keseluruhannya jumlah sekolah tahfiz di seluruh negara adalah sebanyak 166 buah sekolah. Penubuhan sekolah tahfiz adalah tertakluk kepada negeri dan berada di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam di negeri-negeri berkenaan dan bukan di bawah bidang kuasa persekutuan.

Bagi mengelakkan berlaku pertumbuhan sekolah-sekolah agama ataupun tahfiz secara berleluasa yang dibimbangi akan dipengaruhi unsur-unsur yang bertentangan dengan akidah Islam. Maka Jabatan Agama Islam negeri-negeri perlu sentiasa melakukan pengawalan dan pemantauan terhadap sistem pengajian di sekolah tersebut agar tidak bercanggah dengan Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama negeri dan rakyat bagi negeri berkenaan. Terima kasih.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, apakah mekanisme pemantauan yang diwujudkan oleh kerajaan bagi memastikan modul yang digunakan tidak bertentangan dengan fahaman Ahli Sunah Waljamaah dan berdasarkan Mazhab Shafie yang diamalkan di negara kita. Adakah kerajaan membantu sekolah-sekolah tahfiz ini dari segi kemudahan prasarana agar anak-anak yang belajar di sekolah-sekolah tahfiz ini mendapat pendidikan yang sewajarnya sehingga lahirnya generasi insan kamil yang mampu menyumbang ke arah pembangunan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Senator bila membincangkan tentang sekolah-sekolah tahfiz yang diajar di

sini adalah penghafalan kepada Al-Quran dengan qiraat-qiraat yang biasanya tidak lari daripada ajaran Ahli Sunah Waljamaah. Jadi untuk memantau keadaan ini Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama yang saya sebutkan berada di bawah negeri-negeri akan dapat dipantau. Secara umumnya kalau kita lihat di bawah enakmen ini mengandungi kaedah-kaedah pendaftaran sekolah agama, juga bagaimana sekolah itu diuruskan. Bahkan kurikulum, buku teks dan juga guru-guru dan pegawai-pegawai yang mengajar di situ adakah mereka mempunyai tauliah dan datang daripada negeri-negeri yang dibenarkan fahaman agamanya bersama. Jadi ianya adalah di bawah enakmen negeri itu sendiri.

Berkaitan dengan bantuan dari segi prasarana ia tertakluk kepada negeri sendiri untuk membantu. Setakat ini kalau di Wilayah Persekutuan di mana Darul Quran adalah dibantu secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan. Manakala negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan juga Selangor sebahagian daripada mereka tidak ada peruntukan. Perlis dan Kedah tiada peruntukan. Pulau Pinang hanya sekadar RM5,000, Selangor juga tiada peruntukan untuk negeri, Johor tiada maklumat dan Pahang tiada peruntukan begitu juga dengan Kelantan tidak diperuntukkan oleh kerajaan negeri untuk sekolah-sekolah tahfiz tetapi, di Kuala Lumpur setiap kali diuji menurut peringkat misalnya satu hingga lima juzuk kita akan beri bantuan RM500. Satu hingga 10 juzuk sebanyak RM1,000, satu hingga 20 juzuk RM2,000 dan satu hingga 30 juzuk RM3,000. Jadi ianya bergantung kepada negeri-negeri sendiri untuk memberi bantuan kepada sekolah-sekolah tahfiz yang berdaftar di bawah kerajaan negeri. Terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah pihak kerajaan bersedia untuk membantu naik taraf mana-mana sekolah tahfiz yang sudah memenuhi kriteria. Umpamanya Institut Tahfiz Al-Quran ataupun *Wal Qiraat* Negeri Sembilan. Terima kasih. Tahap kolej universiti ataupun kolej. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat kalau tanya sama ada kita bersedia untuk membantu ataupun tidak. Setakat ini hanya ada beberapa sahaja daripada sekolah-sekolah tahfiz yang ada kerjasama ataupun MoU dengan Kerajaan Persekutuan. Bagi sekolah-sekolah yang ada kerjasama maka kita akan membantu di mana pelajar-pelajar daripada Darul Quran ini biasanya dia keluar adalah diploma. Juga diberi peluang untuk mendapatkan ijazah di luar negara mahupun di IPTA kita. Akan tetapi yang tidak ada sekarang ini Yang Berhormat ialah di Kedah, Selangor dan juga Sarawak. Memang tidak ada sebarang MOU ataupun kerjasama yang diadakan.

■ 1130

Yang Berhormat tanya tadi di Negeri Sembilan? Di Negeri Sembilan, kita hanya ada MOU bersama dengan dua sahaja daripada tahfiz di kerajaan negeri, manakala tahfiz-tahfiz secara persendirian ataupun tahfiz tidak berdaftar, kita tidak ada sebarang bantuan ataupun cara untuk menaikkan taraf pengajian mereka ini, Yang Berhormat. Terima kasih.

11. Dato' Wong Siong Hwee minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan dalam usaha untuk mempertingkatkan promosi industri permotoran negara mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan penduduk tempatan terutamanya penganjuran Formula 1 di Sepang baru-baru ini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Tuan Gan Ping Sieu]: Terima kasih atas soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Senator. Untuk mempertingkatkan promosi industri permotoran negara, kementerian telah melaksanakan program-program pembangunan sukan bermotor bagi mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sukan permotoran ini termasuk sukan permotoran udara iaitu program seperti para motor dan *para gliding*, sukan permotoran air termasuk Program *Formula Future*, *Jet Ski*, *F1 Powerboat* dan juga sukan permotoran darat termasuk sukan kereta dan sukan motosikal di mana kursus-kursus seperti kursus asas *go-kart*, siri *drift* KBS, formula KBS *go-kart*, *mini bike*, *circuit motocross*, *circuit cup race* KBS telah dijalankan. Selain daripada itu, kementerian juga menganjurkan beberapa kursus yang berbentuk pendidikan pengurusan dan operasi sukan bermotor termasuk kursus keselamatan dan kursus teknikal sukan bermotor.

Kementerian juga semasa sambutan Hari Belia Negara 2010 turut memasukkan elemen sukan bermotor dengan tujuan untuk mempromosi dan menggalakkan belia-belia terlibat secara langsung dalam program-program yang dianjurkan. Antaranya Program Mari Mencuba *Mini Bike*, Mari Mencuba *Go-kart*, *Kawasaki Race*, *motor show*, *Goodyear KBS Drift Challenge* dan himpunan kelab-kelab kereta Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, kementerian juga bakal menubuhkan satu institut iaitu Institut Kemahiran Belia Negara yang akan dikenali sebagai Akademi Kemahiran Belia Sukan Permotoran. Akademi tersebut bakal menawarkan kursus-kursus berkaitan pendidikan sukan bermotor. Selain daripada itu, dari segi struktur dan organisasi, KBS telah menaik taraf daripada

cawangan sukan pelancongan kepada bahagian industri sukan pada tahun lepas. Sekian.

Dato' Wong Siong Hwee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, apakah pendekatan yang terbaik yang boleh dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam mencungkil bakat baru pemandu negara melibatkan diri dalam industri permotoran di peringkat antarabangsa? Sekian, terima kasih.

Tuan Gan Ping Sieu: Yang Berhormat Dato' Senator bertanya berkaitan dengan sukan bermotor memandu?

Dato' Wong Siong Hwee: Ya.

Tuan Gan Ping Sieu: Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah bekerjasama dengan *Motorsport Association of Malaysia* untuk mengadakan program-program dan kursus-kursus keselamatan dan juga kursus *marshalling* iaitu *referee* dan kursus-kursus pemanduan dan penunggangan motosikal berhemah. Ini adalah beberapa rancangan yang akan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Polis Diraja Malaysia, JPJ dan sebagainya. Sekian.

12. Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, usaha-usaha kerajaan dalam memperbaiki iklim pelaburan serta kemasukan pelaburan asing yang berkualiti.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha memperbaiki iklim pelaburan bagi memastikan Malaysia terus menjadi destinasi pelaburan pilihan. Antara usaha-usaha menambahbaikkan dan terus diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan iklim pelaburan di Malaysia adalah kondusif serta mesra perniagaan termasuk:

- (i) terus mengadakan perjanjian penggalakan dan perlindungan pelaburan (IGA), dengan izin dengan negara-negara yang dikenal pasti di mana sehingga kini, sebanyak 73 IGA telah ditandatangani dan rundingan serta kajian semula IGA sedang diadakan dengan lima negara;
- (ii) memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat pelaburan yang menarik melalui perjanjian perdagangan bebas; dan
- (iii) mengurangkan kos menjalankan perniagaan melalui penambahbaikan sistem penyampaian kerajaan melalui pelbagai

inisiatif di antaranya oleh Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan (PEMUDAH). Antara inisiatif yang telah diperkenalkan oleh PEMUDAH termasuk:

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

- (a) membolehkan penubuhan syarikat dalam masa dua hari;
 - (b) memudahkan proses pendaftaran hartanah dan mengeluarkan hak milik dalam masa dua hari;
 - (c) menjalankan penstrukturan semula garis panduan dan fungsi jawatankuasa pelaburan asing pada 30 Jun 2009 untuk memperkukuhkan persekitaran perniagaan dan kawal selia bagi menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia;
 - (d) membangunkan System Business Licensing Electronic Support System (BLESS), dengan izin iaitu sebuah pusat sehenti dalam talian bagi memendekkan proses kelulusan dan pengeluaran serta pemantauan perniagaan atau perkhidmatan sokongan elektronik perlesenan perniagaan; dan
 - (e) mengujudkan pusat setempat di SME Corporation (SME Corp) bagi membantu usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana mendapatkan khidmat nasihat tentang cara-cara menubuhkan dan mendapatkan modal bagi syarikat.
- (iv) mengujudkan kawasan perindustrian dengan prasarana yang baik seperti Taman Teknologi Tinggi, kawasan perindustrian dan zon perindustrian bebas;
 - (v) menyediakan bekalan tenaga pekerja terutamanya pekerja mahir yang mencukupi;
 - (vi) menyediakan kemudahan utiliti asas seperti bekalan elektrik, air serta sokongan kemudahan telekomunikasi terkini seperti sokongan ICT yang stabil termasuk capaian jalur lebar yang menyeluruh; dan

- (vii) memastikan kestabilan politik dan sistem penyampaian kerajaan yang telus serta efektif.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus melipatgandakan usaha serta memperkenalkan pendekatan berfokus atau *targeted approach*, dengan izin. Bagi menggalakkan kemasukan pelaburan, kerajaan kini menggalakkan pelaburan dalam sektor pasaran baru muncul seperti *advance electronic* dan semi konduktor, peralatan dan peranti perubatan, sumber tenaga alternatif dan tenaga solar, *photonic*, *auto electronic*, teknologi nano, jentera dan industri sokongan kejuruteraan terkini di samping penekanan terhadap industri-industri berintensif modal dan teknologi serta perkhidmatan dalam R&D.

Kerajaan menganjurkan Specific Project Mission (SPM), dengan izin untuk menarik pelaburan daripada industri-industri yang dikenal pasti berpotensi untuk masa hadapan. SPM diadakan ke negara-negara yang terpilih untuk berbincang dengan syarikat-syarikat yang dikenal pasti untuk menarik mereka ke Malaysia. Untuk tahun 2010, sejumlah 37 misi SPM telah dan akan dianjurkan ke Jepun, Asia Barat, Taiwan, Amerika Syarikat, Eropah, Korea, Singapura, China, Australia dan India.

Kementerian juga telah mempergiatkan lagi aktiviti promosi pelaburan di mana bagi tahun 2010, sebanyak enam misi penggalakan pelaburan telah dan akan dilaksanakan ke Eropah, Amerika Syarikat, China, Jepun, Korea, Singapura dan India. Misi projek spesifik juga dianjurkan untuk menarik pelabur-pelabur asing yang berminat untuk melabur di negara ini.

Di samping itu kementerian juga turut menjemput dan menerima lawatan rasmi Menteri Perdagangan dari luar negara, di mana antara program yang digariskan oleh kementerian termasuklah menjalankan Program *Business Matching* serta Sesi *Networking* dengan izin, antara pelabur Malaysia dan pelabur dari negara pelawat.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha penambahbaikan berterusan yang diambil oleh kerajaan ini telah berjaya menempatkan Malaysia di kedudukan kesepuluh dari segi daya saing negara pada tahun 2010, berbanding tahun sebelumnya iaitu pada tangga ke-18 seperti yang dilaporkan di dalam *IMD World Comparative Report 2010*. Usaha-usaha ini juga akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi ke tahap yang lebih tinggi selaras dengan model baru ekonomi dan hasrat RMKe-10.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Tuan Yang di-Pertua, di antara potensi yang kian berkembang ialah kewujudan Taman Industri Halal yang dikemukakan oleh pimpinan negara.

■ 1140

Adakah kerajaan bercadang untuk mempergiatkan lagi ataupun menambahkan bilangan taman industri halal di setiap negeri dan apakah setakat ini usaha dan pemantauan bagi memastikan setiap taman industri halal di dalam negara dapat memberikan satu sumbangan besar ke arah mewujudkan satu pengeluaran yang lebih besar. Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan melalui MITI memang sekarang ini bekerjasama dengan taman-taman industri halal yang sedia wujud. Buat masa ini kita tidak berhajat untuk menambah lagi tetapi hendak memperkemaskan lagi dan memperkasakan lagi taman-taman yang sedia ada dan usaha-usaha ini kita laksanakan melalui beberapa kaedah termasuklah dengan promosi yang kita jalankan melalui pameran gergasi seperti MIHAS yang telah diadakan bulan lepas di mana sudah tentu taman-taman halal ini mendapat manfaatnya apabila pesanan-pesanan diterima dari luar negeri untuk syarikat-syarikat yang beroperasi di taman-taman tersebut. Pada waktu yang sama kita memang berusaha untuk memantau dan memastikan bahawa taman-taman ini dapat mengekalkan piawaian iaitu untuk meneruskan kedudukan halal mereka supaya tidak lari daripada pengiktirafan yang kita berikan sebelum ini. Terima kasih.

13. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, jumlah ejen-ejen yang diberi kebenaran untuk menyelaraskan kemasukan pelajar-pelajar Malaysia ke universiti di luar negara dan apakah elemen kawalan yang digunakan oleh kerajaan dalam mengawasi aktiviti ejen-ejen ini.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sebanyak 80 ejen penghantaran pelajar telah didaftarkan di Kementerian Pengajian Tinggi secara pentadbiran. Daripada jumlah tersebut, hanya 13 ejen yang aktif menghantar pelajar ke Indonesia, Rusia, India, United Kingdom dan Ireland. Bagi penghantaran pelajar ke Timur Tengah, ia hanya diuruskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Bagi tujuan pengawalan, ejen-ejen yang berdaftar hendaklah menghantar pelajar yang menepati syarat minimum yang telah ditetapkan oleh kementerian ke universiti-universiti luar negara yang telah mendapat pengiktirafan kerajaan.

Selain daripada itu, negara-negara berkenaan juga hendaklah selamat dan mempunyai kualiti pengajaran dan pembelajaran yang baik. Kementerian juga sedang

menggubal satu rang undang-undang dikenali Rang Undang-undang Pengajian Tinggi Negara yang di antaranya akan turut meliputi pengawalan ejen dalam penghantaran pelajar ke luar negara agar kebajikan pelajar yang dihantar kelak adalah terjamin. Sekian.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan tadi. Soalan tambahan saya, dalam 80 ejen ini adakah ejen-ejen yang telah pun diambil tindakan yang melakukan penipuan dan tidak mengikut peraturan kementerian? Terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pelajar-pelajar yang merasakan mereka telah tertipu oleh ejen-ejen yang berkenaan, mereka boleh membuat laporan polis kerana ianya boleh disifatkan sebagai jenayah komersial. Pihak pelajar juga boleh merujuk kes kepada Tribunal Pengguna bagi mendapatkan pembelaan. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengingatkan para pelajar supaya amat berhati-hati apabila memilih untuk belajar di luar negara yang diaturkan oleh ejen-ejen.

Pelajar dan ibu-bapa boleh membuat semakan dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia sekiranya musykil berhubung program pengajian dan juga IPT luar negara yang dipromosikan oleh sesebuah ejen. Sekian.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tak dijawab. Boleh saya ulang balik Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Soalan saya, dalam 80 ejen ini adakah tindakan telah diambil terhadap ejen-ejen yang menipu ataupun melanggar peraturan. Ada tidak dalam 80 ejen itu? Terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut syarat-syarat bagi ejen mendapat pendaftaran dengan kementerian, mereka syarikat ini hanya perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan ejen perlu ada perjanjian dengan IPT luar negara yang mengiktirafnya untuk merekrut pelajar untuk program pengajian yang dinyatakan. Mengikut rang undang-undang yang sedia ada, memang kita tak berhak untuk mengambil tindakan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SETEM (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Menteri Kewangan menyambung memberi huraian.

11.46 pg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah pun membentangkan rang undang-undang ini separuh jalan dan saya tidak berhajat untuk mengulangi semula. Cuma di sini saya mahu memulakan dengan menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini dan rang undang-undang ini mempunyai sembilan fasal seperti berikut iaitu;

- (i) Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu sebagai Akta Setem (Pindaan) 2010 dan peruntukan berhubung permulaan kuat kuasa akta ini;
- (ii) Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 mengenai takrif *duly stamp* susulan pengenalan *advance duty* ataupun duti awal iaitu yang dibayar berdasarkan kaedah *gross up*;
- (iii) Fasal 3 bertujuan memasukkan seksyen 36AA mengenai mekanisme bagi menentukan nilai hartanah yang dipindahmilik berdasarkan kaedah *gross up*. Taksiran *advance duty* adalah berdasarkan penentuan nilai hartanah tersebut;
- (iv) Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 36B bagi memberi kuasa kepada pemungut duti setem untuk membuat taksiran tambahan jika amaun duti setem sebenar yang dibuat oleh penilai yang dilantik oleh kerajaan lebih tinggi daripada duti awal yang telah dibayar. Fasal ini turut mengandungi peruntukan pengenaan penalti sebanyak 10% atas taksiran tambahan yang tidak dibayar dalam tempoh 30 hari selepas notis tambahan dikeluarkan;
- (v) Fasal 5 bertujuan memasukkan seksyen 36C bagi memberi kuasa kepada pemungut duti setem untuk memaklumkan kepada

pembayar duti jika amaun duti setem sebenar adalah sama atau kurang daripada duti awal yang telah dibayar dan memulangkan duti terlebih bayar;

- (vi) Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 37 di mana pemungut duti setem perlu membuat pengesahan ke atas *advance duty* yang telah dibayar bagi sebarang surat cara;
- (vii) Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 38 supaya diselaraskan dengan seksyen 36AA mengenai penggunaan kaedah *gross up*, seksyen 36C mengenai pemakluman duti sebenar adalah sama atau kurang dan seksyen 36B mengenai pengeluaran taksiran tambahan kerana duti sebenar adalah lebih tinggi;
- (viii) Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 38A yang berbangkit disebabkan penggunaan seksyen 36AA dan 36C serta pindaan ke atas seksyen 36B, 37 dan 38; dan
- (ix) Fasal 9 bertujuan memasukkan seksyen 74A yang memberi kuasa kepada pemungut duti setem untuk mengeluarkan perakuan bagi menghalang seseorang meninggalkan Malaysia kerana tidak membayar duti setem, penalti atau jumlah yang perlu dibayar di bawah akta ini. Fasal ini turut memasukkan seksyen 74B mengenai penalti tidak melebihi RM5,000 yang boleh dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong? Tidak ada seorang pun menteri dan timbalan menteri yang ada di dalam Dewan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir]: Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Setem 1949 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Silakan Tuan Dr. Syed Husin Ali.

■1150

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri, pindaan akta ini ialah pindaan kepada

Akta Setem 1949 atau terkenal juga sebagai Akta 378. Beliau telah menerangkan tentang pindaan-pindaan yang hendak dilakukan dan nampaknya kebanyakan daripada pindaan itu adalah berkaitan dengan pemungut iaitu pemungut cukai setem itu.

Dalam hal ini beliau juga telah menerangkan tentang pembayaran duti yang lebih, taksiran tambahan dan sebagainya. Saya sebenarnya tidak ada persoalan atau bantahan terhadap pindaan-pindaan tersebut. Akan tetapi saya ingin membicarakan perkara yang lebih luas berkaitan dengan Akta Setem ini.

Pertamanya ialah kita dapati bahawa pendapatan negara sekarang ini adalah banyak bergantung terutama sekali daripada hasil minyak petroleum dan juga gas. Pada hujung tahun 2007 misalannya, kita bergantung sebanyak 36.8% daripada pendapatan negara pada petroleum ini. Jumlah ini naik kepada 44.9% pada Disember 2008.

Mengikut Laporan Ekonomi 2009/2010 jika termasuk cukai langsung, duti eksport dan hasil bukan cukai, maka sumbangan petroleum kepada pendapatan negara adalah sebanyak 52%. Ini adalah sangat besar dan tidak menunjukkan *based* pendapatan yang luas terutama sekali jika kita bandingkan dengan pendapatan daripada cukai setem. Daripada setem ini kita dapati bahawa hanya sumbangannya sebanyak 1.9%.

Saya percaya oleh kerana sumbangan yang kecil daripada setem inilah, maka pindaan dibuat supaya dikenakan setem duti sebanyak 0.5%. Saya diberitahu bahawa dan saya lihat juga daripada laporan yang ada bahawa sebenarnya tidak ada perundingan yang telah dibuat dengan pihak-pihak yang merupakan *stakeholders*, dengan izin, tentang perlu atau tidak dan sebanyak mana harus dinaikkan duti setem ini.

Oleh kerana itulah barangkali maka pelbagai pihak telah mengemukakan penentangan mereka. Di antaranya ialah Persatuan Pemborong Binaan Malaysia (MBAM) dan juga Persatuan Pembangunan Hartanah (REHDA). Mengikut mereka dan ini jelas juga daripada akta yang lalu, Akta 1949, hanya dikenakan bayaran seolah-olah bayaran *token* sebanyak RM10 bagi setem. Akan tetapi dengan kenaikan 0.5% ini, kenaikan bayaran mereka dan bebanan yang dikenakan ke atas mereka adalah jauh lebih tinggi.

Misalannya, kalau umpamanya mereka mengadakan projek berharga RM10 juta bererti setem dutinya adalah lebih kurang RM50,000. Kata mereka ini adalah bebanan yang terlalu berat kalau dibandingkan apa yang ditetapkan oleh akta yang lalu – undang-undang yang lalu. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak peduli

sangatlah kalau misalnya, kontraktor-kontraktor yang besar dikenakan setem duti yang lebih tinggi.

Ini kerana saya berpendapat bahawa untuk mengagihkan kekayaan dan peluang pendapatan di antara kalangan rakyat, maka harus diberatkan cukai atau duti terhadap golongan yang kaya yang merupakan kontraktor-kontraktor yang besar tetapi, apa yang membimbangkan saya ialah kelihatan seolah-olah setem duti ini dikenakan juga kepada pembina-pembina dan kontraktor-kontraktor sederhana dan kecil.

Jadi saya berharap bahawa oleh kerana barangkali sudah diluluskan mungkin sudah tidak ada masa lagi untuk mengubahnya. Akan tetapi saya berharap bahawa ada kelonggaran-kelonggaran secara *administrative* yang dapat dan mungkin dilakukan untuk memberikan kemudahan terutama sekali kepada kontraktor-kontraktor yang kecil yang saya percaya kebanyakannya adalah terdiri juga daripada golongan bumiputera.

Akhir sekali, saya hendak menyentuh tentang RPGT ataupun *Real Property Gains Tax*. Di sini dalam ucapannya pada bulan Oktober 2009 sewaktu membentangkan bajet, Perdana Menteri telah mengatakan bahawa cukai 5% akan dikenakan kepada semua hartanah. Tidak kira yang baru atau yang lama. Akan tetapi oleh kerana banyak bangkangan-bangkangan yang telah dikemukakan, akhirnya disetujui dan dinyatakan oleh Perdana Menteri bahawa cukai tersebut iaitu 5% itu hanya dikenakan kepada golongan yang memiliki tanah kurang daripada 5 tahun.

Akibat daripada ini, mengikut beliau, kerajaan akan kerugian RM200 juta. Perkara yang hendak saya tekankan di sini ialah bahawa ada *tendency* dikalangan menteri-menteri yang membuat pengumuman sebelum dibuat kajian yang teliti. Oleh kerana itu kerana ada pandangan-pandangan yang lain berlaku, maka diubah pula pandangan. Ini bukan sahaja berlaku secara dari segi ekonomi akan tetapi juga dalam bidang pendidikan dan sebagainya. Jadi saya berharap bahawa sebelum sesuatu pindaan atau sesuatu undang-undang ataupun sesuatu perkara yang berkaitan dengan perubahan hendak diumumkan ia hendaklah didasarkan pada kajian yang teliti dan halus yang menimbangkan segala implikasinya terutama sekali di kalangan golongan rakyat yang susah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amirsham bin A. Aziz.

11.59 pg.

Tan Sri Datuk Amirsham bin A. Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan tahniah juga kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah membentangkan rang undang-undang ini. Bagi saya ini adalah satu rang undang-undang yang baik. Dengan semangat yang baik iaitu yang didasarkan atas sasaran kerajaan bagi menambah baik lagi pandangan sektor swasta dan pelabur-pelabur tentang usaha berterusan yang sentiasa dilaksanakan oleh kerajaan bagi memperbaiki persekitaran perniagaan di Malaysia.

■ **1200**

Tidak silap jika saya katakan, usaha ini bermula daripada saranan petugas pemudah cara perniagaan ataupun dengan ringkas PEMUDAH supaya pinda pendaftaran pindah milik hartanah dipendekkan daripada sepuluh hari kepada masa sekarang kepada dua hari sahaja dan rang undang-undang ini adalah fokus kepada proses di peringkat Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan dan Pejabat Setem di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Cuma dua perkara yang saya ingin bangkitkan dan mendapatkan penjelasan di sini, pertama yang saya ingin bangkitkan ialah penglibatan Pejabat Tanah bagi mempercepatkan lagi keseluruhan prosedur pendaftaran ini. Seperti yang kita tahu pindaan akta ini adalah bagi menyelesaikan isu di peringkat proses iaitu di Pejabat Setem, mengikut *Guide Book on Registering Property* di Malaysia oleh PEMUDAH yang dikeluarkan pada Mac tahun ini terdapat satu lagi peringkat iaitu pendaftaran yang melibatkan pejabat tanah.

Sekarang perhatikan mengikut laporan *Doing Business Report 2010*, prosedur asal di pejabat tanah adalah 105 hari, ia dengan penambahan baikk PEMUDAH terhadap prosedur iaitu peringkasan dan penyelarasan borang yang termasuk dalam *check list* peguam, ia boleh dipercepatkan kepada hanya satu hari. Akan tetapi terdapat *disclaimer* di sini. Tempoh ini adalah tidak termasuk tempoh sebenar di peringkat mendapatkan kelulusan kerajaan negeri iaitu selama 21 hari bagi hartanah pajakan dan pemilikan had oleh warga asing, ini pun saya rasa mungkin boleh jadi lebih daripada 21 hari pada peringkat kelulusan kerajaan negeri.

Oleh itu bagi mencapai matlamat akhir bagi menyemarakkan aktiviti pinda milik hartanah kerajaan persekutuan juga perlu *engage* dengan kerajaan negeri kerana pembaikan dalam satu prosedur di peringkat duti setem tidak akan membuahkan hasil yang kita hasratkan, kerana ada lagi satu peringkat yang menjadi faktor penentu jika seseorang itu mahu *clinch the deal very fast* dapat membuat duti setem dalam tempoh

dua hari tetapi kerana menunggu sehingga tiga minggu atau lebih pada peringkat pejabat tanah, sia-sia sahaja usaha kita meminda akta ini, ini sangat penting dan perlu.

Pada masa ini kita telah menerima hakikat bahawa berbanding ekuiti pemilikan hartanah juga merupakan salah satu daripada ukuran kekayaan dan sektor ini turut menyumbang pendapatan kepada kerajaan. Keseluruhannya jika usaha ini berjaya kita akan dapat menarik lebih banyak pelabur yang terlibat dalam sektor hartanah, seterusnya dengan peredaran masa *valuation* turut meningkat dan kesannya pendapatan kerajaan daripada duti setem ini juga turut bertambah. Jadi bagi saya perubahan yang lebih holistik dalam perkara ini merangkumi kerajaan persekutuan dan negeri adalah diperlukan.

Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah berkenaan penglibatan JPPH dalam keseluruhan prosedur penilaian hartanah bagi pengiraan duti setem. Menurut data yang saya ada di seluruh Malaysia terdapat 51 cawangan JPPH yang berpejabat di kawasan-kawasan tertentu setiap negeri dan saya difahamkan terdapat kira-kira 650 orang kakitangan yang membuat kerja-kerja penilaian ini. Namun saya ingin membangkitkan adakah kekuatan sumber manusia di JPPH nanti berupaya menangani *influx of transaction* dengan izin, bagi mematuhi *even* tempoh maksimum penilaian *non-standard property* dalam tempoh sepuluh hari. Secara logiknya dengan *ideal outcome* dengan izin, seperti mana yang dihasratkan oleh Kementerian pindaan dan penyelesaian baru yang kritis itu boleh menyemarakkan lagi transaksi pinda milik hartanah.

Namun kita nampak dengan adanya prosedur pilihan ini, proses penilaian yang wajib oleh JPPM ataupun JPPH tetap diperlukan, ia tidak hilang daripada gambaran keseluruhan prosedur *stamping* ini, adakah tempoh sepuluh hari ini masih boleh dipatuhi. Itu satu, iaitu kapasiti JPPH, jadi adakah terdapat keperluan menambah kapasiti JPPH ini atau mungkin tidak perlu langsung. Ini kerana yang berkait dengan isu ini tidak bolehkah kita mengeluarkan terus JPPH daripada keseluruhan proses penilaian wajib bagi tujuan pengiraan duti setem, mungkin drastik tetapi bagi saya ia boleh menjadi sesuatu yang *revolutionary*. Bagi mengisi vakum tersebut, kita boleh *leverage* dengan izin, perkhidmatan *valuer* swasta yang mana mendapat lesen mengamalkan aktiviti itu daripada pihak Kementerian Kewangan sendiri.

Bagi saya jika ada *concern* bahawa *valuer* swasta akan *under value* dengan izin atau *short change the government*, kita boleh mengetatkan prosedur penilaian dan kerajaan mempunyai kuasa penuh menarik balik lesen mengamalkan aktiviti ini, jika mendapati terdapat mana-mana *valuers* yang melanggar peraturan. Jika perkara ini

diberikan pertimbangan sedalam-dalamnya, saya nampak banyak kebaikan yang boleh didapati, pertama kerajaan boleh menarik diri daripada terlibat langsung dalam proses menilai hartanah bagi pengiraan setem duti ini dan 1% berperanan sebagai *regulator*.

JPPH boleh menumpukan perhatian kepada peranan-peranan lain yang lebih kritikal seperti menjadi pakar runding kepada kerajaan dan agensi-agensinya untuk memberi perkhidmatan perundingan dalam aspek kajian kemungkinan pengurusan harta dan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang berkaitan hartanah.

Kedua, kerajaan boleh menjimatkan kos dengan menarik diri daripada aktiviti ini, yang bagi saya *purely operational* dengan izin, jika kita menggunakan pakai *valuation report* oleh *valuers* swasta yang sememangnya dikeluarkan bagi tujuan jual beli hartanah dan digunakan bagi tujuan duti setem. Kerajaan tidak perlu membuat sekali lagi kerja yang sama, saya tegaskan jika ada *tools* untuk mengawal *valuers* swasta, dan ia mudah. Jadi itulah pandangan-pandangan dan persoalan saya, mungkin Yang Berhormat Menteri ada jawapannya tetapi, seperti yang saya nyatakan awal-awal tadi rang undang-undang ini dihasratkan dengan baik sepatutnya baik dan oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman.

12.18 pg.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, sebagai seorang yang terlibat secara langsung dalam industri hartanah, bekas pegawai JPPH dan juga seorang penilai swasta pada masa ini, saya ada dua komen berhubung dengan akta yang dicadangkan. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana membentangkan pindaan ini dan pada pendapat saya ia tidak menjadi beban langsung kepada rakyat, bahkan ia akan mengubah suai keadaan sekarang untuk kebaikan.

Komen saya ialah jika pindaan ini adalah untuk betul-betul mempercepatkan proses penukaran nama tanah, nama dalam transaksi jual beli hartanah, ia sangat dialu-alukan. Saya menggunakan perkataan betul-betul kerana ramai rakyat yang sebenarnya tidak tahu sebab mengapa proses mengambil masa yang begitu lama apabila kita hendak tukar tanah. Pada pendapat saya, ianya bukan berasal dari JPPH ataupun Jabatan Setem. Masalahnya ialah di pejabat tanah. Itulah sebabnya kadang kala kita

mengambil masa lebih lama sungguhpun penilaian telah dibuat tetapi prosesnya adalah kerana proses kelambatan di pejabat tanah.

■1210

Komen saya yang kedua ialah berhubung dengan proses *grossing up* yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi kerana untuk mempercepatkan proses penilaian. Kalaulah harga jual beli itu kecil, katakan RM100,000 ia tidak mempunyai masalah. Ini kerana setem dutinya ialah 1% iaitu RM1,000. Bagaimana mahu *gross up* pun tidak begitu banyak Tetapi, kalaulah harga jual beli itu katakan RM200 juta, maka *grossing up* 20% bermakna RM20 juta dan setem dutinya ialah 3% iaitu RM600,000.

Soalan sayanya ialah adakah pembeli hartanah ini ada pilihan sama ada untuk membayar setem duti yang dikatakan harga transaksi tadi atau pun menunggu Jabatan Penilaian membuat penilaian. Saya bertanya demikian ialah kerana di dalam proses *grossing up*, ini boleh.

Jadi tuan yang beli tanah tadi membayar lebih daripada yang sepatutnya dibayar kepada kerajaan. Takut-takutlah, memanglah kerajaan ini apabila mahu dapat duit semula RM600,000 itu, ia akan mengambil masa yang lama boleh jadi dua atau tiga bulan. Ini akan memberi kesusahan kepada orang yang memberi tanah. Sekian Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf.

12.14 tgh.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan ruang kepada saya untuk sama-sama terlibat memberikan sedikit pandangan hari ini dalam pindaan rang undang-undang meminda Akta Setem 1949.

Tuan Yang di-Pertua, perhatikan kepada proses yang ingin dibawa dalam akta pindaan ini, bagi saya, saya menyambut baik kerana ianya merupakan satu daripada peningkatan untuk dalam proses penukaran hak milik harta yang tidak alih ini. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, kita melihat dalam proses harian ini disebutkan juga tadi oleh pembahas yang awal. Jadi, saya tidak akan masuk *detail* tentang peranan JPPH itu tetapi kita melihat bagaimana proses yang berlaku pada hari ini setiap pertukaran hak milik harta yang tidak alih ini melibatkan satu jangka masa yang cukup panjang daripada piagam pelanggan yang diletakkan.

Ini kerana peranannya bermula dengan proses di pejabat tanah atau pun kita menghadap kepada pentadbir tanah itu sendiri dengan beberapa proses borang yang

memang khusus di sana tidak mengapa. Kemudian, melibatkan di tengahnya penilaian oleh JPPH dan proses sehinggalah sampai kepada kita pemboleh bayar duti setem. Akhirnya, kembali kepada untuk proses pendaftaran di pejabat tanah. Jadi, apa yang kita lihat ialah seperti yang disebut oleh rakan saya tadi, bagaimana proses ini tidak banyak membantu. Walaupun benar-benar boleh membantu dengan mempercepatkan akta ini membolehkan duti setem dibayar segera tetapi, proses yang ada di sebelum dan selepasnya itu masih terlalu panjang untuk kita tingkatkan produk aktiviti hartanah ini.

Jadi, bagaimanapun dalam urusan ini kita mengambil kaedah fiqah yang mengatakan kalau kita tidak mampu buat semua, janganlah tinggal semua. Jadi, sekurang-kurangnya dengan kemampuan yang kita ada, kita cuba pinda dalam kata ini membolehkan proses ini dan kita harap selepas ini proses berterusan sebelum itu iaitu di pejabat tanah dan selepas itu juga di pejabat tanah haruslah ditingkatkan kecekapannya oleh pihak kerajaan yang memerlukan bukan sedikit peningkatan. Saya harapkan peningkatan yang berganda bagi pihak kerajaan khususnya yang terlibat di pejabat tanah kerana hasrat murni ini untuk meningkatkan produktiviti urusan hartanah.

Jadi, secara khususnya Tuan Yang di-Pertua, dalam urusan pindaan ini juga saya ingin sebutkan melibatkan pindaan yang seksyen baru, memperkenalkan seksyen 36AA itu, formula yang diletakkan adalah formula asal meletakkan 'A' didarabkan dengan 100, dibahagikan dengan 83.3 ataupun saya fikir bahasa mudahnya ialah peningkatan 20% daripada nilai harta ataupun 20% tambahan daripada harta ataupun nilai yang diletakkan sebelum ini. Mungkin melalui SNP yang ada sebelum itu ataupun mungkin pernah melalui satu proses penilaian pada tarikh atau pun sebelum itu.

Yang saya mahu tanyakan dan perlukan penjelasan daripada pihak kementerian ialah bagaimana kita hendak melaksanakan proses ini tanpa kita ada jelas carta dari segi tempoh masanya dan juga tahap nilai harta tidak alih yang terlibat. Tidak ada di sana kaedah untuk kita letakkan berapa tahun daripada tempoh nilai yang kita rujuk itu adakah lima, lapan, sepuluh tahun ataupun dua tahun? Bagaimana harta nilai itu di kalangan RM10,000, RM100,000 atau RM10 juta? Adakah tahap carta ini tidak jelas bagi saya dalam pindaan ini? Mungkin kerana dia akan ada satu garis panduan yang lain yang dikeluarkan oleh pihak kementerian jadi, saya perlukan penjelasan.

Ini kerana pertambahan 20% ini sebagai nilai yang cukup besar adalah sangat signifikan. Walhal sekarang ini pun, kalau kita lihat apabila berlaku pertukaran harta tidak alih ini khususnya tanah dan juga premis bangunan ramai sangat yang pembelinya cuba meletakkan nilai rendah supaya dia membayar duti setem rendah tetapi, apabila

terlibat dengan pengambilan tanah, barulah dia rasa menyesal kerana apabila berlaku pengambilan tanah oleh kerajaan, kerajaan akan merujuk kepada nilai yang dirujuk terakhir, maka di situlah baru rasa menyesal kerana dikurangkan duti setem. Jadi, saya mahu tanya pihak kementerian dalam kes inilah nanti. Bagaimana kaedah penetapan 20% ini supaya ianya benar-benar menepati dengan kehendak ataupun boleh diterima pakai oleh semua pihak untuk mempercepatkan proses ini.

Jadi, Tuan Yang di-pertua, saya fikir itu sahaja sebagai satu pandangan secara *general* daripada saya tentang kes ini kita menyokong tetapi kita mengingatkan supaya pihak kerajaan lebih bertegas dalam sistem yang lebih luas dalam proses pindah milik hartanah ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat turut berbahas, minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

\

12.17 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Pertamanya, saya ingin menyatakan dengan penuh keikhlasan bahawa pandangan yang dibuat ini adalah semuanya cukup bernas. Pandangan yang begitu baik dan ikhlas. Keseluruhan pandangan ini, satu faktor utama yang jelas ialah bahawa ini hanyalah sebahagian daripada proses. Memendekkan proses pembayaran duti setem ini hanya merupakan sebahagian.

Terdapat lagi proses yang mungkin juga mengambil masa yang lama di peringkat pejabat tanah untuk memindahkan tanah. Ini soal tanah adalah soal kerajaan negeri.

Jadi, walaupun kita membuat pindaan di sini dalam Dewan yang mulia ini, kita mengharapkan supaya proses di pejabat tanah juga dapat dilihat oleh pihak kerajaan negeri supaya kita dapat selaraskan usaha untuk memendekkan masa ini. Apa yang kita buat hari ini sebenarnya untuk memendekkan masa sepuluh hari yang diperlukan oleh Jabatan Penilai untuk datang menilai hartanah tersebut. Apa yang perlu dinilai ialah hartanah yang tidak standard. Yang standard, okey. Yang standard itu sudah ada seperti rumah pangsa ataupun kondominium yang standard telah ada penilaiannya tetapi, kalau rumah yang sudah diubahsuai, berada di hujung atau *corner lot*, melibatkan tanah tambahan dan sebagainya maka dia perlu lihat, ya. Itu satu.

Jadi, saya menerima hakikat bahawa seperti Yang Berhormat Tuan Ir. Haji Zamri katalah, ini sebahagian daripadanya. Kalau kita tidak boleh buat semua tidak semestinya kita ditinggalkan semua. Saya rasa inilah matlamat kerajaan. Kita buat mana yang kita boleh buat dalam bidang kuasa kita dahulu. Harap-harapnya di peringkat pejabat tanah mungkin tidak semuanya yang lewat. Ada yang baik dan cepat. Jadi, kalau di campur dua cepat, ia akan menjadi tiga cepat. Cepat di pejabat tanah, cepat dari segi penilaian setem, maka kedua-duanya cepat. Itu satu.

■1220

Keduanya, saya ingin sampaikan satu prinsip utama di sini yang tidak jelas. Ini adalah kaedah pilihan, *optional*. Mungkin ada yang tidak mahu melalui kaedah ini, mungkin ada yang tidak begitu *urgent*, yang boleh menunggu sepuluh hari. Apa salahnya sepuluh hari? Maka, dia boleh melalui kaedah lama. Jadi, kalau yang 20%, RM20 juta tadi dan juga Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim dan Yang Berhormat Ir. Haji Zamri kata, kalau jumlahnya besar macam mana? Samalah. Ini terserah kepada pelanggan, adakah dia mahu segerakan. Kalau dia mahu segerakan, dia perlu terimalah kaedah *gross up* ini 20%. Kemudian dia bayar, kalau lebih dibayar balik. Dalam masa sebulan dibayar balik. Kalau *gross up* ini masih lagi tidak cukup, maka dia perlu beri balik. Pembeli atau pun pembayar setem duti ini perlu bayar balik kemudian dalam masa sebulan juga. Ditetapkan sebulan. Kalau lebih sebulan, kena penalti...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta laluan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak komen berhubung dengan masa yang diberi sepuluh hari ini. Sebagai orang yang terlibat dalam penilaian, kalaulah harta itu RM200 juta atau pun RM1 bilion, katakan kita hendak *value* estet di Sabah, sepuluh hari tidak cukup Tuan Yang di-Pertua.

Saya *guaranty* sepuluh hari tidak cukup jika harta itu – di manakah kita ambil yang sepuluh hari ini? Saya fikir kalaulah harta itu melebihi RM100 juta, RM1 bilion dan sebagainya, istimewa pula ia terlibat *plant and machinery* selain daripada hartanah, maka masa yang akan diambil adalah lebih sepuluh hari. Jadi, saya fikir *something must be done* untuk membuatkan sepuluh hari ini sebagai satu contoh tetapi fleksibel sedikit. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Ini adalah amalan sekarang. Sekarang ini secara - barangkali adalah yang terkeluar daripada kebiasaan sepuluh hari, akan tetapi

amalan sekarang biasanya sepuluh hari, jadi kita mahu pendekkan jadi dua hari. Akan tetapi ialah, yang pentingnya ini terserah kepada pelanggan. Kalau dia tidak mahu guna kaedah *gross up*, dia boleh. Bukan ada paksaan di sini. Dia boleh umpamanya gunakan penilai swasta pun boleh tetapi dia perlu tinggalkan *bank guarantee* sebab kerajaan mahu pastikan penilai swasta ini betul-betul buat dan beri *bank guarantee*.

Maknanya untuk menepati penilaian, ia tidak buat secara ambil mudah, maka beri *bank guarantee to cover* sekiranya ada perbezaan harga. Itu pun boleh! Jadi, Yang Berhormat sebut tadi serahkan sebahagian daripada tugas kepada penilai swasta, memang sudah ada sekarang. Dibenarkan dengan kaedah ditinggalkan *bank guarantee* bersama tetapi, hendak menyerahkan semua pengutipan duti setem ini kepada swasta, ini perlu dilihat dengan secara mendalam. Ini kerana sebagai satu prinsip kerajaan, segala hasil kerajaan itu mestilah dikutip oleh kerajaan. Kita tidak boleh hendak serahkan kepada swasta sepenuhnya. Jadi, perlu ada satu kaedah yang boleh memastikan bahawa hasil yang perlu dikutip oleh kerajaan ini akan dapat dilunaskan dengan baik. Jangan ada usaha-usaha melambatkan, melengahkan kerana *this is due to the government*. Ini hak kerajaan. Jadi, cadangan itu baik tetapi kita perlu lihat dengan lebih rapi.

Saya hendak menumpukan kepada Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Ini soal pokok sebab saya takut dia tersilap. Dalam pindaan ini kita tidak menyebut langsung tentang kenaikan duti setem 0.05%. Tidak ada! Ini soal lain. Ini hanya sekadar untuk membuat penilaian cepat sahaja. Jadi, saya tidak tahu dari mana yang dapat. Dalam akta ini tidak ada peningkatan duti setem pada kadar 0.05%. Tidak ada langsung. Jadi, tidak ada soal kita buat ini hendak menaikkan cukai atau apa. Tidak ada!

Oleh sebab itu kita tidak tanya pun *stakeholders* sebab kita tidak menaikkan cukai, jadi mereka tidaklah perlulah bimbang sangat. Ini hanya mencari satu kaedah baru yang boleh memendekkan masa, itu pun diberikan pilihan bukan paksaan! Saya rasa kita buat ini sudah elok sudah. Ada yang tidak suka, tidak setuju tidak mengapa, teruskan sekarang. Bukannya kata dengan adanya kaedah *gross up* ini orang sudah tidak ada pilihan lagi. Semua perlu bayar yang 20% ini. Tidak ada. Kaedah yang wujud sekarang ini, bagi bangunan baru, hartanah baru yang dimajukan, nilainya adalah nilai harga pemaju yang ditetapkan. Tidak ada lagi sudah soal hendak menilai semula, tidak ada, satu.

Keduanya, kaedah melalui Jabatan Penilaian. Jabatan Penilaian ini yang kita hendak ubah sedikit. Ketiganya ialah melalui penilai swasta dengan syarat dia tinggal *bank guarantee*.

Jadi, semua kaedah ini sudah ada. Jadi sekarang ini yang kita hendaknya ialah supaya ada satu kaedah baru diperkenalkan sebagai kaedah tambahan, jika dipilih oleh pelanggan yang mungkin sebab-sebab tertentu dia mahu *clear the deal* dalam masa seminggu atau umpamanya, maka dia dapat selesaikan. Kalau tunggu sepuluh hari lagi takut yang menjual tukar fikiran, ada pula orang pergi *offer* dengan lebih tinggi umpamanya. Ini adalah kemudahan yang diberikan.

Keduanya, saya ingin sebutkan di sini secara umumnya, duti setem yang dikenakan ini sudah mengambil kira kepentingan pengguna-pengguna yang berpendapatan rendah. Umpamanya, pembelian rumah kos rendah, duti setem ke atas pembelian rumah kos rendah dikecualikan terus. Tidak dikenakan langsung. Pembelian rumah kos sederhana yang tidak melebihi RM250,000, pengecualian dikenakan 50%, *50% off discount*. Bagi perjanjian pinjaman sehingga RM1 juta, biasanya SME lah ini dikecualikan sebanyak 50%. Bagi perjanjian pinjaman pendidikan – pinjam duit hendak pergi belajar, kesian dia, kita kenakan RM10 sahaja duti setem.

Ini semua sudah diambil kira. Saya harap apa yang kita lakukan ini adalah suatu penambahbaikan lagi dan suatu pilihan yang diberi supaya mereka yang betul-betul ingin satu proses yang cepat dapat menikmatinya. Pada masa yang sama kita juga menyeru supaya pihak pejabat tanah kerajaan negeri juga mengambil kira. Melihat bagaimanakah kaedah yang di bawah kawalan mereka dapat juga diselaraskan, dipendekkan supaya matlamat kita untuk menjadikan kerajaan, baik Kerajaan Pusat mahupun kerajaan negeri sebuah kerajaan yang lebih efisien, yang lebih cekap yang dapat mengendalikan urusan kerajaan dengan baik, dengan selesa untuk kepentingan rakyat dan pelabur dapat kita capai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■1230

RANG UNDANG-UNDANG PELINDUNGAN PENGGUNA (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.32 tgh.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pelindungan Pengguna 1999 (Akta 599) dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum, pihak kementerian mencadangkan untuk meminda Akta 599 bagi maksud pengukuhan dan penambahbaikan ke atas peruntukan sedia ada di bawah akta ini dengan mengambil kira amalan perdagangan semasa dalam pasaran serta bentuk transaksi yang telah mengalami pelbagai perubahan. Objektif utama pindaan ini adalah bagi memberikan perlindungan yang lebih menyeluruh kepada pengguna.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini melibatkan pindaan terhadap tujuh peruntukan sedia ada, penambahan dua bahagian baru dan satu jadual baru. Bagi pindaan pada peruntukan sedia ada, ia melibatkan peluasan skop seksyen 9, seksyen 21, seksyen 23, seksyen 53, seksyen 98 dan seksyen 146 serta pemansuhan seksyen 103.

Pindaan kepada peruntukan-peruntukan sedia ada melibatkan beberapa perkara iaitu pindaan seksyen 9. Pada masa ini, seksyen 9 hanya memperuntukkan perlindungan kepada perkara berkaitan jenis, proses pembuatan, nilai, kesesuaian atau kuantiti sesuatu barang atau perkhidmatan. Ia tidak merangkumi perlindungan

berkenaan kebolehdapatan dengan izin, *availability* sesuatu barang atau perkhidmatan. Perlindungan di bawah Akta 599 perlu diperluaskan untuk memberi perlindungan kepada pengguna berkenaan kebolehdapatan sesuatu barang atau perkhidmatan. Sebagai contoh, adalah menjadi kesalahan bagi peniaga untuk mengiklankan sesuatu barang atau perkhidmatan tetapi tidak berhasrat untuk membekalkannya.

Pindaan seksyen 21. Peruntukan sedia ada di bawah seksyen 21 hanya memberikan perlindungan berkenaan keselamatan umum bagi barangan sahaja dan ia tidak merangkumi perkhidmatan. Oleh yang demikian, pindaan yang dicadangkan adalah untuk memperluaskan skop seksyen 21 untuk merangkumi perkhidmatan. Sebagai contoh, pihak pembekal atau peniaga perlu memastikan tidak hanya barangan yang ditawarkan adalah selamat tetapi juga perkhidmatan yang dibekalkan adalah semunasabahnya selamat dengan izin, *reasonably safe*.

Pindaan seksyen 23. Pada masa ini seksyen 23 hanya memperuntukkan perintah larangan terhadap pembekalan barang yang tidak selamat tetapi tiada peruntukan undang-undang untuk mengisytiharkan perkhidmatan yang tidak selamat sebagai perkhidmatan larangan. Sehubungan dengan itu, tujuan peluasan skop seksyen 23 kepada perkhidmatan adalah agar perintah larangan boleh dikeluarkan terhadap perkhidmatan yang tidak selamat untuk menghalang pembekal daripada terus membekalkannya kepada orang ramai. Industri perkhidmatan kini telah berkembang dengan pesat dan merupakan salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara jika dibandingkan dengan ketika Akta Pelindungan Pengguna mula digubal pada tahun 1990-an. Ini dapat dilihat dengan sumbangan industri perkhidmatan pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara iaitu sebanyak 57.8% pada tahun 2009. Oleh yang demikian, sudah tiba masanya untuk perlindungan pengguna diperluas melalui pindaan ke atas APP dengan memasukkan peruntukan perlindungan kepada perkhidmatan dengan jelas. Langkah ini bertujuan agar perlindungan kepada pengguna dilaksanakan dengan lebih komprehensif dan menyeluruh.

Pindaan seksyen 53. Pada masa ini, seksyen 53 hanya memperuntukkan gerenti tersirat bahawa pembekal perlu membekalkan perkhidmatan kepada pengguna dengan ketelitian dan kemahiran yang munasabah. Pindaan yang dicadangkan adalah agar bahan yang dibekalkan berkaitan dengan sesuatu perkhidmatan juga mesti sesuai dengan tujuan perkhidmatan tersebut dibekalkan. Sebagai contoh, bahan yang digunakan dalam perkhidmatan servis kereta haruslah bersesuaian dengan tujuan perkhidmatan berkenaan.

Pindaan seksyen 98. Pindaan seksyen 98 membolehkan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) mendengar sebarang kes yang mana tiada mekanisme tebus rugi disediakan di bawah undang-undang lain tertakluk pada tuntutan tidak melebihi RM25,000. Pindaan yang dicadangkan adalah untuk meluaskan bidang kuasa TTPM untuk mendengar tuntutan pengguna yang mana mekanisme tebus rugi tidak diperuntukkan di bawah undang-undang lain. Pindaan ini akan memberikan pilihan kepada pengguna di negara ini sekiranya berhadapan dengan isu tebus rugi terhadap mana-mana peniaga yang memberikan barangan atau perkhidmatan yang tidak memuaskan selagi tidak diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang yang lain.

Pemansuhan seksyen 103. Pada masa ini, seksyen 103 membolehkan TTPM untuk mendengar sebarang kes dengan syarat ia perlu diwartakan. Pindaan di bawah seksyen 98 dan pemansuhan seksyen 103 memperluaskan bidang kuasa TTPM terhadap apa-apa perkara berkaitan barang dan perkhidmatan tanpa keperluan untuk mewartakan perkara tersebut terlebih dahulu. Walau bagaimanapun ia tertakluk kepada syarat bahawa perkara tersebut tidak dikawal oleh mana-mana perundangan lain yang memperuntukkan mekanisme tebus rugi bagi pengguna. Sebagai contoh, terdapat sektor kecil jualan kredit domestik atau kelengkapan rumah yang tidak dikawal oleh satu perundangan yang khusus.

Ketiadaan peruntukan undang-undang menyukarkan pihak berkuasa seperti KPDNKK untuk memantau atau mengambil tindakan kepada penjual atau pemberi kredit yang menjalankan urusan perniagaan secara tidak beretika.

■ 1240

Selain itu, ketiadaan undang-undang khusus ini juga menyukarkan pengguna untuk mencari penyelesaian di mahkamah. Selepas seksyen 103 dimansuhkan, maka seksyen-seksyen lain di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang menyebut seksyen 103 juga perlu dipinda. Oleh sebab itu, seksyen 2(3) dan seksyen 11(3) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang menyebut peruntukan di bawah seksyen 103, telah dimansuhkan.

Pindaan seksyen 146. Pada masa ini, kuasa untuk mengkompaun sesuatu kesalahan di bawah seksyen 146 tidak terpakai bagi Bahagian III yang menetapkan perkara berkaitan keselamatan bagi barang dan perkhidmatan. Oleh itu, kesemua kesalahan termasuk kesalahan di bawah peraturan-peraturan yang telah ditetapkan, tidak boleh dikompaunkan walaupun kesalahan tersebut adalah kecil dan sepatutnya dikenakan kompaun sahaja.

Sebagai contoh, dalam Peraturan-peraturan Pelan Perlindungan Pengguna (Perakuan Kelulusan dan Tanda Pematuhan Standard Keselamatan) 2009, adalah menjadi kesalahan bagi pihak pengeluar, pengimport atau penjual untuk tidak meletakkan penandaan tanda pematuhan. Seajar dengan perkembangan terkini dalam pembangunan standard keselamatan bagi barang dan perkhidmatan, maka adalah wajar untuk pindaan seksyen 146 dilakukan bagi membolehkan kesalahan kecil di bawah Bahagian III dikompaunkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan Akta 599 juga melibatkan pengenalan dua bahagian baru iaitu bahagian berkenaan terma kontrak tidak adil dan Jawatankuasa Pengiklanan serta satu jadual baru mengenai tatacara pentadbiran Jawatankuasa Pengiklanan.

Bahagian baru iaitu Bahagian IIIA berkenaan terma kontrak tidak adil menetapkan peruntukan-peruntukan bagi melindungi pengguna daripada terma-terma tidak adil yang wujud dalam sesuatu kontrak terutamanya kontrak bentuk seragam. Kontrak Bentuk Seragam adalah kontrak di mana terma-termannya tidak dirunding atau dibincangkan terlebih dahulu.

Terma-terma ini pada kebiasaannya memihak atau menguntungkan pihak yang menyediakan terma-terma tersebut. Persetujuan atau kerelaan pengguna terhadap syarat-syarat kontrak tidak dipertimbangkan sepertimana yang terdapat dalam doktrin kebebasan berkontrak. Keadaan ini memaksa pengguna terikat dengan terma-terma kontrak walaupun ia tidak adil kepada pengguna dan memberi peluang kepada pengedar atau penjual untuk menyalahgunakan kelebihan mereka dalam kontrak bentuk seragam dan menindas pengguna.

Penggunaan kontrak bentuk seragam dalam urus niaga seharian merupakan cara berniaga yang diterima umum pada masa ini. Ini disebabkan ia meningkatkan kecekapan urus niaga, mengurangkan kos transaksi dan mempercepatkan proses pengendalian.

Kontrak bentuk seragam pada kebiasaannya digunakan untuk melanggan perkhidmatan telefon, saluran televisyen, perkhidmatan internet, pusat kesihatan, tiket konsert, tiket pawagam, perkhidmatan perbankan dan penyewaan kereta. Ia lazimnya dicetak dengan banyak bentuk dan digunakan berulang-ulang kali bagi urusan yang sama dan pada kebiasaannya digunakan oleh syarikat-syarikat besar dalam urus niaga mereka dengan pengguna.

Contohnya, institusi bank mempunyai ramai pelanggan yang sering mempunyai lebih daripada satu urusan berkenaan sesuatu produk atau beberapa produk berkaitan. Urusan tersebut memerlukan suatu bentuk kontrak yang seragam agar kos transaksi dapat dikurangkan dan proses pengendalian dapat dipercepatkan. Walau bagaimanapun, terdapat kecenderungan di kalangan beberapa industri untuk memasukkan terma-terma yang tidak adil dalam kontrak berbentuk seragam dan ini akan membebankan pengguna.

Sebagai contoh, sesuatu bank yang mengenakan syarat bahawa bank boleh mengubah peratus kadar kaedah ke atas pinjaman yang telah diluluskan kepada pelanggan sedangkan kadar itu telah dipersetujui bersama sebelumnya. Di samping itu, sesuatu bank yang menetapkan syarat bahawa bank mempunyai hak untuk mengubah atau menghapuskan apa-apa syarat pada bila-bila masa tanpa memberitahu pelanggan dan berkuat kuasa apabila bank sendiri memutuskannya, adalah tidak wajar. Syarat-syarat tersebut nyata berat sebelah kerana sebarang perubahan syarat perlu mendapat persetujuan bersama di antara peniaga dan pelanggan.

Selain itu, kebanyakan kontrak bentuk seragam menggunakan bahasa yang mungkin sukar difahami oleh kebanyakan pelanggan. Perkara-perkara seperti bahasa yang mudah difahami oleh semua golongan, tulisan yang jelas dan senang dibaca serta penandaan mana-mana syarat yang memerlukan lebih perhatian daripada pengguna perlu dititikberatkan dalam sesuatu kontrak bentuk seragam.

Pada masa ini, Malaysia masih belum mempunyai perundangan berkaitan terma kontrak tidak adil. Negara-negara lain seperti United Kingdom, Korea, Singapura dan Brunei telah lama mempunyai undang-undang mengenai terma yang tidak adil di dalam kontrak termasuklah fasal-fasal pengecualian. Oleh yang demikian, Akta 599 adalah dipinda dengan memasukkan bahagian baru berkenaan terma kontrak tidak adil untuk melindungi pengguna daripada salah guna terma-terma dalam kontrak terutamanya dalam kontrak bentuk seragam.

Tuan Yang di-Pertua, industri pengiklanan di negara ini berkembang dengan pesat dengan pengenalan media-media baru seperti pengiklanan internet melalui laman web, media sosial, iklan menerusi telefon bimbit dan sebagainya. Dianggarkan pada tahun 2009, jumlah perbelanjaan pengiklanan di Malaysia ialah RM6.6 bilion iaitu satu angka yang cukup signifikan, membuktikan bahawa pengiklanan merupakan satu industri yang besar dan sangat berpengaruh dalam tingkah laku pembelian pengguna.

Oleh itu, perlindungan pengguna kepada pengiklanan-pengiklanan yang muncul di pasaran sangat penting kerana penyebaran iklan-iklan di pasaran dalam pelbagai bentuk memerlukan pengawasan dan pemantauan agar sebarang perbuatan yang bertujuan untuk mengelirukan pengguna dapat dibendung.

Sehubungan dengan itu, kementerian mencadangkan satu lagi bahagian baru berkenaan penubuhan Jawatankuasa Pengiklanan untuk memantau iklan-iklan yang disasarkan kepada pengguna. Fungsi utama jawatankuasa ini adalah untuk menasihati Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan berkenaan apa-apa aspek pengiklanan, meneliti aduan berkaitan dengan pengiklanan dan untuk mengeluarkan atau menerbitkan apa-apa maklumat mengenai barang atau perkhidmatan yang boleh mengelirukan pengguna.

Keahlian jawatankuasa ini adalah terdiri daripada pihak yang mewakili kepentingan pengguna. Penubuhan jawatankuasa ini perlu bagi membolehkan KPDNKK bertindak proaktif dan tidak hanya menunggu untuk mengambil tindakan selepas sesuatu aduan difailkan atas sesuatu kerugian telah berlaku akibat iklan-iklan yang mengelirukan atau palsu.

Penubuhan Jawatankuasa Pengiklanan amat bersesuaian memandangkan pengiklanan merupakan salah satu medium utama yang digunakan untuk menarik perhatian pelanggan kepada sesuatu barang atau perkhidmatan. Strategi pemasaran melalui pengiklanan yang meliputi penggunaan media cetak, elektronik dan internet mempunyai pengaruh yang kuat dalam tingkah laku pembelian pengguna.

Walaupun fungsi iklan di pasaran adalah untuk memudahkan pengguna mendapatkan maklumat berkenaan sesuatu barang atau perkhidmatan tetapi terdapat kesukaran untuk menentukan kesahihan dan integriti maklumat yang diberikan kerana sifat iklan yang ringkas dan subjektif. Pada masa ini terdapat pelbagai bentuk iklan di pasaran dan pemantauan iklan-iklan tersebut dijalankan oleh pelbagai agensi berdasarkan bidang kuasa masing-masing.

■1250

Sebagai contoh, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memantau iklan berkenaan pemaju perumahan dan Kementerian Kesihatan memantau iklan berkenaan ubat-ubatan. Namun tidak ada satu badan utama yang berperanan untuk menyelaraskan pemantauan iklan-iklan di pasaran. Oleh itu terdapat banyak iklan yang terlepas daripada pemantauan disebabkan kekeliruan mengenai bidang kuasa, bidang tugas dan tanggungjawab yang mungkin merentasi pelbagai agensi. Dengan adanya

jawatankuasa ini tindakan proaktif untuk memantau iklan-iklan dapat diselaraskan dengan lebih berkesan. Oleh itu sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini adalah amat diharapkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati Tan Sri Dato' Seri Onn.

12.51 tgh.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih kerana memberikan saya laluan untuk turut menyuntik pendapat yang dibahaskan hari ini. Tuan Yang di-Pertua, pemindaan Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna adalah tepat pada masanya bagi membolehkan pengguna dilindungi dengan sewajarnya daripada terus dimanipulasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Kenyataan ini dibuat memandangkan pengguna kini berada dalam era yang penuh cabaran. Ledakan globalisasi, kepesatan teknologi dan kerancakan pembangunan negara menjadi antara faktor yang menyumbang kepada kepelbagaian masalah pengguna. Inovasi dan kreativiti telah menghasilkan pelbagai ciptaan yang sebahagiannya memberikan impak negatif ke atas pengguna.

Pembangunan sains dan teknologi pula telah menemukan bioteknologi, nano teknologi dan pelbagai cabang sains di mana penggunaan dan sumbangannya kepada masyarakat adalah tidak ternilai banyaknya dan terus menjanjikan sumbangan-sumbangan yang mendatang. Namun telah menjadi lumrah hidup setiap yang baik pasti ada cacatnya dan bunga yang cantik jarang harum baunya. Justeru selain membantu pengguna bioteknologi juga dilihat sebagai berpotensi untuk mendedahkan pengguna kepada pelbagai penyakit jika aspek keselamatan dan kesucian produk tidak dititik beratkan.

Tuan Yang di-Pertua, bioteknologi terus mempengaruhi kehidupan manusia sejak dahulu lagi tanpa mengira agama, warna kulit dan cara hidup seseorang. Sama ada disedari atau tidak kita telah pun menjadi pengguna kepada hasil bioteknologi itu. Terdapat 5,000 syarikat di seluruh dunia yang berasaskan bioteknologi dengan nilai pasaran yang mencecah 2.8 trilion. Sumbangan industri bioteknologi kepada KDNK negara juga dijangka meningkat kepada 4% menjelang 2015 dan 5% pada 2020. Justeru industri bioteknologi negara dijangka mampu mewujudkan 280,000 peluang pekerjaan menjelang 2020 selain meningkatkan imej pertanian negara dan sekali gus membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat terutamanya yang tinggal di luar bandar.

Walaupun demikian, pengeluaran produk bioteknologi ini masih perlu diperhalusi terutamanya dari segi status halal dan haram dan kesannya terhadap kesihatan dan kesejahteraan manusiawi dan alam. Menerusi kajian para saintis, bioteknologi ini masih mendapat kekurangan yang mampu membawa padah kepada manusia dan juga alam. Antara ancaman makanan ini adalah alahan kadar toksik, daya tahan antibiotik, meningkatkan kesan-kesan sampingan luar jangkaan lain.

Mengubahsuai struktur genetik suatu makanan juga boleh mewujudkan toksin pembunuh yang pada asalnya adalah selamat bagi tubuh badan. Bakteria yang telah mengalami kejuruteraan genetik (GE) bagi tujuan menghasilkan makanan tambahan dalam kuantiti besar, ataupun '*altriprofan*' yang telah menghasilkan toksik yang membunuh lebih 30 orang dan mencacatkan lebih 5,000 orang di Amerika Syarikat sebelum ditarik balik dan diharamkan penghasilannya oleh *Food and Drug Administration (FDA)*.

Selain kesannya terhadap kesihatan dan alam, makanan yang dihasilkan melalui bioteknologi ini juga tidak terlepas daripada isu halal-haramnya. Oleh itu saya menggesa agar setiap produk bioteknologi dilabelkan secara terperinci dengan menyatakan secara jelas berkaitan kandungan produk tersebut kerana sayangnya perkara ini tidak begitu dititikberatkan oleh kebanyakan pengusaha produk bioteknologi. Malahan kekeliruan berkaitan kandungan produk sering kali seolah-olah sengaja cuba dimanipulasi oleh pelbagai teknik pembungkusan untuk menarik perhatian pengguna sehingga ada kalanya mengaburi mata mereka. Keunikan dan kreativiti yang ditonjolkan dalam teknik pembungkusan sering membuatkan pengguna menjadi alpa untuk meneliti label produk tersebut dengan terperinci. Akibatnya, produk tersebut dibeli tanpa mengambil kira aspek keselamatan, kebersihan dan kesucian produk seperti itu.

Selain daripada itu, pengguna juga sering tertipu oleh kehebatan teknik pengiklanan yang bijak memanipulasikan maklumat untuk melariskan jualan dan seterusnya mengaut keuntungan lumayan. Akta Perlindungan Pengguna 1999 memberi definisi barangan sebagai barang, iaitu barang yang dibeli atau yang digunakan bagi maksud diri dan isi rumah. Jelas sekali akta ini menggunakan istilah barang dan bukan produk. Sedangkan pengeluaran produk bioteknologi melibatkan proses yang menggunakan kaedah-kaedah kimia dan saintifik. Manakala bahagian 111, seksyen 19(6) pula dengan jelas mengecualikan makanan dan barangan jagaan kesihatan daripada penguatkuasaan akta ini.

Oleh itu amat jelas akta ini gagal mencapai matlamat sebenarnya iaitu untuk memberi perlindungan kepada pengguna dalam aspek keselamatan, menggunakan produk bioteknologi memandangkan pengeluaran produk bioteknologi banyak tertumpu kepada produk makanan dan juga penjagaan kesihatan. Justeru adalah wajar agar akta ini diteliti sebaik mungkin supaya pindaan yang dibuat bukan sekadar hanya untuk memenuhi kelompangan yang ada pada akta ini namun tidak langsung menyentuh isu-isu terkini global yang sepatutnya menjadi persoalan pokok penggubalannya. Sebaik kerajaan menggubal akta dengan hasrat untuk melindungi pengguna kelihatan masih pincang dan hambar apabila isu-isu terkini global seperti bioteknologi, nano teknologi dan perkhidmatan profesional yang dijalankan melangkaui sempadan dan masih tidak diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, lambakan produk bioteknologi di pasaran dan tiadanya mekanisme khusus untuk melindungi pengguna dalam konteks ini dilihat begitu kronik sekali.

Perkembangan pesat pengeluaran produk bioteknologi ini disokong oleh kewujudan GMO yang lahir daripada penggunaan bioteknologi moden. Namun rata-ratanya pengguna tidak arif dan alpa akan risiko serta kesan yang bakal ditanggung mereka apabila menggunakan produk tersebut. Sedangkan kajian yang dijalankan oleh *Michigan State University* mendapati bahawa tanaman yang dilalui proses GN dan GE apabila diproses daripada *re-virus* akan mengakibatkan virus tersebut bermutasi kepada suatu bentuk baru yang lebih berbahaya dan berupaya menyerang spesis tumbuhan dan hidupan lain.

Oleh itu pengguna memerlukan mekanisme kawalan perundangan dalam melindungi mereka daripada risiko yang terpaksa mereka tanggung. Lebih serius lagi apabila konsep bioteknologi moden membenarkan pengubahsuaian dilakukan ke atas

haiwan atau tumbuhan. Justeru, penggunaan meluasnya turut memberi kesan kepada aspek keselamatan dan kesihatan manusia terutama di dalam penggunaan produk-produk makanan, alat-alat *make-up* dan kecantikan serta ubat-ubatan yang dihasilkan melalui proses bioteknologi. Meskipun dakwaan serupa ini tidak dipersetujui oleh pakar-pakar bioteknologi namun pengguna mempunyai hak untuk mengetahui sama ada barangan dan produk yang dibelinya adalah terdiri daripada bahan yang telah diubahsuai secara genetik ataupun tidak, terutamanya bagi pengguna Islam yang dengan jelasnya menolak penggunaan produk-produk haiwan atau *transgenic foods* yang tiada kesahihan halal dan haramnya.

Tuan Yang di-Pertua, justeru dalam usaha untuk mengadili kes bioteknologi dan kesan kepada pengguna, Malaysia perlu mengorak langkah positif dengan mewujudkan akses kepada keadilan yang lebih berkesan ke atas pengguna. Memandangkan penggunaan produk-produk yang terhasil daripada proses bioteknologi...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Seminit lagi. Keperihalan berhubung dengan aset keselamatan dibawanya turut menjadi aspek yang seharusnya mendapat keutamaan. Selagi permasalahan seperti ini tidak di atasi, maka corpus perlindungan pengguna di Malaysia akan terjejas dan memerlukan kepada kajian yang menyeluruh dari semua aspek khususnya aspek perlindungan dan biosains.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah berusaha untuk memperbaiki kelompangan yang ada pada akta ini, namun perangkaan yang teliti dengan mengambil kira aspek inovasi dan globalisasi perlu dilihat bagi memperluaskan perlindungan ke atas pengguna seperti yang diperuntukkan dalam fasal II. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat kita masih lagi dalam Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna. Saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Zainun Abu Bakar.

2.32 ptg.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: *Bismillahir rahmaanir raahim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana beri kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2010. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mengemukakan pindaan ini semenjak ianya diwartakan sebagai Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599).

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menegur tentang kelemahan pindaan ini yang tersilap menyebut akta ini sebagai Akta 399 dalam versi bahasa Malaysia sedangkan sebenarnya akta ini ialah Akta 599 yang kita lihat di sini. Tuan Yang di-Pertua boleh tengok yang mana yang dinyatakan dalam versi bahasa Inggeris. Walaupun ianya tidak terjejas dari segi kesahihan tetapi kesilapan seperti ini tidak wajar berlaku sama sekali terutamanya pindaan akta ini dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mulai ini. Oleh itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan adalah bertanggungjawab di atas kesilapan ini yang sepatutnya memastikan kesilapan sifar.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya pindaan akta ini adalah wajar dan tepat masanya kerana pindaan ini mengambil kira bukan sahaja barang tetapi juga perkhidmatan. Sebagaimana maklum perniagaan kini tidak sahaja tertumpu kepada barangan sahaja malah mutakhir ini sektor perkhidmatan memainkan peranan penting dalam memacu ekonomi negara seperti perkhidmatan IT, telekomunikasi, pengurusan harta tanah, dan pendidikan.

Saya merujuk kepada seksyen 23(a) akta ibu yang memasukkan perkataan dan perkhidmatan selepas perkataan sebagai barang larangan. Begitu juga seksyen 23(b) subseksyen 1 dan 2 dan seksyen 23(c) dan (d). Penekanan yang diberikan oleh kerajaan kepada sektor perkhidmatan dalam pindaan ini adalah untuk melindungi

pengguna. Dalam hubungan ini Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 9 April 1985 telah pun mengeluarkan garis panduan mengenai perlindungan pengguna untuk semua negara. Saya ingin mendapat penjelasan sejauh manakah negara kita mematuhi garis panduan yang telah dikeluarkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga pindaan akta ini menarik kerana pindaan ini memasukkan bahagian baru IIIA berhubung dengan terma tidak adil. Dalam seksyen 24A, memberikan takrif kontrak sama sebagaimana yang diberikan di bawah seksyen 2, Akta Kontrak 1950 (Akta 136).

Penaksiran semula maksud kontrak ini memberi implikasi perlindungan kepada pengguna kerana takrif kontrak menurut Akta Kontrak begitu luas dan mencukupi bukan sahaja barangan tetapi juga perkhidmatan.

Mengikut seksyen 2(h) Akta Kontrak, kontrak adalah suatu perjanjian yang dikuatkuasakan oleh undang-undang. Dalam hubungan ini, pentakrifan kontrak mengikut Akta Kontrak 1950 memberi implikasi bahawa undang-undang ini lebih konklusif dan komprehensif kerana ianya akan meliputi pelbagai peringkat umur termasuk kanak-kanak atau *minor* dengan izin, atau yang berumur kurang dari 18 tahun. Antara isu dalam kontrak ini termasuklah keupayaan seseorang sepenuhnya membuat kontrak umpamanya dari segi umur.

Common Law menetapkan 21 tahun sebagai umur dewasa tetapi umur dewasa seperti yang diperuntukkan dalam Akta Umur Dewasa 1971 ialah 18 tahun. Saya percaya pentakrifan kontrak dalam pindaan ini dengan mengikut Akta Kontrak 1950 amatlah penting dan saya percaya banyak isu berkaitan dengan kepenggunaan ini dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, keempat, pindaan ini secara jelas ingin melindungi pengguna dengan mengambil kira ketidakadilan dari segi transaksi perniagaan dan khususnya berhubung dengan kontrak perniagaan antaranya ketidakadilan am dari segi tatacara kontrak dan ketidakadilan am yang jitu.

Sehubungan dengan itu saya ingin menyentuh tentang pelbagai rungutan dan aduan pengguna kerana ketidakadilan kontrak dan sebagainya. Kerajaan telah pun menubuhkan Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional yang ditubuhkan sejak tahun 2004 lagi. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan bilangan aduan yang diterima semenjak 2004 sehingga terkini dan nyatakan aduan yang dapat diselesaikan serta kategori aduan. Bagaimanakah pindaan akta ini mampu untuk menangani pelbagai aduan yang diterima dan seterusnya menyelesaikan aduan-aduan yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pindaan akta ini saya ingin menyentuh tentang peruntukan penubuhan jawatankuasa pengiklanan seksyen 84A menyebut menteri boleh menubuhkan satu jawatankuasa pengiklanan selain daripada empat fungsi yang telah dinyatakan iaitu:

- (i) menasihati menteri dalam mana-mana aspek berhubung dengan pengiklanan;
- (ii) meneliti aduan iklan;
- (iii) mengeluarkan atau menerbitkan maklumat berkaitan sifat dan ciri barang dan perkhidmatan; dan
- (iv) melaksanakan apa perkara lain yang perlu.

■ **1440**

Saya dapati pindaan ini tidak memasukkan fungsi jawatankuasa ini dalam menentukan kriteria atau ciri-ciri iklan yang dibenarkan atau tidak dibenarkan untuk disiarkan sama ada oleh media cetak ataupun elektronik.

Keduanya dari segi iklan yang dikeluarkan melalui *internet*, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan bagaimanakah kerajaan akan memantau iklan-iklan yang dikeluarkan melalui *internet*? Apakah tindakan dan langkah yang diambil oleh kerajaan dalam memantau perniagaan melalui *internet* khususnya bagi melindungi pengguna?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penubuhan jawatankuasa pengiklanan ini amatlah penting kerana isu yang menggugat perlindungan pengguna ialah ramainya pengguna yang terjebak dengan iklan yang mengelirukan terutamanya iklan mengurangkan berat badan, minuman kesihatan dan meningkatkan kekuatan tenaga batin dan sebagainya. Pengguna mudah terpengaruh dengan iklan kerana pelbagai gimik disiarkan. Tambahan pula artis menjadi modelnya.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan adakah kerajaan bercadang mewajibkan semua produk dan perkhidmatan menyatakan dengan jelas kandungan produk dan butir-butir perkhidmatan yang diberikan sebelum diberi kebenaran untuk diiklankan? Seterusnya apakah tindakan yang diambil kerajaan bagi mengatasi iklan yang mengelirukan khususnya dari segi harga dan kegunaan produk atau bentuk perkhidmatan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pindaan akta ini saya ingin menyentuh tentang perkara pengosongan jawatan iaitu bahagian 2 di Jadual Jawatankuasa Pengiklanan seksyen 84(c) yang menyatakan tiga sebab seseorang itu menjadi kosong sebagai jawatankuasa pengiklanan adalah disebabkan apabila anggota itu mati atau meletakkan

jawatan atas arahan menteri dan apabila tamat tempoh jawatannya. Saya ingin mencadangkan agar dimasukkan klausa "*Apabila seseorang itu didapati muflis*". Klausa ini biasanya digunakan tetapi saya agak hairan kenapa dalam pindaan akta ini ianya tidak dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh tentang kesedaran pengguna bagi melindungi kepentingan pengguna. Kita telah pun mempunyai Majlis Hal Ehwal Pengguna di peringkat daerah dan negeri malah peringkat kebangsaan pun ada. Kita juga ada Majlis Penasihat Pelindungan Pengguna dan persatuan-persatuan pengguna yang boleh digembleng bagi menjaga kepentingan pengguna. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan apakah langkah yang telah diambil bagi menggerakkan kesemua institusi dan persatuan ini dan melindungi pengguna termasuk kestabilan harga barang dan perkhidmatan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua:Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah.

2.44 ptg

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih di atas laluan yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan ini. Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibuat ke atas Rang Undang-undang Pelindungan Pengguna ini adalah amat dinanti-nantikan pengguna dan berketepatan pada waktunya memandangkan mutakhir ini semakin banyak berita berkaitan isu-isu pengguna yang tertindas dilaporkan oleh media massa tempatan.

Perkembangan arus globalisasi yang melanda dunia turut menyumbang ke arah peningkatan kes kepenggunaan yang semakin kompleks dan memerlukan tindakan segera. Umumnya tidak semua masyarakat Malaysia benar-benar mengetahui siapakah yang dimaksudkan dengan pengguna. Ramai yang masih menganggap bahawa pengguna hanyalah terdiri daripada golongan pembeli sahaja dan menurut John F. Kennedy dalam Deklarasi 1962, pengguna adalah merangkumi kesemua orang namun takrifan yang dibuat oleh akta ini agak sempit dan tidak memberikan pemahaman sebenar kepada umum mengenai siapakah yang dimaksudkan dengan pengguna. Akta ini mentakrifkan pengguna sebagai seseorang yang menggunakan suatu barangan sama ada dibeli sendiri atau didapati selain dari pembelian untuk kegunaan dirinya atau seisi rumahnya. Justeru seseorang yang membeli untuk tujuan menjual dan mendapati keuntungan adalah tidak dianggap pengguna.

Adalah sangat penting untuk memberi tafsiran yang tepat dan jelas tentang siapakah pengguna supaya lebih ramai lagi pihak boleh tampil ke hadapan secara proaktif untuk bertindak balas terhadap isu-isu ketidakadilan serta penindasan terhadap pengguna. Usaha ini adalah sangat penting supaya suara-suara pengguna kian digeruni dan terkesan kepada siapa dan mana-mana pihak sekalipun. Di negara maju seperti United Kingdom umpamanya pengguna mempunyai kuasa yang mampu melariskan mahupun merugikan peniaga sama ada melalui peruntukan undang-undang mahupun *attitude* dengan izin, pengguna itu sendiri. Walaupun kita sudah bebas daripada kuasa penjajah namun tidak salah sekiranya sesekali kita mencontohi negara lain untuk kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kehidupan yang semakin moden ini kita tidak dapat lari daripada melakukan pelbagai transaksi di pasaran. Apabila menjamu selera pula kita dihidangkan dengan makanan yang rata-ratanya menggunakan bahan tambah. Jika bahan tambah ini berasal dari haiwan dan diproses secara genetik, bagaimana pula dengan status halalnya? Terlalu banyak transaksi yang menimbulkan keraguan dari segi syarak. Masalahnya persoalan-persoalan beginilah yang melimpahi pasaran Malaysia. Sekiranya tidak ditangani dengan segera masalah ini akan hanya membantutkan usaha kerajaan untuk mempelopori hab industri halal dunia. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyedari bahawa halal sebenarnya bukan sahaja dari segi makanan dan minuman sahaja tetapi merangkumi pendapatan ekonomi kewangan, urusan jual beli, perlindungan malah dalam semua transaksi kehidupan.

Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud, *“Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu juga jelas dan di antara keduanya adalah sesuatu yang selamat yang kebanyakan manusia tidak mengerti hal tersebut. Maka barang siapa yang menjaga dirinya dari suatu yang samar itu bererti dia telah menjaga agamanya serta kehormatannya dan barang siapa yang telah menjatuhkan dirinya yakni melakukan sesuatu terhadap yang samar itu bererti dia menjatuhkan dirinya dengan melakukan yang haram.”* Sebagai sebuah negara Islam yang majoriti penduduknya adalah Islam dan menjadi golongan pengguna terbesar di Malaysia, persoalan halal haram ini janganlah dipandang remeh.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh persoalan halal haram ini saya berasa terpanggil untuk membahaskan isu yang sedang hangat dilaporkan di dada-dada akhbar yang menjadi halwa pendengar radio serta penonton televisyen. Liputan secara meluas oleh media tempatan berkaitan restoran kopitiam dan penutupan rangkaian kopitiam

terkenal Paparich cawangan Kepong membuatkan ramai penggemar setia restoran kopitiam mengeluh panjang. Menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, kementerian telah memberi kelulusan kepada enam syarikat swasta untuk mengeluarkan sijil dan logo halal. Namun Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) enggan mengesahkan sijil dan logo halal yang dikeluarkan oleh syarikat swasta ini kerana mereka beroperasi berasaskan keuntungan dan bukan berorientasikan tuntutan agama.

■1450

Akhirnya fasal 6 rang undang-undang ini turut menetapkan bahawa setiap perkhidmatan yang ditawarkan hendaklah bersesuaian dengan maksud perkhidmatan itu. Sayangnya, ada di antara syarikat swasta ini menipu rakyat dan menyalahi agama dengan mengeluarkan sijil dan logo halal kepada pemilik dan pengusaha restoran yang langsung tidak memenuhi piawaian halal yang ditetapkan. Mana mungkin pemberian sijil dan logo halal dikeluarkan dalam tempoh sehari sahaja dan temu bual hanya dibuat melalui telefon tanpa membuat pemeriksaan premis yang berkenaan. Jadi, mengapa kementerian membenarkan mereka beroperasi sekiranya pihak JAKIM sendiri tidak meluluskan sijil dan logo halal yang dikeluarkan. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menegaskan di sini. Isu ini jangan dipandang remeh dan memerlukan tindakan segera.

Dimanakah tanggungjawab swasta ini terhadap rakyat dan agama? Apakah kerakusan untuk mengaut keuntungan telah membutakan hati dan melenyapkan tanggungjawab mereka untuk melindungi pengguna Islam itu sendiri. Soal halal dan haram tidak boleh dipandang ringan kerana ia adalah tuntutan agama. Justeru itu, JAKIM sepatutnya diberi autoriti sepenuhnya dalam mengeluarkan sijil dan logo halal tanpa campur tangan pihak swasta. Namun, pada masa ini walaupun JAKIM diberikan kuasa mengeluarkan sijil dan logo halal, dari segi pelaksanaan dan pendakwaan terhadap seseorang pesalah, penyalahgunaan logo halal adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Manakala JAKIM dan JAIM hanya bertindak dari sudut pentadbiran sahaja. Saya melihat di sini tiada peruntukan undang-undang khusus yang melibatkan perkara halal. Dalam konteks ini, perkara berkaitan halal terdapat dalam pelbagai peruntukan undang-undang yang berbeza-beza dan tidak menyeluruh. Keadaan ini menyulitkan apabila berlaku penyalahgunaan di mana terdapat peruntukan-peruntukan berbeza untuk didakwa.

Dengan itu, pesalah dapat melepaskan diri dengan mudah akibat kelompangan yang ada dalam undang-undang yang dibentuk. Perlu juga ada satu ukuran standard berkaitan sijil dan logo halal yang benar-benar boleh dipegang dan diguna pakai oleh pengguna dalam membuat pilihan untuk menentukan sama ada mereka boleh atau pun tidak menjamu selera di restoran berkenaan. Bagaimana Malaysia dapat membangun sebagai hab industri halal dunia sedangkan kesahihan logo halal itu sendiri diragui.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Empat tahun lebih dahulu bila saya pernah berucap pertama kalinya di Dewan ini. Saya menyentuh bagaimana kita hendak mengendalikan logo halal dengan berkesan. Kita telah bertanya dengan pihak JAKIM sama ada mereka mampu atau tidak. Sebenarnya, empat tahun sudah berlalu atau lebih empat tahun berlalu. Saya melihat JAKIM ini *over ambitious* dengan izin. Sama ada mereka mampu atau tidak mampu, itu tidak begitu jelas. Yang jelas, masalah banyak timbul. Saya hendak tanya menerusi Yang Berhormat.

Saya ada juga mencadangkan empat tahun lebih dahulu, apa kiranya rejim *governance* yang ada di dalam sektor korporat mengenai apa juga tindak tanduk yang hendak dibuat. Seperti mana syarikat di Bursa Saham. Mereka ada *governance regime* di mana mereka ada audit komiti, ada bermacam-macam komiti yang lain untuk menentukan kehendak undang-undang dan *regulation* dengan izin.

Apa kiranya pihak JAKIM menuntut kalau dapat, ada peruntukan undang-undang untuk mewujudkan *governance* halal. Di mana jawatankuasa halal yang berbentuk *save disclosure*, diwajibkan pada tiap-tiap syarikat yang memohon logo halal, untuk menubuhkan jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini akan memberi laporan *quarterly* dengan izin ataupun tiga, empat bulan sekali kepada JAKIM atau suruhanjaya atau pun apa juga jawatankuasa pihak kerajaan. Di situ, jawatankuasa ini mestilah mengikut prosedur, *checklist* dengan izin. Semua tuntutan syarak dan syarie dan juga undang-undang mengenai halal haram menyeluruh mengikut apa juga piawaian yang mereka hendak. Kalaulah jawatankuasa ini gagal...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup, cukup.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: ...Gagal, maka mereka hendaklah dihukum. Itu sahaja, terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong 110% di atas cadangan yang dibuat oleh rakan saya tadi dan tindakan selanjutnya akan dibuat oleh pihak kementerian dan juga pihak JAKIM. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana yang dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi, isu ini memang telah lama dibangkitkan. Namun, belum ada sebarang jalan penyelesaian. Justeru, pihak kerajaan perlu lebih sensitif daripada isu ini memandangkan restoran kopitiam ini kian bertambah dan memenuhi pasaran di setiap negeri. Meneguk minuman, menjamah makanan yang dihidangkan hingga ke larut malam pada setiap hari telah menjadikan budaya yang menjadi ikutan remaja masa kini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat *point* itu Yang Berhormat sudah usik. Ini dalam rang undang-undang, dari segi perundangan. Apa pandangan Yang Berhormat? Sentuh sedikit sahaja, selepas itu pergi ke *point* yang lain. Jangan *elaborate* terlalu panjanglah kalau boleh.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya meneruskan dan apa yang menyedihkan sekali ialah aspek pembentukan sahsiah manusia amat bersangkutan paut dengan pemakanan mereka dan perkara ini perlu dirundingkan bersama dan mendapat tindakan segera. Bukan hanya asyik bertarik tali dan menuding jari sesama sendiri. Lebih serius lagi apabila al-Quran dan sunah memandang soal halal, haram makanan ini sebagai suatu yang besar, yang mana mampu memberi kesan terhadap kehidupan di dunia dan di akhirat.

Menurut perkiraan Islam, soal halal dan haram makanan akhir yang diambil bergantung juga dengan persoalan asas bagaimana ia dihasilkan, dari mana ia dihasilkan dan siapa yang menghasilkannya. Sehingga Allah SWT telah berfirman yang bermaksud "*Hai manusia, makanlah dari apa-apa yang ada di bumi ini, yang halal dan yang baik dan jangan kamu mengikut jejak syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu musuh dan terang-terang bagi kamu.*" Dalam surah Al-Baqarah 168.

Akhirnya, saya berharap agar penguat kuasa dan pendakwaan yang lebih mantap perlu dijalankan tanpa adanya birokrasi supaya menjadi pengajaran kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Supaya tidak ada pihak-pihak seolah-olah mengejek pihak berkuasa kerana mereka mampu membayar kompaun yang dikenakan dan seterusnya tidak takut untuk melakukan kesalahan-kesalahan yang sama. Sekian, Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Perlu menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sekarang ini membahaskan rang undang-undang. Cuba,

fokus kepada rang undang-undang yang berkenaan, seksyen mana, tegur sedikit sebanyak. Boleh tegur mengatakan bahawa JAKIM telah gagal itu, ini dan beri nasihat sedikit tetapi jangan terlalu panjang. Okey, silakan Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap.

2.58 ptg.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang untuk saya berbahas secara ringkas sahaja. Mengenai dengan Akta Meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999. Akta ibu ini Tuan Yang di-Pertua atau telah dibuat pada tahun 1999 dan sudah tentu kementerian telah melihat tentang kelemahan-kelemahan yang ada pada akta tersebut, sehinggalah hari ini kita boleh membahaskan pindaan yang dibuat oleh akta ibu tersebut. Saya ingin mengalu-alukan pindaan ini.

Saya juga tahu bahawa akta ini memperluaskan perlindungan kepada pengguna, meliputi perilaku yang mengelirukan mengenai sama ada atau tidak suatu perkhidmatan sudah tentu boleh didapatkan atau pun memperuntukkan menyatakan perkara-perkara mengenai dengan terma yang tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, apabila akta ibu dibuat pada tahun 1999, sudah tentu akta yang baik kerana sebelum itu kita memakai akta yang lain untuk melindungi pengguna di negara kita seperti Akta Kontrak dan juga *Common Law* yang memang diterima pakai di negara kita mengikut perundangan yang ada. Mengambil undang-undang yang ada di England untuk diaplikasikan di negara kita.

■1500

Satu daripada kelemahan yang ada pada Akta 599 ini ialah tentang iklan (*advertising*). Di sini sudah tentu ada satu masalah sebab banyak iklan negara kita yang *misleading*, dengan izin. Iklan yang mengelirukan, *misrepresentation* kepada pengguna. Contohnya kalau diiklankan tentang penginapan, di dalam gambar itu bukan main canggih. Apabila kita sampai di situ, lain rupanya. So, itu mengelirukan, *misleading*, *misrepresent the services and the products*. Ini boleh dianggap tipu sebab dia menipu dan mengaut keuntungan daripada cara sebegitu yang tidak baik.

Jadi, dengan adanya pindaan ini, sudah tentu ia akan meliputi perkara-perkara seperti ini supaya mereka-mereka yang mengiklankan itu sudah tentu akan bersalah di bawah pindaan tersebut. Memang banyak kes mahkamah yang kita nampak mengenai dengan ini sama ada di England, di Eropah atau di Malaysia, di mana mahkamah telah membuat keputusan memberikan kemenangan kepada pengguna kerana iklan yang *misleading* dan *misrepresent* tersebut, dengan izin.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan *internet banking*. Sekarang ini kita mempunyai servis yang canggih. Kita boleh buat *banking* melalui *internet* tetapi, saya ingin menyuarakan di sini kepada kementerian, adakah pengguna dilindungi? Sama-sama dilindungi dalam *internet banking* ini oleh pindaan yang sekarang kita bahaskan ini? *Internet banking* adalah memang sesuatu yang baik. Orang ramai tentu teruja dan menerima baik tentang inovasi ini tetapi, ada juga kebimbangan dalam masa yang sama. Ia berkesan sudah tentu dan memudahkan pemindahan wang tetapi ada juga keraguannya.

Ada kes-kes kecurian *personal access code* contohnya, kod peribadi ataupun dengan izin, *intrusion online activities of other customers*. Inilah masalah yang timbul dengan *internet banking* ini. Di Malaysia setahu saya *operators centered banking* yang diberikan kepada pengguna adalah masih di tahap yang rendah. Adakah Undang-undang Perlindungan Pengguna ini terpakai kepada aktiviti komersial yang berkaitan dengan *Information and Communication Technology (ICT)*? Saya rasa ia tidak terpakai.

Yang ketiganya Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan Tribunal Tuntutan Pengguna. Dalam akta itu memang ada menyebut tentang *establishment* kewujudan tribunal seperti ini yang mengambil kes-kes yang bersifat penggunaan *small camp* - satu badan yang boleh ditubuhkan di bawah akta ini. Ia juga mendengar dan mengadili tuntutan-tuntutan pengguna. Sebelum penubuhan tribunal ini, segala tuntutan ganti rugi oleh seseorang pengguna terhadap seseorang pembekal atau pengilang terpaksa dibawa ke Mahkamah Sivil di mana ia memerlukan prosedur yang rumit, kos yang tinggi dan mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan. Inilah di antara sebab-sebab mengapa pengguna tidak berminat untuk membuat tuntutan di Mahkamah Sivil.

Dengan adanya ini Tuan Yang di-Pertua, maka tribunal ini boleh membicarakan kes-kes dengan cepat. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, selain daripada negeri-negeri yang saya tahu memang sudah wujud tribunal ini, adakah ini dipanjangkan atau diperluaskan di seluruh negara kerana saya mendapati bahawa ia amat berkesan, efektif untuk membantu pengguna-pengguna kita. Ia dibuat dengan cepat, dengan murah, prosedur yang kurang rumit dengan hanya memfailkan saman dan ada affidavit, ada *pleading* yang ringkas, maka boleh dibicarakan oleh mahkamah. Saya ingin mengesyorkan kepada kementerian supaya tribunal ini dipanjangkan, diperluaskan di seluruh negara kita...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, makna tribunal *you* maksudkan timbang taralah? Dalam bahasa Malaysianya, “timbang tara tribunal”. *If that what you mean*, dengan izin?

Datuk Maijol Mahap: Bukan, ini tribunal.

Tuan Yang di-Pertua: Tribunal?

Datuk Maijol Mahap: Tribunallah.

Tuan Yang di-Pertua: Ada peruntukan? Di bawah seksyen berapa Yang Berhormat Datuk?

Datuk Maijol Mahap: *Not arbitration*, Tuan Yang di-Pertua, *not mediation*...

Tuan Yang di-Pertua: *You* cadangkan.

Datuk Maijol Mahap: *Not mediation*, bukan *arbitration* tetapi, memang tribunal.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey.

Datuk Maijol Mahap: Dalam bentuk mahkamahlah - tribunal. Terima kasih.

Satu lagi isu yang saya ingin bangkitkan Tuan Yang di-Pertua dan ini yang terakhir ialah mengenai dengan perniagaan melalui *internet*. Khidmat dan produk-produk juga boleh dijual melalui internet. Ini di negara barat memang sudah digunakan begitu meluas. Di negara kita pun sudah mula dibuat seperti itu. Urusan jual beli bukan sahaja boleh digunakan secara manual malah boleh digunakan melalui siber dan internet ataupun dikenali sebagai e-Dagang. Penjual atau syarikat perniagaan yang menggunakan cara ini boleh mendapat pulangan yang tinggi di mana dilaporkan di Amerika, *the revenue generated by this internet*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ialah USD56 bilion setahun. Di Malaysia pula saya tidak ada angka tetapi di Amerika lebih kurang begitu.

Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, apabila kita tidak memantau dan melindungi pengguna dalam kes ini, masalahnya ialah kerap kali produk yang dipesan tidak dihantar kepada pembeli setelah bayaran dibuat melalui debit, kad kredit bank ataupun pos. Produk yang dihantar tidak mematuhi seperti yang diiklankan dalam laman web. Lebih teruk lagi syarikat yang mengiklankan barangan dan produk juga mungkin akan menutup laman web selepas beroperasi dalam jangka masa yang singkat selepas mengaut keuntungan daripada pembeli. Jadi, inilah antara masalah yang kita hadapi melalui e-Dagang ini. Saya berharap akta atau pindaan ini mengambil masalah-masalah seperti itu. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff.

3.08 ptg.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan pindaan rang undang-undang yang dibentangkan di Dewan ini. Kita maklum bahawa cadangan yang dikemukakan kepada Dewan ini adalah bertujuan untuk memperkemaskan Akta 599 dan ada beberapa seksyen baru yang dicadangkan untuk diwujudkan dalam pindaan akta ini. Pengguna mengharapkan sesuatu yang lebih baik untuk menjamin hak dan kepentingan mereka. Saya percaya adalah menjadi tanggungjawab kita di Dewan ini untuk mempertahankan atau melindungi pengguna dari segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat penguatkuasaan dalam melaksanakan akta ini adalah amat penting. Tanpa penguatkuasaan, sebaik mana pun akta yang digubal ini tidak akan membawa makna kepada pengguna. Saya ingin memberi contoh tentang jualan produk tiruan yang bercambah di pasar malam ataupun di pasar awam.

■1510

Kadang-kadang saya terfikir juga apakah jualan barang tiruan ini dibenarkan di dalam negara kita. Kadang-kadang saya terfikir juga kenapa tidak ada penguatkuasaan bagi mengatasi masalah yang berlaku setiap hari.

Kalau tidak dibenarkan bagaimana pula peniaga ini dapat menjual dengan bebas. Saya berharap pihak kementerian dapat memberi perhatian hal yang saya nyatakan tadi. Saya juga ingin menyentuh beberapa perkara yang disebut dalam pindaan akta ini seperti berikut.

Pertama, dalam perkara pengiklanan saya berpendapat definisi pengiklanan dalam akta ini tidak komprehensif dan tujuan pengiklanan tidak dinyatakan secara spesifik. Dicapangkan supaya seksyen 3 dipinda dengan memakai definisi seperti yang terdapat dalam Akta Fair Trading New Zealand 1986 atau Akta Perlindungan Pengguna Thailand 1978 yang menjelaskan tujuan pengiklanan dalam definisi yang lebih jelas dan lengkap.

Kedua, pindaan ini lebih tertumpu kepada aspek ketidakadilan dalam representasi sesuatu produk. Sesuatu pernyataan kepada pengguna yang tidak mengelirukan tetapi tidak adil. Tidak memberi perlindungan yang sesuai kepada pengguna. Seharusnya seksyen 10 juga dipinda bagi mengenakan tanggungjawab terhadap pihak peniaga untuk berniaga dengan adil seperti yang mana terkandung dalam Akta Perlindungan Pengguna di Thailand.

Ketiga, seksyen 32 juga dicadang dipinda bagi meminda perkataan “kualiti boleh terima kepada kualiti yang memuaskan agar pengguna hanya dibekal dengan jaminan barangan yang berkualiti seperti mana yang diguna pakai di United Kingdom dan Filipina.”

Keempat, dalam pindaan ini jawatankuasa pengiklanan akan ditubuhkan walaupun kita tahu pengiklanan ini telah lama diwujudkan. Yang Berhormat Menteri mengatakan ianya bagi mengelak pengguna terpedaya dengan iklan yang mengelirukan. Apakah kriteria iklan yang mengelirukan terhadap pengguna ini? Adakah kriteria iklan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri juga tertakluk di bawah seksyen ini?

Kelima, akta ini juga hendaklah memberi perlindungan kepada pengguna yang mencari pekerjaan berdasarkan iklan yang dipaparkan sama ada di media elektronik mahupun di internet. Denda dan hukuman hendaklah dikenakan ke atas mereka yang tidak bertanggungjawab dalam menyiarkan iklan pekerjaan yang mendedah pengguna kepada risiko ditipu.

Keenam, seksyen 84A(d) menyatakan memberi kuasa sepenuhnya kepada jawatankuasa pengiklanan bagi melaksanakan sebarang perkara yang difikirkan perlu bagi menjalankan tugas. Soalan saya siapakah yang akan memantau jawatankuasa ini sekiranya berlaku penyelewengan?

Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya menyentuh sedikit tentang isu keselamatan produk pengguna dan iklan mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Isu keselamatan produk. Mengikut Persatuan Pengguna-pengguna Standard Malaysia, (*Standard Users*) di Malaysia agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadap melakukan tindakan penarik balik produk luar negara yang tidak selamat dari pasaran tidak dilaksanakan dengan cekap. Barangan atau produk import yang tidak selamat di negara asal dan tindakan perlu diambil selepas itu tidak termaktub dalam mana-mana undang-undang negara ini.

Antara produk yang dikenal pasti adalah seperti lampu, bateri, alat permainan kanak-kanak daripada beberapa negara seperti Amerika dan juga Jepun. Walaupun krisis keselamatan alat permainan kanak-kanak telah bermula semenjak tahun 2007, namun usaha untuk menggubal semula peraturan keselamatan alat permainan kanak-kanak masih tertangguh. Sejak krisis ini Amerika Syarikat, Kanada dan Kesatuan Eropah telah mengambil langkah-langkah memperbaiki lagi peraturan keselamatan produk di negara mereka. Tindakan yang paling ketara ialah Akta Penambahbaikan

Keselamatan Produk Pengguna Amerika Syarikat iaitu *US Consumer Product Safety Improvement Act*, dengan izin. Oleh yang demikian, peraturan keselamatan alat permainan kanak-kanak perlu dibentangkan segera walaupun kementerian menjangkakan ia seharusnya telah siap pada Mac tahun lalu.

Keduanya ialah berkenaan dengan iklan pemakanan mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Kanak-kanak merupakan kelompok masyarakat yang mudah dipengaruhi oleh iklan. Ini kerana kanak-kanak tidak memahami tujuan dan strategi sebenar iklan. Golongan kanak-kanak ini mudah termakan dengan iklan-iklan yang menarik dengan selera mereka dan akhirnya boleh memberi kesan kepada tingkah laku yang boleh mendatangkan implikasi negatif di kemudian hari. Kajian yang dikeluarkan oleh *Journal of American Diet Association* mendapati iklan televisyen menjadi pengaruh yang kuat menentukan pengambilan makanan.

Satu laporan penyelidikan kesan iklan makanan kanak-kanak di enam buah negara iaitu India, Pakistan, Malaysia, Philippine, Korea Selatan yang dijalankan oleh Consumer International Asia Pacific mendapati bahawa 30% kanak-kanak Malaysia menonton televisyen lebih lapan jam sehari semasa musim cuti persekolahan dan terdedah kepada iklan selama dua jam setengah. Berdasarkan laporan ini hanya Filipina dan Korea Selatan mempunyai undang-undang berkaitan dengan iklan makanan ringan dan makanan segera. Oleh yang demikian, adalah penting bagi jawatankuasa pengiklanan ini untuk mengawal bentuk iklan, mesej serta maklumat yang disampaikan dan bukan hanya melihat kepada aduan tapi lebih kepada bentuk pencegahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

3.16 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut sama membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Pelindungan Pengguna 1999.

Yang pertama yang saya ingin tanyakan kepada pihak kerajaan ialah perkataan, “pelindungan pengguna” ini memang ejaan ataupun memang tersilap eja, sebab biasa yang kita gunakan adalah “perlindungan”. Yang kita jumpa sekarang ialah “pelindungan”. Adakah kerana dahulu kita guna “pelindungan” sekarang pun kita

kekalkan “pelindungan” ataupun ada beza antara “perlindungan” dengan “pelindungan”. Saya pohon dari sudut bahasa.

Yang kedua berkaitan dengan seksyen 24E dari segi penterjemahan. Saya ingin baca, *“Sekiranya terma kontrak tidak memperuntukkan atau mengehadkan liabiliti, atau tidak memperuntukkan hak, tugas dan liabiliti, adalah di pihak pembekal yang bersandar kepada ketiadaan peruntukan atau pengehadan itu untuk membuktikan bahawa ketiadaan peruntukan atau pengehadan itu tidak dibuat tanpa melainkan justifikasi yang kukuh.”* Saya rasa kalau kita negara Malaysia yang menggunakan bahasa Malaysia/Bahasa Kebangsaan, saya sebagai peguam pun tidak faham.

Saya sudah banyak kali tegur tentang perkara ini dari segi penggubalan. Kalau kita baca yang bahasa Inggerisnya memang kita faham sebab ayat-ayat dalam bahasa Inggeris itu jelas mengatakan bahawa, *“it is not without adequate justification”*. Jadi kalau bahasa Inggerisnya kita faham tapi, kalau terjemah bahasa Melayu saya pohon diterjemahkan dalam ayat yang munasabah, jangan verbatim. Ini kalau kita baca itu dibuat tanpa melainkan justifikasi yang kukuh. Jadi kalau kita boleh permudahkan, dipermudahkan. Sudah banyak kali kita tegur, kita minta pihak kerajaan tolong ambil perhatian kerana kita bayar untuk membuat sebarang penggubalan akta ini.

Seterusnya lagi yang ingin saya bertanyakan perlindungan yang kita maksudkan dalam akta pengguna ini, adakah hanya terlibat untuk transaksi melibatkan jual beli bagaimana dengan transaksi yang tidak melibatkan unsur-unsur kewangan. Adakah mereka juga dilindungi sebagai pengguna di bawah akta 1999 ini? Begitu juga saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan bilamana kita buat Akta Pelindungan Pengguna 1999 tetapi, kita lihat dari segi kesan kepada masyarakat tidak ramai lagi masyarakat yang tampil untuk benar-benar menggunakan hak mereka kerana ramai di kalangan kita tidak memahami hak kita sebagai pengguna.

Jadi saya ingin tanya pelan tindakan kerajaan untuk pindaan pada kali ini bagaimana kita hendak menguar-uarkan kepada pengguna untuk mengguna pakai semua hak yang ada dalam akta ibu dan akta yang dipinda pada hari ini. Saya ingin tahu program penerangan ataupun sokongan oleh pihak kerajaan untuk kelab-kelab pengguna dalam masyarakat dan juga di sekolah berapa bajet yang kita peruntukkan bagi memastikan akta yang kita buat ini memberikan impak kepada pelajar-pelajar sekolah dan juga masyarakat.

Seterusnya berkaitan dengan iklan. Bila disebut iklan saya tidak nampak sebarang takrif iklan. Yang saya ingin tanya di sini apakah iklan ini termasuk juga

tentang testimoni. Bagaimana testimoni yang dibuat melalui telefon sebagaimana yang kita lihat sekarang ini berlaku setiap hari dalam TV, dalam *Selamat Pagi Malaysia*, dalam *Malaysia Hari Ini* ada testimoni-testimoni dan juga adakah testimoni ini akan meliputi testimoni bertulis.

■1520

Saya cadangkan kepada pihak kerajaan, kalau dibuat testimoni bertulis untuk mana-mana syarikat yang mendapat lesen daripada pihak kerajaan agar testimoni ini dalam bentuk dokumen yang asal mesti disahkan sama ada oleh pesuruhjaya sumpah atau mana-mana pihak yang bertanggungjawab, kerana kita tidak mahu melihat testimoni yang ditampal di seluruh tempat dan diberikan kepada kita, seolah-olah ianya benar tanpa kita tahu sama ada perkara tersebut benar atau tidak benar. Saya pohon dibuat tatacara untuk pengesahan testimoni-testimoni oleh semua syarikat yang mengeluarkan barang-barang ataupun produk di Malaysia.

Seterusnya, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan bilamana kita meluluskan pindaan pada hari ini untuk menjadikan satu polisi bahawa tidak boleh diiklankan di mana-mana media termasuk media cetak ataupun elektronik, melainkan terdapat pengesahan SIRIM kalau ia melibatkan dari segi kualiti, melibatkan kesihatan mesti ada justifikasi daripada pihak Kementerian Kesihatan dan didaftarkan secara sah. Dua, tiga hari lepas kita tengok ada pengacara TV yang ditipu kerana dia telah terlibat dengan sebuah syarikat yang baginya agak stabil kerana sudah banyak tahun buat iklan di TV dan majalah tetapi rupa-rupanya syarikat tersebut tidak didaftarkan.

Jadi saya mohon, kita boleh pegang tentang hak untuk Akta Mesin Cetak, kita patut wajibkan mana-mana syarikat yang hendak membuat iklan, ia mesti ada nombor daftar, ia mesti ada pengesahan barangan itu memang dikeluarkan pengesahan oleh sama ada kalau melibatkan makanan, mungkin Akta Halal, nombor halalnya, nombor kesihatannya, nombor SIRIMnya supaya mana-mana orang yang melihat iklan, kita tidak akan tertipu kerana ini bagi saya, merupakan tugas kerajaan.

Begitu juga dengan perlindungan yang diberikan kepada pengguna. Hari ini kita lihat banyak barang yang dijual dalam negara kita yang mana sesetengah barang langsung tidak ada waranti. Ada barang yang ada waranti tetapi kebanyakan waranti ini ditulis dalam bahasa Inggeris. Saya rasa kita yang ramai majoritinya tidak berapa tengok sangatlah. Kalau tengok pun tidak berapa faham. Apa efeknya? Jadi kalau boleh, saya minta tulis dalam bahasa Melayu supaya kita faham apa hak-hak kita. Ini kerana negara kita sudah 50 tahun merdeka, tidak patut kita hendak gunakan waranti dalam bahasa

Inggeris. Takkanlah penjual itu tidak boleh hendak kompromi dengan kita. Mesti ada dua bahasa.

Kalau hendak buat bahasa Inggeris atau bahasa Cina pun, mesti ada bahasa Melayu supaya kita dilindungi. Ini adalah waranti yang perlu yang saya rasa tidak sah mana-mana perjanjian atau kontrak, melainkan kita faham. Sekarang kita buat waranti, kita tidak faham pun apa yang kita dapat daripada waranti tersebut. Itu berkaitan dengan waranti.

Begitu juga dengan atur cara pemakanan. Kita lihat banyak barang yang dijual dalam negara kita ini di kotak-kotak ubat atau di botol tersebut, atur cara pemakanannya amat *simple*.

Jadi saya rasa perkara ini macam tidak bertanggungjawab. Harga barang, harga ubat, RM30, RM80, cara makan – dua biji pagi, dua biji petang. Selepas itu yang lain-lain tidak ada. Amaran tentang alergi pun tidak ada. Kita sebuah negara yang ada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, kementerian itu, kementerian ini, tidak bolehkah kita buat sedikit? Kita tengok kalau barangan yang diimport dari negara luar, ia ada terus tulis makanan ini mungkin ada *contain nuts*. Maknanya orang yang alergi tentang kacang tidak boleh makan, orang yang alergi tentang ini, ada tulis pada makanan.

Kita hendak jadi negara yang boleh mengeksport barang kita ke luar. Kita hendak jadi peneraju dalam bidang kosmetik, dalam bidang farmaseutikal. Kita sepatunya lebih ke hadapan. Perkara yang titik-bengik macam ini mesti kita perhatikan kerana ini ada efek. Mungkin kita yang normal tidak ada masalah tetapi bagaimana orang yang ada alergi? Jadi saya pohon untuk mana-mana makanan perubatan, mesti sebelum kita luluskan untuk iklan di mana-mana tempat – dalam TV, dalam radio, dalam akhbar, dalam majalah, mesti ada dari segi pelabelan, dari segi kandungan, dari segi tatacara pemakanan mesti bertanggungjawab. Kalau perlu hendak buat atas bekas itu semua penuh, mungkin bekasnya kecil, boleh bubuh dalam kertas sahaja. Itu cara yang paling baik. Sebab kita sebagai pengguna hendak faham sepenuhnya apa yang kita makan dan apa yang kita guna.

Begitu juga dengan *cooling of period*. Sesetengah syarikat besar memberikan *cooling of period*. Banyak syarikat tidak berikan kita peluang macam ini. Saya pohon perkara ini diuar-uarkan supaya pengguna boleh diberi peluang untuk dia membatalkan ataupun tidak menggunakan produk yang telah pun dia beli.

Saya juga difahamkan bahawa terdapat bahan-bahan organik yang dikatakan dilabel organik yang dijual di *hypermarket* dan juga *supermarket* negara kita ini sebenarnya tidak mendapat pengiktirafan SOM. Kalau SOM itu saya rasa mantan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani memahamilah tentang apa itu SOM. Saya minta perkara SOM ini difahami orang sebagaimana SIRIM. Jadi kita tidak hendak ia letak label organik, harga tiga kali ganda mahal, tidak ada mana-mana pihak pun yang membuat verifikasi sama ada benda tersebut memang SOM atau tidak SOM. Jadi tidak hendaklah kita beli barang harga mahal, tiba-tiba benda itu tidak ada pemantauan kerana – belum cukup dengan label sahaja.

Begitu juga dengan bilamana kita meluluskan Akta Perlindungan Data Peribadi Pengguna dan juga sekarang ini kita hendak meluluskan Akta Perlindungan Pengguna, saya ingin pihak kerajaan memberikan sedikit penerangan tentang yang kita boleh letak sebagai *mail preference* atau *fax preference*. Sebagai pengguna, kita boleh buat pilihan. Kita hendak orang hubungi kita dalam bahasa apa, dalam masa mana, cara bagaimana. Sebab hari ini kita lihat bila perkara ini tidak dibuat, kadang-kadang kerahsiaan data peribadi kita yang kita dedahkan kepada tempat yang kita buat jual beli tadi diguna pakai untuk transaksi lain.

Tiba-tiba kita dapat surat, tiba-tiba kita dapat jemputan menggunakan data sedia ada dan yang paling sedih hari ini kita lihat kadang-kadang banyak iklan dibuat melalui *hand phone*. Kalau setakat iklan Celcom, kita boleh terimalah tetapi kalau iklan yang pelik-pelik ini saya minta sangatlah pihak kerajaan sediakan juga – bila kami terima SMS yang pelik-pelik sebagai pengguna ini, kami terus boleh *forward* balik kepada Celcom ataupun kami boleh *forward* kepada kerajaan, “*Ini SMS yang kami terima pukul 2 pagi.*” Jadi saya sudah banyak kali saya rasa disebut dan saya minta dibuat tindakan.

Kalau saya terima, tidak apa. Kalau anak saya terima, macam mana? SMS yang katakan hendak lihat gadis seksi ini semua. Ini bagi saya merupakan *breach of contract* antara saya dengan Celcom. Kenapa Celcom berani buat macam ini pada saya? Saya tidak hendak perkara ini ditembusi masuk dengan sebegitu mudah. Jadi kalau boleh perlindungan pengguna ini, lindunglah sungguh-sungguh. Jangan lindung benda yang hendak kena lindung sahaja.

Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Kita lihat pindaan akta ini tentang iklan. Yang Berhormat bercakap tadi tentang iklan. Kalau iklan itu iklan palsu yang diiklankan dalam televisyen swasta kah, televisyen kerajaan kah, siapa yang boleh mengambil tindakan? Adakah kementerian ini boleh ambil tindakan? Jadi ini kita hendak tahu dalam pindaan ini. Nampak macam ada pertindihan. Jadi, kuasa untuk mengambil tindakan iklan ini siapa, dan kalau tahu iklan ini iklan palsu, adakah kementerian ini boleh mengambil tindakan? So, apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz bin Md. Naw: Kita minta Menteri jawablah di bawah kuasa siapa. Sebab bagi saya, kuasa itu yang penting untuk pendakwaan tetapi tindakan yang pada peringkat awal untuk disepadukan, itu paling penting. Kalau kita boleh hantar *direct* perkara ini kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan kemudian kementerian boleh hantar balik kepada Kementerian Dalam Negeri, dia boleh buatlah. Terserah kepada mereka dari segi bagaimana kolaborasi antara kementerian tersebut.

Seterusnya berkaitan dengan tapisan porno. Kita lihat dua, tiga hari lepas mantan PM kita, Tun Mahathir mengemukakan tentang isu tapisan dalam *internet*. Jadi saya minta jugalah sebagai pengguna di Malaysia, kita minta kerajaan buat tapisanlah yang lebih menyeluruh kepada kandungan *internet* kerana saya turun ke sekolah-sekolah, didapati juga ada sekolah-sekolah yang tidak menerima *school.net*, mereka menggunakan *internet* biasa dan kanak-kanak di sekolah boleh akses kepada perkara ini dengan mudah. Jadi tidak semua sekolah dapat *school.net* walaupun jawapan yang diberikan oleh kementerian bahawa 95% sekolah dapat *school.net* tetapi sebenarnya dari segi kenyataan, realitinya tidak sedemikian.

Jadi kita minta kalau mantan Perdana Menteri kita boleh bercakap tentang tapisan porno, minta pihak kementerian mungkin boleh buat apa-apa cara bagi menjadikan perkara ini satu kenyataan.

Seterusnya berkaitan dengan had dan hak iklan. Sekarang ini dalam TV kalau kita lihat iklan *i-Pod*, ia punya iklan itu saya tidak tahu, ia hendak iklan *hand phone* kah atau ia hendak iklan tuannya. Cara ia mengiklankan itu cukup menghairahkan. Bukan satu iklan tetapi dua tiga iklan. Saya minta perkara ini bila ada hak perlindungan pengguna macam ini, tolong lindungi anak-anak kami, tolong lindungi suami kami. Jadi dia hendak iklan itu biarlah nampak dia betul-betul hendak iklan. Perkara macam ini saya tidak tahu hendak mengadu pada siapa.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Yang Berhormat, minta laluan. Saya terpanggil apabila...

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan. Boleh, boleh.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Ya. Saya terpanggil bila dia kata yang kemudian-kemudian itu – tolong lindungi suami. Macam tidak percayakah suami sendiri? Adakah apa-apa yang berlaku yang mana menimbulkan kemusykilan itu? Sebabnya kalau iklan itu cantik, apa salahnya. Sebabnya, daripada pandangan itulah datangnya minat. Kalau kita tengok *i-Phone* tadi, kita pandang minat sahaja, rasa hendak, begitu jugalah itu. Akan tetapi kalau suami yang warak dan beriman, saya percaya pandang banyak mana pun Yang Berhormat, *insya-Allah*, dengan kepandaian Yang Berhormat, mungkin tidak akan cari yang lain. Akan tetapi kalau boleh pun, takdir, *wallahualam...*
[Ketawa]

Puan Hajah Mumtaz bin Md. Nawi: Saya rasa setujulah kalau setakat cantik tetapi kalau sampai aksi itu yang saya tidak setuju. Jadi sebab ini kalau kita tengok dari segi pemilihan seorang imam – hendak pilih imam, antara kriteria pilih imam ialah yang paling *handsome* di kalangan lelaki yang mukmin.

■1530

Maknanya, untuk jadi pemimpin memang kita hendak yang lawa. Jadi kalau hendak diberi iklan, mungkin kita hendak yang cantik tetapi jangan sampai aksi hendak mengiklankan *handp-hone* sampai letak di belakang, saya tidak boleh terimalah...
[Ketawa] Walaupun macam mana alim suami kita, walaupun macam mana baik anak kita, jangan kita bagi dia terlalu banyak godaan semata-mata hendak menguji keimanan dia.

Seterusnya, berkaitan dengan hak yang dinikmati oleh pengguna bila mana mereka menjadi bukan sekadar pengguna, dalam sesetengah keadaan mereka jadi pengguna dan sesetengah keadaan mereka menjadi agen. Contohnya dalam kes, saya sebut secara *direct* ya, kes Zhulian. Dalam kes Zhulian yang diiklankan pada papan tanda besar, *billboard* gambar daripada 300 orang wanita yang menjadi agen kepada Zhulian untuk iklan.

Saya hendak tahu di sini bagaimana pemantauan pihak kementerian dari segi hak mereka bila mana wajah mereka diiklankan. Adakah mereka ini telah pun memberikan hak mereka, sains bahawa mereka setuju. Sebab ini merupakan satu *breach*

bagi saya dari segi perbuatan untuk mengiklankan. Jadi kalau boleh perkara ini jangan berlaku di lain kali. Kalau iklan seorang tidak apa, kalau ramai-ramai macam itu kita minta dipantau kerana ini merupakan eksploitasi juga kepada wanita.

Seterusnya berkaitan dengan resit. Kalau kita beli barang, kalau kita buat penjual pengguna macam ini, kadang-kadang dia terus tulis di resit itu, 'barang yang dijual tidak boleh dikembalikan'. Jadi selepas pada kita luluskan pindaan pada hari ini, adakah terma yang diletakkan dalam resit tersebut tidak diterima pakai. Kadang-kadang ditulis di sini, 'barang yang dibeli, tidak boleh dikembalikan'. Jadi bagaimana dengan barang yang rosak, yang tidak menepati spesifikasi, adakah kita boleh buat perkara ini?

Dari segi *intellectual property* dan pendaftaran hak cipta. Kita lihat sekarang ini banyak barang-barang dan produk yang dikeluarkan. Saya tidak tahu sejauh mana kerajaan mungkin di bawah kementerian ini atau kementerian lain yang memandang dan melihat kepada pendaftaran hak cipta kerana kita hendak rujuk dari sudut halal, haram, SIRIM, kalau tidak ada hak cipta tersebut mungkin susah bagi pihak kita.

Begitu juga, saya hendak tanya satu lagi, bila tadi menteri sebut untuk terma-terma yang tidak adil. Saya ingat dalam perbahasan kita di Parlimen banyak kali kita kata kepada syarikat IPP, kita kata kepada syarikat lebuhraya, banyak *agreements* yang dibuat antara kerajaan dengan syarikat seperti syarikat lebuhraya ini yang sebenarnya tidak adil kepada rakyat. Jadi dalam konteks ini adakah kerajaan menjadi pengguna kepada PLUS yang kerajaan boleh gunakan akta ini untuk merubah semua *agreement* yang memaksudkan terma tidak adil tersebut. Ataupun hanya akta ini terpakai untuk pengguna dengan pengguna, bukan pengguna dengan kerajaan ataupun kerajaan dengan pengguna. Adakah syarikat dengan semudahnya boleh tipu kerajaan, bila mana kerajaan sains, okey kerajaan terikat untuk 25 tahun atau 15 tahun. Jadi adakah perkara ini terpakai?

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan oleh sebab negara kita telah mengeluarkan satu alat yang boleh mengesan kandungan babi dalam makanan. Saya pohon agar pihak kerajaan membuat satu cadangan ataupun memurahkan harga barangan tersebut untuk meletakkan alat pengesanan halal di semua *supermarket* dan *hypermarket* di negara kita kerana sukar untuk kita sebagai orang biasa mengesan kandungan babi tersebut dalam makanan yang kita makan terutama untuk orang Islam.

Untuk sektor perkhidmatan, antara perlindungan pengguna yang saya rasa saya nampak sedikit ialah berkenaan dengan salun yang diletakkan nama sesetengah itu *unisex*, sesetengah itu *dwisex* dan sesetengah itu tidak ada apa-apa label.

Jadi bila kita masuk ke satu-satu salun yang katanya hanya untuk perempuan, kita masuk. Apabila masuk ke dalam, memanglah orang lelaki tidak boleh masuk, masalahnya tukang yang potong rambut itu pun tidak perempuan. Jadi saya hendak tanya dari segi pemantauan ini, ini kita hendak letakkan di bawah siapa? Dari segi pemantauan bila diletakkan kedai dia halal, kedai dia hanya untuk perempuan, macam mana pemantauan, dan adakah dengan semudahnya kita boleh letak dan tampil di kedai kita itu, kita ini kedai perempuan, kedai lelaki, kedai *unisex*. Bagaimana pemantauan? Adakah standard, kata tadi macam semalam kita ada standard Malaysia. Standard Malaysia untuk kita kata bila perkara ini halal, apa benda yang kita mesti patuhi di tempat dia jual barang sebagai contoh.

Saya juga ingin tanya kepada pihak kerajaan berkenaan dengan CTOS dan CCRIS bila mana disebut perlindungan pengguna, adakah dengan pindaan ini orang ramai sebagai pengguna boleh akses kepada CTOS dan CCRIS untuk mengetahui sekarang ini, CTOS dan CCRIS ini ia dapat akses saya rasa pihak bank. Jadi kadangkala kita dinafikan hak untuk dapat kad kredit, dinafikan hak untuk buat pinjaman. Kita tidak tahu tetapi dia kata CTOS. Jadi kita tidak dapat tengok dokumen CTOS, adakah dengan perlindungan pengguna pada hari ini, kita boleh akses kepada CTOS dan CCRIS.

Juga bila kita membeli tiket kapal terbang untuk AirAsia, MAS dan FireFly. Untuk MAS dan FireFly, dia kata kalau kita hendak insurans penerbangan 'klik' di sini. Kalau tak nak, *cancel*, untuk MAS saya cuba boleh, untuk AirAsia saya cuba juga boleh tetapi untuk FireFly bila saya klik tak nak, tidak bergerak. Saya kena klik 'terima' baru boleh. Jadi di sini sebagai pengguna saya dipaksa untuk mengambil insurans tambahan untuk penerbangan.

Saya ingin tanya dari segi penguasaan, pemantauan dan hak pengguna dalam membeli insurans tambahan untuk insurans penumpang ini, adakah pihak kerajaan buat pemerhatian sebab satu orang dia dapat kutip RM8, kita dah ada insurans-insurans lain. Kalau 800 orang, 8,000 orang, jadi perkara ini secara automatik diambil dengan hanya satu klik sahaja. Jadi hak kita sepatutnya apabila kita tidak klik, kita tidak payah bayarlah, bila kita klik kita bayar sebab kita dah ada insurans yang berasingan.

Begitu juga dengan bila disebut tentang tribunal, disebut tentang keahlian. Ada keahlian tribunal, ada keanggotaan dalam Jawatankuasa Pengiklanan, saya pohon pihak kerajaan bila mana menempatkan anggota Jawatankuasa Pengiklanan, anggota jawatankuasa untuk tribunal memastikan wujudnya ahli jawatankuasa perempuan.

Sekurang-kurangnya dua orang kerana dari segi isu eksploitasi wanita, isu kepenggunaan ini saya percaya orang perempuan lebih sensitif berbanding dengan orang lelaki. Jadi saya pohon untuk sektor ini tolong pastikan keanggotaan untuk Jawatankuasa Tribunal dan juga pengiklanan ini dimasukkan wakil daripada kaum wanita.

Saya juga mendapat kes sebelum ini, ada pelanggan yang beritahu dia beli barangan. Bila beli barang, barang tidak ikut spesifikasi, dia mengadu kepada pihak kerajaan, bila buat tindakan adu, dia tidak dapat apa-apa respons. Saya hendak tanya di sini, kalau pihak polis beri jaminan bahawa bila kita *report*, dalam masa tiga hari ataupun dua minggu kita boleh tanya untuk kes melibatkan perlindungan pengguna, di mana kita hendak mengadu, berapa lama piagam pelanggan yang dijanjikan oleh kerajaan bila mana lulusnya akta ini untuk pihak pengadu mendapat respons tentang kes yang dia laporkan. Jadi perkara ini minta diuar-uarkan supaya kita boleh tengok peningkatan dari segi aduan selepas ini.

Juga peranan, peranan akhbar sebagai contohnya, CAP yang berada di Pulau Pinang. Kalau kita baca akhbar CAP itu, rasa hendak makan mee pun tidak boleh Tuan Yang di-Pertua, semua barang kita rasa beracun. Jadi kalau perkara ini benar, kenapa dalam CAP sahaja ada. Setakat ini saya rasa tidak ada yang tidak benar. Kalau CAP ini benar-benar melaporkan tentang hak dan keracunan serta kebaikan untuk makanan yang dimakan oleh pengguna dan juga barang-barang lain. Saya minta pihak kerajaan kalau boleh wajibkan akhbar CAP ini untuk semua sekolah. Bagi kita makan perkara yang benar-benar sihat dan kita makan benda-benda yang benar-benar berguna dan berkhasiat untuk kita.

Begitu juga dengan saman ekor. Bila kerajaan buat saman ekor, kita kena bayar dekat - semalam kita ada dengan Menteri Pengangkutan. Dari segi pengguna, kita tidak ada pilihan, kita bukan diberi notis, kita bukan diberi rayuan, kita memang kena bayar. Jadi dari segi hak kita sebagai pengguna, rasanya telah pun dilanggar dalam konteks ini. Adakah ini juga termasuk hak kita di bawah Undang-undang Perlindungan Pengguna yang kita luluskan pada hari ini.

Dan juga pihak kerajaan ada membuat satu iklan melalui GLC bahawa pelajar-pelajar yang masuk universiti tahun satu ataupun tahun dua, dia boleh dapat *broadband*. Panggil semua universiti, semua pelajar pergi, bila pelajar pergi hendak ambil *broadband* rupanya yang ditawarkan ialah internet, bukan *broadband*. Saya dapat *report* ini daripada pelajar-pelajar universiti, mereka kata mengapa kerajaan tipu kami, saya

kata kenapa pula tipu? Dia kata dia janji *broadband*, bila kami masuk, daftar duduk semua, bukan *broadband* tetapi, *internet*. Jadi saya minta polisi yang jelas bila mana kerajaan ataupun pihak GLC ingin buat sebarang iklan mesti lalu dulu pada 'Kementerian Pengguna' agar tidak kita pula yang mungkir dalam sebarang keadaan, *mislead* kepada pengguna dari segi barang yang kita iklankan.

■ **1540**

Terakhir, saya juga ingin tanya kepada pihak kerajaan. Dari sudut *after sales service* perkhidmatan selepas barang dibeli adakah ianya termasuk juga dalam hak pengguna yang kita lindungi dalam kes ini dan sejauh mana kerajaan menjadikan perkara ini sebagai satu imej kepada barang ataupun produk yang kita buat kerana saya rasa *after sales service* ini merupakan tarikan kerana kalau kita tidak jaga perkara ini, inilah yang akan menyebabkan orang akan beli barang kita sekali sahaja sebagaimana kata Nabi Muhammad S.A.W. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] sesiapa yang menipu kami dia bukan sebahagian daripada kami, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

3.40 ptg.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menumpukan perbahasan saya terhadap aspek pengiklanan dan saya berjanji dengan diri saya dan dengan Tuan Yang di-Pertua saya akan bercakap dengan ringkas. Pada zahirnya iklan mungkin dianggap sebagai cara atau kaedah melakukan barang atau mempengaruhi pembeli atau pengguna. Akan tetapi yang sebenarnya apabila diteliti dengan lebih mendalam banyak aspek lain dalam kehidupan kita yang berhubung kait dengan iklannya. Akan tetapi dalam perbahasan pendek yang saya hendak lakukan ini, saya hanya menumpukan perbincangan saya kepada empat perkara berikut;

- (i) Merealisasikan perkongsian pintar melalui industri pengiklanan;
- (ii) industri pengiklanan dan bahasa kebangsaan;
- (iii) amalan pengiklanan oleh GLC; dan
- (iv) peluang pekerjaan bagi graduan bumiputera di bidang pemasaran, pengiklanan dan media *planning*.

Mengenai perkongsian pintar di dalam industri pengiklanan ini Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut barangkali sama-sama kita sedari saya difahamkan oleh seorang rakan yang terlibat secara profesional dalam bidang pengiklanan ini sebentar tadi, bahawa industri pengiklanan di negara kita ini *volumentya* jumlahnya setahun RM6

bilion. Daripada jumlah yang sedemikian hanya 10% yang dimiliki oleh syarikat-syarikat Melayu. Jadi ternyata berlaku ketidakseimbangan yang sangat menjolok dalam industri pengiklanan ini. Oleh kerana itu dalam RMKe-10, kerajaan berhasrat untuk melaksanakan perkongsian pintar antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Saya menyerulah supaya perkara ini diberi perhatian yang sungguh-sungguh bahawa banyak perkara dan bidang industri yang monopolistik sifatnya patut kita perkongsikan bersama dengan hasrat dan harapan menang-menang atau dengan izin *win-win*.

Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, dalam merealisasikan perkongsian pintar di dlm bidang perindustrian ini, saya cadangkan supaya dilakukan gabungan agensi pengiklanan Melayu ataupun pengiklanan bumiputera dengan agensi pengiklanan bukan bumiputera. Ini akan melibatkan tentunya pemindahan teknologi, melibatkan tentunya persefahaman, tetapi yang paling penting dalam hal ini ialah akan mewujudkan kerjasama dan rasa sebangsa atau senegara antara pihak-pihak yang terlibat dalam perkongsian ini. Untuk itu barangkali langkah ini boleh dimulakan dengan membuat kajian yang sungguh-sungguh ikhlas dan telus. Sejauh manakah perkongsian pintar atau sejauh manakah pembahagian atau proposi yang tepat yang diuruskan oleh syarikat bumiputera dan syarikat bukan bumiputera. Angka yang saya berikan tadi iaitu 10% adalah angka lebih kurang sahaja. Mungkin lebih mungkin kurang, bezanya memang sangat menjolok. Kemudian...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon menceleh Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Silakan.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato'. Saya memang setuju dengan ulasan Yang Berhormat dengan perkongsian pintar ini. Cuma saya ingin mengimbau kembali apa yang saya cakap semasa membahaskan RMKe-10. Sebenarnya Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat setuju untuk mengerakkannya sebenarnya kita kena rombak dengan izin apa yang dipanggil *the economic ecosystem* dalam negara ini. Kalau selagi kita tidak rombak, apa yang kita buat itu merupakan tempelan sahaja. Dia tidak akan berkesan dan kita akan terus gagal. Apa yang kita usahakan itu nanti berbalik-balik macam apa yang dikatakan macam Ali Baba. Mohon pandangan Yang Berhormat tentang itu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Akbar kerana memperkukuh hujah saya. Saya menganggap apa yang dikatakan oleh Datuk Akbar adalah butir-butir percakapan yang memperkukuh hujah saya. Terima kasih saya bersetuju sekali dengan apa yang Senator Akbar kemukakan itu.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah tentang bahasa kebangsaan dalam bidang pengiklanan. Saya sangat terkilan dan perkara ini pernah saya timbulkan dalam Dewan ini satu atau dua sidang yang lalu. Di mana iklan yang disiarkan dalam saluran bahasa Melayu dalam saluran berbahasa kebangsaan, ini iklan Petronas. Menggunakan empat bahasa. Seakan-akan kita secara halus ingin mengamalkan amalan *multilingualism* di negara ini. Yang menyedihkan lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa mesej pesanan yang hendak disampaikan dengan menggunakan empat bahasa itu adalah pesanan yang terlalu mudah, pesanan yang terlalu sederhana, tidak perlu menggunakan empat bahasa. Lagipun siapa yang tidak tahu bahasa Melayu di negara ini sekarang? Jadi kalau dengan sengaja menggunakan empat bahasa dalam saluran bahasa Melayu, saya rasa ini adalah satu perbuatan sabotaj yang halus untuk menjejaskan kewibawaan bahasa Melayu itu. Oleh itu saya berharap kepada Petronas supaya tarik balik iklan ini. Kalau hendak digunakan juga, kalau merasa perlu juga menggunakan pelbagai bahasa kenapa tidak gunakan dalam saluran-saluran dalam bahasa yang berlainan. Jangan digunakan dalam saluran bahasa Melayu empat bahasa itu. Ini saya pernah timbulkan dalam beberapa surat pembaca akhbar-akhbar tempatan.

Mengenai perkara bahasa juga saya juga ingin menarik perhatian tentang papan-papan iklan *billboards* yang sama ada mengabaikan bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan sama sekali atau menggunakan Bahasa Kebangsaan itu secara tidak ketara atau kurang *prominent* dengan izin atau menggunakan bahasa campur atau bahasa rojak yang saya rasa akan menjejaskan kewibawaan Bahasa Kebangsaan itu. Oleh kerana itu, saya tidak tahu siapa yang bertanggungjawab dalam hal ini sama ada khabarnya kerajaan tempatan. Saya tidak pasti. Akan tetapi inilah saya minta diberi perhatian supaya papan-papan iklan menggunakan bahasa Melayu yang betul dan bukan sahaja menggunakan bahasa Melayu yang betul tetapi menggunakan bahasa Melayu secara *prominent* dengan izin. Untuk itu juga saya mencadangkan mengenai bahasa ini....

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Saya ingin menyentuh berhubung dengan perkara yang disebutkan tadi papan iklan. Kebetulan saya selalu melihat, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat. Berhubung dengan papan iklan di Setapak. Kita lihat papan iklan tempat membaiki kereta, *repair* kereta dengan izin. Dia tulis situ 'Dr.

Cermin' [Ketawa] Jadi apa pandangan Yang Berhormat kerana doktor sebenarnya sepatutnya bukan Doktor Cermin kerana dia *repair* cermin kereta. Sepatutnya 'Pakar Cermin' barangkali bukan Doktor Cermin. Akan tetapi dia tulis situ Doktor Cermin. Barangkali kalau cermin mata itu bolehlah Doktor Cermin. Kereta mana pula Doktor Cermin. Jadi apa pandangan Yang Berhormat? [Ketawa]

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Perkataan doktor di sana lebih sesuai doktor yang mendatangkan penyakit. Memang penggunaan istilah itu mendatangkan penyakit kepada Bahasa Kebangsaan.

■1550

Ini adalah di antara contoh-contoh saya berterima kasih Yang Berhormat Tan Sri atas contoh Yang Berhormat Tan Sri berikan itu. Contoh-contoh penggunaan bahasa Melayu yang tidak betul pada papan-papan iklan di negara kita ini, yang saya rasa perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Selain dari itu juga mengenai perkara bahasa kebangsaan ini Tuan Yang di-Pertua. Saya mencadangkan supaya iklan-iklan terutama iklan-iklan oleh GLC mengutamakan media-media berbahasa kebangsaan, sama ada media elektronik ataupun media cetak. Bukan sahaja ini sebagai satu penghargaan terhadap bahasa kebangsaan kita tetapi suatu pengakuan dan pengiktirafan bahawa bahasa kebangsaan itu diketahui oleh semua orang, diketahui oleh orang Melayu, orang bukan Melayu dan sesiapa sahaja asal sahaja mereka warganegara di negara kita ini.

Jadi tidak ada alasan untuk mengabaikan penggunaan bahasa kebangsaan. Oleh kerana itulah saya mencadangkan supaya iklan-iklan ini menggunakan bahasa kebangsaan sewajarnya. Kemudian perkara berikutnya yang hendak saya timbulkan ialah tentang keperluan memberi peluang. Saya sudah sebut tadi itu, tentang memberi peluang kepada graduan-graduan IPT Melayu untuk diterima bekerja dalam syarikat agensi pengiklanan, yang pada masa ini 90% dikuasai atau dikontrol oleh bukan Melayu. Ini sebagai satu dengan izin *good gesture*, sebagai petanda yang kita betul-betul mendukung semangat 1Malaysia itu.

Kemudian mengenai GLC Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu daripada punca syarikat - sektor pengiklanan, bahawa sekurang-kurangnya dua diberi contoh kepada saya tadi, Petronas dan Telekom menggunakan agensi antarabangsa, agensi iklan antarabangsa untuk menguruskan pengiklanannya. Akibatnya yang akan berlaku ialah pemilihan media yang hendak menyiarkan iklan itu. Kedua, barangkali juga sensitiviti kebangsaan kita yang barangkali akan diabaikan.

Oleh kerana itu wajar benarlah supaya GLC memberi peluang kepada agensi-agensi pengiklanan bumiputera untuk menguruskan urusan agensi mereka. Ini kerana kita jangan lupa bahawa walaupun hendak di *target* dalam media-media yang berbahasa Melayu ini pun. Kalaupun kita tolak yang bukan Melayu, orang Melayu sendiri pun mempunyai kuasa beli yang cukup banyak, yang cukup besar. Jadi oleh kerana itu tidak ada sebab kenapa media-media berbahasa Melayu diabaikan dalam menyalurkan iklan-iklan oleh syarikat-syarikat terutama oleh syarikat GLC sendiri. Saya rasa...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Sekarang ini siapa kita hendak persalahkan. Syarikat GLC ini, saya tengok CEO dia kebanyakan orangnya adalah orang Melayu belaka. Maka orang Melayu yang ada dalam GLC ini adalah orang Melayu yang tidak sedar diri sebab mereka tidak sedar. Sepatutnya mereka tahu bahawa di dalam Malaysia sendiri ada syarikat-syarikat yang boleh mengiklankan iklan yang mereka kehendaki.

Jadi inilah, di dalam GLC sekarang ini Tuan Yang di-Pertua kita bercakap, mereka ini kebanyakan melakukan perkara-perkara yang menyeleweng dan ini yang kita bercakap sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kita hendak salahkan siapa? Semua yang ada itu, kebanyakan CEO dia semua itu orang-orang Melayu belaka. Terima kasih, apa pandangan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Perkara Yang Berhormat kemukakan tadi sebenarnya kira-kira 10 tahun yang lalu seorang cendekiawan ulung bangsa Melayu yang kebetulan adalah orang PKR, Allahyarham Rustam A. Sani menulis perkara yang sedemikian. Bagaimana kelas menengah dan kelas atasan Melayu sebagai penghalang, antara mereka yang menghalang penyebaran dan peningkatan pemodenan bahasa Melayu. *Insyah-Allah* kalau dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya akan sentuh dalam ucapan penangguhan saya pada hari Selasa, mudah-mudahan.

Telah disentuh 10 tahun yang lalu dan apa Yang Berhormat sebutkan itu adalah sangatlah benar. Siapa hendak disalahkan, barangkali menyalahkan diri sendiri tetapi itulah hakikatnya. Jadi saya rasa untuk memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain. Saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Syed.

3.55 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akta ini adalah Akta Perlindungan Pengguna. Kita memang sesuai sekali mempunyai undang-undang akta yang melindungi hak pengguna tetapi ada satu aspek yang lain saya rasa yang perlu difikirkan juga, yang perlu dilaksanakan.

Pertamanya ialah untuk menimbulkan kesedaran di kalangan rakyat terutama sekali anak-anak muda, tentang betapa perlunya kita menjaga kepentingan kita sebagai pengguna. Ertinya mesti timbul kesedaran tentang kepenggunaan dan dari segi ini saya rasa pihak kerajaan perlu melaburkan wang dan tenaga seberapa yang dapat. Sama ada secara langsung ataupun melalui NGO untuk menaikkan taraf kesedaran kepenggunaan terhadap umum, terutama sekali orang muda dan pelajar-pelajar.

Ini adalah penting kerana walaupun ada undang-undang-undang, kadangkala pelaksanaannya tidak dapat dikuatkuasakan dengan baik. Bahkan tidak ada kawalan sepenuhnya di kalangan institusi negara ini sendiri untuk mengawal berkembang luasnya amalan-amalan yang bertentangan dengan kebaikan pengguna-pengguna.

Saya beri beberapa contoh. Pertama sekali ialah pengawalan tentang makanan yang diimport. Kita tahu bahawa banyak makanan yang diimport ini sama ada daripada China, Bangladesh ataupun India, kita tidak ketahui mutunya dan tidak dapat dikawal mutunya. Dari Thailand misalnya terdapat bermacam-macam jenis jeruk yang kita tidak tahu apakah isi kandungan air jeruk itu dan dari China kita tahu misalnya telah disebutkan tadi tentang permainan-permainan kanak-kanak. Dari India daging kerbau dikatakan daging lembu dan dari Bangladesh misalnya ada juga persoalan tentang apakah mutu daging-daging yang diimport itu.

Bahkan sekarang ini pengimportan ikan pun menjadi masalah kerana kita kekurangan ikan dan ada ikan yang dibawa dari luar. Ada ikan yang direndam dalam *chemical* tertentu untuk menunjukkan bahawa ikan itu adalah segar tetapi kandungannya adalah buruk terhadap pengguna.

Satu lagi ialah tentang pengawalan makanan untuk kanak-kanak sekolah. Kita dapati bahawa *junk food* dengan izin, dijual dengan meluas dalam sekolah sendiri. Di dalam kantin sekolah dan ada sekolah yang tidak membenarkannya tetapi *junk food* itu meluas dijual di luar pagar sekolah dan tidak ada pengawalan seumpama ini.

Bukan sahaja makanan yang terlibat dalam soal pengawalan ini tetapi juga misalnya kemudahan-kemudahan seperti rumah. Pengiklanan rumah misalnya

semuanya nampak baik tetapi terutama sekali rumah-rumah kos rendah, kita dapati sebelum didiami pun sudah mula retak-retak atau bocor-bocor. Jadi kepentingan pengguna di situ tidak dilindungi. Bahkan dari segi pendidikan pun kita dapati ada amalan-amalan yang kurang baik kerana kita dapati satu, misalnya ada kolej yang mengiklankan mereka memberikan kursus-kursus tertentu tetapi tidak memberikan kursus tersebut.

Bahkan melalui misalannya internet, sekarang ini banyak sekali iklan-iklan tentang kemungkinan mendapat ijazah pertama ataupun ijazah kedua bahkan sehingga PhD pun boleh diperolehi dalam masa yang singkat. Ini telah digunakan oleh... Saya tahu beberapa orang yang sekarang ini menjadi doktor dan sebagainya tanpa sebenarnya melalui kursus-kursus tersebut. Jadi saya rasa bukan sahaja soal kesedaran ditimbulkan bahkan pengawasan perlu dilakukan.

■1600

Bahagian kedua komen saya ialah mengenai perkara-perkara yang khusus berkaitan dengan akta ini. Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua di muka 4 iaitu fasal 24A(c) "terma tidak adil", ertinya terma dalam kontrak pengguna, dengan mengambil kira semua hal keadaan, menyebabkan ketidakseimbangan yang *significant* dalam hak dan tanggungjawab pihak-pihak di bawah kontrak itu sehingga merugikan pengguna. Saya rasa ini adalah satu fasal yang baik dan ia lebih baik kalau misalannya terma ini, terma tidak adil ini. Seperti juga perkataan "pengguna dapat dimasukkan ke dalam Akta Interpretasi". Sungguhpun fasal ini baik, saya rasa lebih baik lagi kalau ia dapat dimasukkan Akta 388 iaitu Akta Interpretasi. Ini kerana, ini boleh membantu untuk menyelaraskan terutama sekali undang-undang.

Perkara yang kedua ialah mengenai fasal 24J. Fasal 24J menyatakan bahawa, "Menteri boleh membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat olehnya berkenaan dengan Bahagian ini." Saya rasa akta ini memberikan kuasa yang terlalu luas kepada Menteri. Dia tidak memberikan misalnya apakah dia batasan-batasan kuasa itu. Ada baiknya jikalau ditafsirkan tentang batasan tersebut. Ini kerana kalau tidak dibataskan yang menjadi masalah ialah ia boleh ditafsirkan ataupun disalah anggap sebagai sesuatu yang boleh memberi kuasa yang boleh menimbulkan sangkaan kurang baik terutama sekali di kalangan pelabur luar, pelabur asing.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Ini ialah kerana banyak kontrak dilakukan terutama sekali soal pengiklanan dan soal pengeluaran ataupun penjualan barang-barang. Sekiranya Menteri mempunyai

kuasa yang tidak terbatas, maka ia boleh menjejaskan kontrak itu. Kalau misalnya kontrak dapat dijejaskan oleh kerana kuasa Menteri yang tidak terbatas tentulah ia akan menimbulkan salah anggapan daripada pelabur luar. Kita memerlukan seperti yang disebutkan pelaburan asing yang lebih banyak kerana keadaannya sangat merosot sekarang ini.

Fasal yang ketiga ialah mengenai jawatankuasa pengiklanan. Saya setuju dengan hal-hal yang disebut tentang pengiklanan oleh kawan-kawan sebelum ini. Akan tetapi saya ingin menyentuh tentang pelantikan jawatankuasa pengiklanan ini. Disebutkan di sini bahawa jawatankuasa ini dilantik oleh Menteri. Selain daripada itu daripada setiausaha kementerian yang bertanggungjawab tidak kurang daripada tujuh orang boleh dilantik oleh Menteri. Disebutkan di sini bahawa mereka yang dipilih itu ialah yang mewakili kepentingan pengguna dan mana-mana orang lain sebagaimana yang difikirkan layak oleh Menteri.

Sekali lagi saya nampak kuasa Menteri adalah luas di sini dan tidak tahu sama ada perlu atau tidak begitu luas. Mungkin boleh dipinda ini dengan mengatakan yang difikirkan layak oleh umum ataupun yang difikirkan layak *full stop*, tidak payah misalnya Menteri. Jadi ertinya ia boleh menghilangkan misalannya salah sangka tentang kemungkinan misalnya berlakunya *cronyism* dan sebagainya. Satu lagi ialah tentang pemilihan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pengiklanan ini. Kita dapati sekali lagi kuasanya adalah ditentukan di tangan Menteri. Saya ingin mengesyorkan supaya daripada Menteri menentukan siapakah Pengerusi dan Timbalan itu lebih baik bila jawatankuasa sudah dipilih biarlah antara ahli-ahli jawatankuasa itu yang menentukan siapa di antara mereka yang sesuai untuk menjadi Pengerusi dan Timbalan. Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Datuk Akbar bin Ali.

6.05 ptg.

Datuk Akbar bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan kerana melaksanakan satu prakarsa bagi memperbaiki kehidupan rakyat Malaysia khususnya dan penduduk Malaysia umumnya. Dengan usaha untuk melindungi kita sebagai pengguna. Dalam membicarakan pindaan ini Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh dua perkara secara besar. Satu umum dan yang keduanya secara spesifik kepada pindaan akta ini. Tadi saya sudah katakan saya menghargai usaha yang dibuat ini. Saya tidak juga terlepas pandang bahawa ini bukan

stand alone usaha. Ia adalah satu rangkaian usaha kerajaan untuk melindungi pengguna. Ada akta-akta lain juga disediakan untuk melindungi kita.

Namun demikian atas semangat untuk melindungi pengguna dan di sini rakyat dan penduduk. Seharusnya kementerian melihat isu yang lebih besar lagi yang mana lebih ramai lagi boleh dilindungi dengan memberikan salah satu contoh harga yang lebih baik kepada rakyat. Satu perkara yang hendak saya tekankan di sini ialah dasar monopoli yang dilaksanakan dan dasar skim subsidi yang diamalkan sekarang. Saya hendak ambil contoh dan sekiranya saya tidak dapat bercakap dengan lebih lengkap dan disokong dengan beberapa statistik. Boleh lihat laman blog saya sekurang-kurangnya ada tiga artikel berkenaan dengan subsidi yang saya tulis tahun lepas bulan September, bulan Januari tahun ini dan selepas itu ribut-ribut tentang subsidi dan *bankruptcy*.

Mungkin saya ambil hanya satu. Contoh daripada ini iaitu subsidi gula. "*Is the minister defending businesses?*" Itu *title* dialah. Jadi di sini sebelum saya pergi lebih lanjut Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kedua-dua Timbalan Menteri yang manis di sana itu. Tolong hapuskan persepsi bahawa sesungguhnya kementerian yang ada pakatan pengguna ini sebenarnya timbul persepsi di kalangan rakyat. Kementerian tidak begitu memberi perhatian kepada pengguna tetapi lebih cuba melindungi *big business*. Ini yang mana itu sepatutnya tanggungjawab MITI yang lebih sesuai. Apa yang hendak saya tarik perhatian dua perkara. Tadi saya kata, "monopoli dan skim subsidi".

Saban tahun apabila perayaan hendak sampai akan ada masalah awal barang disorok atau barang tidak cukup bekalan terutama gula, tepung, daging ayam dan sebagainya. Maka cubalah diatasi usaha ini macam saya kata malam tadi dengan kerenah penguatkuasaan. Sedangkan masalah itu masalah pokok bukan masalah penguatkuasaan. Dia adalah masalah dasar. Ini kerana kita memberikan monopoli gula, tepung dan beberapa item lagi. Maka pemegang monopoli inilah yang menentukan harga, menentukan bekalan berapa banyak hendak dijual harganya, tahap harganya dan berapa banyak yang hendak disalurkan ke pasaran dan sebagainya. Maka mereka sudah tentu mengambil kesempatan dan kesempatan itu biasa kita kata, "menangguk di air yang keruh" ialah bila datang masa perayaan. Kerajaan setiap tahun, setiap kali perayaan akan dengan izin, di*blackmail*.

Maka, untuk menjaga kepentingan rakyat yang dikatakan pengguna ini, kerajaan terpaksa ikut karenah monopoli ini dan bersetuju menaikkan harga seperti yang berlaku beberapa kali sebelum ini.

Kenapa kita tidak pecahkan monopoli ini, kartel ini? Kita buka ruang dan sudah tentu akan ada *repartition* daripada pemegang monopoli. Ini kita sedar tetapi usaha yang berhemah tetapi berkesan hendaklah dibuat. Contohnya, macam pada satu masa kita kekurangan daging ayam, apabila dibenarkan mengimport daging ayam, boleh pula harga daging ayam *local* jatuh, sebab sudah ada *competition*.

Jadi di sinilah kerajaan hendaklah lebih serius dan tanggungjawab ini dipikulkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ini untuk memastikan bahawa masalah yang sering berlaku setiap tahun ini dapat diatasi dengan mengubah dasar dan bukannya menyalahkan "*Oh, penguat kuasa tidak cukup orang*" dan kita kata mungkin ada rasuah dan sebagainya. Sebenarnya masalah pokok ialah masalah pokok dasar. *Enforcement* adalah orang kata di muara dan bukannya di hulu sungai.

Seterusnya saya hendak pergi kepada subsidi sebab subsidi ini juga kita hendak lihat. Di sini saya ingin memberikan statistik betul-betul supaya kita timbul kesedaran bahawa sebenarnya *who is the ministry is taking care of? Is the ministry depending the consumer or the ministry is depending the big businesses* dengan izin? Saya ambil contoh, Yang Berhormat. Pada tahun 2009, jumlah gula diimport campur dengan *local production*, tolak eksport, ada lebih kurang 2.4 bilion kilogram dan subsidi pada harga RM0.80 sen pada hari itu, secara matematik kira-kira 2.3 bilion.

Sedangkan, orang miskin yang selalu kita kata "*Oh, kita kekalkan subsidi atas nama rakyat.*" *Which rakyat?* Kita ada 20% di atas, kita ada 40% di tengah dan kita ada 40% di bawah dan yang terbawah miskin itu, 3.8% berjumlah 228,000 *household*. Kalau yang termiskin, ada 42,000 *household*. Kita gunakan tanpa malu nama rakyat khususnya nama rakyat miskin tetapi sebenarnya kita hendak membantu orang yang lebih kaya. Orang yang miskin menjadi bahan untuk digunakan. Kalau macam kata demonstrasi di sesetengah negara, kanak-kanak dan perempuan yang diletakkan di depan, askar yang gemuk-gemuk duduk di belakang. Jadi kita mahu ubah persepsi ini demi kebaikan kerajaan, kerana yang hendak menentukan kerajaan terus berkuasa ialah rakyat.

Apa kata *Household Expenditure Survey (HES)* yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan? Dari segi *consumption household* atau isi rumah, seluruh isi rumah di

Malaysia pada tahun 2007 dia *consume 2.7 million kilogram*. No, no, itu yang miskin. *Total household consumption* ialah 72.1 *million kilogram* dan ini bersamaan 2.6%. 72.1 *million kilogram* itu berbanding dengan 2.4 bilion kilogram ialah 2.6 kilogram sahaja. Bermakna, *household consumption* tidak sampai 3%. 97% siapa *consume*? Siapa *consume*? *Big businesses*. Yang mengeluarkan botol *drinks*, yang membuat coklat, yang membuat *bakery, confectionary* dan sebagainya.

Jadi daripada RM2.3 bilion subsidi itu, 97% pergi kepada *big businesses*. Kepada *household*, hanya 2.6%. Bermakna, kita tidak melindungi pengguna. Ini *very clear*. Jadi sekarang, sebenarnya siapa yang kita hendak lindungi? Saya tanya berkali-kali. Ini kerana, daripada RM2.3 bilion tadi, akhirnya 97% pergi kepada *non household* iaitu *factory* dan sebagainya dan dari segi wangnya, RM2.24 bilion subsidi pergi kepada mereka. Kepada *household consumption* hanyalah RM2.2 *million*.

Kalau total *household* kita *subsidize* pun – bukan orang miskin sahaja tetapi semua isi rumah termasuk yang kaya, kalau diberikan subsidi, tidak sampai RM60 juta. Ini bermakna kalau kita ubah skim subsidi, pergi kepada *consumption level* dan bukan *production level* yang sering saya cakapkan, kerajaan hanya belanja tidak sampai RM60 juta, berbanding RM2.3 bilion pada tahun 2009.

Ini soal dasar yang saya fikir patut diubah supaya betul-betul sebenarnya kita menjaga pengguna. Terima kasih, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *appreciate this problem*. Ini yang saya kata. Dia *appreciate this problem* dan ini cuba diusahakan dan maka adalah *lab* yang dibuka untuk melihat isu ini. Mengenai *lab* ini pun satu juga. Izinkan saya sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai *lab* ini, tolong betulkan imej kerajaan sebab banyak komen terutama dalam media sosial bahawa – sebab sepatutnya kita lebih patut menggunakan *local research university* yang sudah diangkat tarafnya sebagai *research university* mengepalai *lab* ini. Sepertimana Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir yang pada masa itu Yang Amat Berhormat, sanggup dan bersedia dengan rela hati menggunakan pakar jantung di IJN untuk membedah jantung beliau. Yang demikian, nama IJN naik dan menimbulkan keyakinan rakyat dan negara asing bahawa *local hospital* mampu dan berjaya membuat pembedahan jantung.

Kalau pembesar-pembesar negara asyik lari ke luar negara untuk mengubat luka-luka kecil pun, maka dia akan hilang keyakinan terhadap kepakaran tempatan. Jadi apabila *research university* ini diberikan kepercayaan dan keyakinan untuk mengendalikan *lab-lab* seperti ini dan apabila berjaya, maka mereka boleh menjual dan

eksport kepakaran ini ke luar negara. Maka, harumlah nama negara, harumlah nama *research university* ini dan pada masa yang sama mendapat *remittent* wang hasil daripada kepakaran yang dijual itu.

Jadi kita haraplah dikurangkan penggunaan kepakaran luar kerana kepakaran tempatan ada. Lebih-lebih lagi, saya difahamkan oleh pegawai-pegawai kerajaan kecuali kalau maklumat ini tidak lengkap ataupun tidak tepat, bahawa konsultan yang dipilih ini macam lebih kurang peranannya sebagai koordinator dan *integrator* sahaja. Mereka *tab the ideas*, pengalaman, kepandaian, kebijaksanaan orang-orang kita dan dia hanya *integrate* dan *coordinate* dan *polish* balik semula idea itu untuk dijadikan laporan dan kita bayar – khabarnya RM6 *million* hingga RM7 *million* untuk satu *lab*. Kalau dekat 20 *lab*, sudah RM120 juta.

■1620

Khabarnya hampir RM133 juta kerana bilangan *lab* itu lebih daripada 20 tapi kalau RM7 *million* kali 19 *lab*, RM133 *million*. Jadi ini akan menyebabkan pembaziran wang ke luar negara. Kita haraplah hasil *consciousness*, dengan izin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kemampuan beliau, kebolehan beliau *appreciating this problem*, maka isu subsidi ini yang lebih banyak menguntungkan *big businesses* bukan orang miskin khususnya akan dapat diubah pada tempoh yang terdekat ini.

Saya ingin membetulkan kalau timbul salah faham malam tadi bila saya menyarankan supaya diubah *paradigm* ini, saya sama sekali tidak kata mesti diubah segera. Dia mesti diubah berperingkat-peringkat supaya ia tidak memberi kejutan kepada ekonomi kita dan yang lebih penting lagi kalau hendak diberi kepada orang miskin *even the 40%, bottom 40%*, kita harus ada *database* yang komprehensif, yang tuntas, yang kemas dan terkini supaya kita nak mengelakkan orang yang patut dapat, tak dapat dan tak patut dapat, boleh dapat.

Seperti mana yang saya zahirkan kebimbangan apabila Dato' Seri Noh Omar mengatakan bahawa senarai barunya sudah meningkat daripada 228,000 kepada 500,000. Dua kali ganda daripada kadar kemiskinan rasmi, ini kita kena lihat semula. Bukan sekali dua, berpuluh kali kerana akan mengundang masalah lain pula. Jadi e-Kasih itu yang *custodiannya* ICU perlulah berhati-hati mengemas kini kerana paksi kejayaan memberikan subsidi *at the consumption level* kalau bagi kumpulan miskin ialah *database* yang komprehensif, terkini dan tepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada fasal 5, fasal 6 dan fasal 7. Berhubung dengan perkara 24D(1)(d), antara lain ada disebutkan tentang terma-terma yang tidak adil iaitu dalam (d) ini tadi.

Saya ingin menarik perhatian, peruntukan ini ada cuma bagaimana agaknya ia akan dilaksanakan kerana terlalu banyak kontrak, terlalu banyak iklan dan sebagainya. Salah satu contoh, ini ada sedikit kaitan dengan sayalah. Iklan syarikat tentang *hair treatment*, nak menguruskan rambut. Itu pasal ada kaitan itu.

Seorang Ahli: Meluruskan rambut.

Datuk Akbar bin Ali: Melurus? Ini bukan nak meluruskannya, nak membanyakkan lagi ini. Kalau tidak kita akan ada persatuan-persatuan yang dianggotai oleh macam kata Tan Sri Sanusi Junid, Dato' Seri Hamid Albar. Ini mungkin ada persatuan-persatuan dan lama-lama saya pun akan jadi ahli biasa lepas itu jadi setiausaha agaknya. Apa yang nak saya tekankan di mana berdasarkan 24D(1)(d) ini memang jelas ianya tidak adil kerana setelah kita bayar berpuluh ribu, *clause* mengatakan tidak ada tindakan boleh diambil sekiranya *hair treatment* ini tidak berjaya. Ini cukup tidak adil. Jadi, kelulusan akta ini memang dialu-alukan dan cuma kita harap bagaimana agaknya pelaksanaan esok kerana banyak kontrak seperti ini.

Lepas itu saya ingin menarik kepada fasal 7. 84A(a) berkenaan dengan iklan dan saya memang setuju apa yang dikatakan oleh Profesor Dato' Dr. Firdaus tadi cuma saya nak menarik perhatian sedikit tentang iklan tadi. Menyokong apa beliau kata dan saya nak tambah daripada segi memperkasa jati diri. Nasib baik sebelum saya ditegur, saya kena bercakap melihat Yang di-Pertua, bukan begitu?

Timbalan Yang di-Pertua: Betul, betul.

Datuk Akbar bin Ali: Jadi sekali-sekala kena tengok sana tapi banyak kali kena tengok sini.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, silakan. Hari ini saya tak tegur, cakap saja.

Datuk Akbar bin Ali: Cakap saja? Okey. Tadi daripada segi bahasa dan disebut tadi empat bahasa tetapi bagi iklan yang sama Petronas, bukan saya nak memperkecilkan Petronas tetapi sebenarnya Petronas juga sudah membuat perubahan setelah mendapat teguran dan salah satu teguran itu datang juga daripada saya. Daripada saya, Petronas terima atau tak terima bukan urusan saya. Saya nak katakan macam surat, sudah dihantar, soal dihantar terima soal lain. Jadi apa yang nak saya katakan iklan berkenaan RON95 yang pagi tadi Datuk Rohani ada cerita macam-macam tadi itu, plumbum, oktana dan sebagainya. Apa macam nak sebut pun tak tahu dan dia

pun senyum, Tan Sri Yang di-Pertua pun senyum, kami pun senyum. Senyum kerana mungkin sama-sama tak berapa faham. Baca sahajalah.

Apa yang saya nak menarik perhatian, di peringkat awal iklan RON95, bahasa pertama yang diucapkan oleh pelakon iklan itu bukan Bahasa Malaysia. Sekarang Bahasa Malaysia, itu perubahan. Di sini saya nak tarik perhatian bahawa nanti di bawah 84A ini, di mana dikatakan fungsinya ialah untuk menasihati menteri dalam mana-mana aspek, mana-mana, *anything goes* berhubung dengan pengiklannya. Jadi tolong juga bukan sahaja beri perhatian kepada bahasa tetapi bagi jati diri bangsa kerana iklan ini cukup *powerful* dalam membina jati diri. Apabila bukan Bahasa Melayu yang dinaikkan taraf mengikut perkara 152, Perlembagaan Persekutuan, Akta Kebangsaan 1968, apabila ini tidak dilaksanakan, maka kita menodai, memperkosai perkara 152 dan Akta Kebangsaan 1968.

Sekarang ini pada saya satu dosa besar, satu kesilapan besar kerana tidak menghormati Perlembagaan Malaysia khususnya 152. Bermakna kita tidak menghayati, kita tidak *internalize* semangat 152 dan ini adalah GLC. Ini bukan syarikat swasta, bukan milik Dr. Yau. Bukan Datuk? Kalau dia, kita boleh salahkan dia. Ini Petronas. Namun demikian Petronas sudah ubah. Kita ucap tahniah kerana perubahan itu. Begitu juga kalau kita lihat, ini dalam usaha membina diri. Jadi orang yang buat iklan satu hal tetapi yang meluluskan iklan itu ditayangkan satu hal lain terutama oleh RTM, TV3. Contoh, daripada segi jati diri ini tadi, daripada segi memartabatkan bangsa, memperkasa bahasa. Memperkasa bangsa bukan memperkosa bangsa.

Di mana maruah nak diletakkan? Di mana muka nak disorokkan apabila iklan GLC Perodua tiga empat tahun raya dulu ditunjukkan sebuah Perodua yang kecil, seorang orang tua Melayu yang tidak sabar. Seorang orang Melayu dah tua pula itu tak sabar kemudian kita banding satu iklan Chinese New Year, satu anak Cina yang asalnya tidak pandai menghormati ibunya kemudian di akhir iklan menunjukkan betapa tinggi budi bahasa anak Cina ini dan dia disambut dengan Rolls Royce. Rolls Royce, yang tadi Perodua sahaja. Itu tahap kemiskinan, tahap kemampuan, ini Rolls Royce. Ini semua mempunyai implikasi yang besar.

Betul, dua iklan ini dibuat oleh dua tauke yang berlainan, dua *director* yang berlainan, dua syarikat yang berlainan tetapi orang yang bertanggungjawab meluluskan iklan itu, yang bertanggungjawab membenarkan iklan itu disiarkan apa buat?

Dia mesti melihat ini semua. Ini kerana dia sendiri mungkin tidak faham tanggungjawab ini. Tanggungjawab ini, 84A ini besar, luas. Dia mesti ada semangat kebangsaan sebagai jati diri, memperkasa bangsa, satu bangsa. Kita bukan semestinya mengagungkan orang Melayu sahaja, merendahkan India dan Cina, tidak. Kita mesti mengangkat semua bangsa. Kalau kita lihat filem hindustan, kalau pegang dengan Pakistan antara India dengan Pakistan tidak pernah India kalah.

Pakistan sahaja yang kalah. Kita tengok *combat*, filem American tidak pernah orang Jerman menang. Tidak pernah orang Amerika kalah. Itu semua *part of psywar*. Sudah kita kata mesti kalah Amerika ini. *Somehow* akhirnya boleh menang. Adakah kita mempunyai semangat seperti itu. Jadi ini semua adalah *tools*. Alat-alat propaganda, kalau hendak kata propaganda akan tetapi boleh dikatakan secara positif alat untuk membina bangsa. Membina jati diri kita. Mengangkat maruah dan martabat kita.

Jadi saya haraplah mereka yang dilantik nanti insaf dan sedar tentang perkara ini bukan sahaja saya sering katakan komitmen tidak cukup, minat tidak cukup, *enthusiasm* tidak cukup. Mesti ada *patient for it*. Macam saya selalu kata macam Shah Jehan. *Passionately in love* dengan Mumtaz Mahal. Maka dibinalah sebuah Taj Mahal yang besar, yang cantik, yang menjadi salah satu daripada tujuh *wonder of the world*. Itulah keagungan cinta orang lelaki. Kadang-kadang di *condemn*.

Akan tetapi setinggi-tinggi, sebesar-besar cinta perempuan kita belum dapat jumpa sebesar busut Taj Mahal *equivalent [Tepuk]*. Namun begitu jangan melenting dahulu. Ibu saya adalah perempuan. Isteri saya adalah perempuan. Anak saya juga ada yang perempuan. Jadi saya mesti hormat orang perempuan kerana saya insaf syurga di bawah tapak kaki ibu. Akan tetapi syurga juga di bawah tapak kaki suami. Maka adillah agama Islam itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong apa yang dikatakan sedikit tadi disentuh oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali. Cuma saya ingin panjangkan lagi iaitu apa peranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ini dari segi memperkasa pengguna. Saya sedar banyak usaha telah dibuat untuk menimbulkan keinsafan. Akan tetapi *net resultnya* sekarang dengan izin, perlu diakui bahawa masih rendah lagi tahap kesedaran di kalangan pengguna. Saya hendak tahu setakat ini apakah kejayaan kementerian berdasarkan indeks kuantitatif, indeks kualitatif bukan cerita '*sebermula maka tersebutlah sebuah kisah, alkisah*'. Kita tidak minat cerita sastera macam itu.

Menggunakan indeks tertentu yang bersifat kuantitatif dan kualitatif. Biarlah kita berkongsi bersama kejayaan kementerian dalam memperkasa pengguna, meningkatkan kesedaran dan memantapkan pengetahuan pengguna, *disservice* dengan izin, semua aspek kepenggunaan dan perniagaan. Oleh kerana kita akan bergerak ke arah negara maju, Wawasan 2020 pada tahun 2020. Bermakna sekarang kementerian ini mestilah melakukan sesuatu di luar kotak yang *aloe blue air ocean strategy*, kerana apa yang dibuat sekarang saya rasa tahap kesedaran masih rendah. Supaya kita pengguna apabila negara dikatakan maju pada 2020 nanti berdasarkan *per capita income*, *GDP per capita income*.

Kadang-kadang kita sudah *move*, akan bergerak kepada *high income economy*. Maka pada masa yang sama para pengguna di negara ini juga sama tahap pemikirannya, sama tahap kesedarannya seperti pengguna di negara maju. Maka selarilah kita, selangkah dan sederap dari segi aspek ekonomi dan juga dari segi aspek kepenggunaan. Kita sama seperti penduduk di negara maju. Saya ingin tahu kerana tidak nampak lagi, tidak dengar lagi apa yang hendak dibuat oleh kementerian ini dari segi memperkasa pengguna di negara ini. Memperkasa badan-badan pengguna, *this consumer association* supaya mereka sama macam rakan-rakan di negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, dari aspek memperkasa pengguna ini dan juga pertubuhan-pertubuhan pengguna, tolong berkongsi dengan kami untuk menghapuskan persepsi negatif terhadap kementerian bahawa kementerian ini kononnya dan saya harap ia tidak benar tidak begitu serius dalam memperkasa pengguna kerana ia akan berkonflik dengan kepentingan *big businesses*. Jadi saya fikir itu semua tidak benar. Persepsi itu tidak betul.

Akan tetapi tolonglah betulkan persepsi itu di sini. Dengan memberikan bukti-bukti bahawa banyak telah dibuat oleh kerajaan. Malangnya orang macam saya dan masyarakat yang lain mungkin masih tidak tahu. Jadi kita hendak kongsi di sini kejayaan-kejayaan yang diusahakan ke arah itu. Apakah – bukan sahaja inputnya dari segi *the question*, bukan sahaja outputnya *on the other side of the question* akan tetapi saya mahu tahu apakah *the outcome and the impact* atas hasil segala usaha ini.

Menjelang 2020 tolong beritahu apakah *route map*nya untuk memperkasakan pengguna macam saya kata tadi supaya kami semua setaraf dengan pengguna di negara maju sama ada di Amerika Syarikat atau di kalangan 31 negara OECD. Saya rasa itulah yang hendak saya ulas...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat minta laluan sedikit.

Datuk Akbar bin Ali: Ya.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Boleh Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Boleh, boleh.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Yang Berhormat tentang pengguna ini Yang Berhormat, kadang-kadang pengguna ini, kadang-kadang pengguna ini kita sendiri pun kadang-kadang kita iklan pun tidak tahu kadang-kadang betul tidak betul Yang Berhormat. Misalnya bekas Menteri Besar Selangor dahulu. Beliau pernah berkata iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Khir Toyo. Beliau pernah kata beliau putih. Orang tanya kenapa Yang Berhormat nampak putih? Beliau kata "*saya makan tempe, itu sebab saya nampak putih*".

Saya makan tempe Yang Berhormat tidak putih. Yang putih rambut Yang Berhormat [*Ketawa*] Jadi apa pandangan Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Ini – saya hendak kata macam mana. Ini kerana mungkin salah makan tempe agaknya [*Ketawa*] Akan tetapi tidak susah kalau Dato' Musa hendak hitam, hendak hitam sungguh Yang Berhormat Dato' Musa? Hendak rambut yang hitam? Itu kata orang Indonesia "*Gampang sekali pak, bisa diurus*". Kalau di luar nanti saya uruskan. Cuma hendak menarik semula tentang iklan Tuan Yang di-Pertua.

Iklan dan GLC. GLC selalu membuat iklan dalam media elektronik, dalam media cetak. Saya ingin menarik perhatian kementerian salah satu akhbar tempatan yang tidak dapat peluang mengiklankan bagi pihak GLC adalah *Utusan Malaysia*. Kita hairan mengapa ada GLC tertentu tidak bersedia mengiklankan dalam *Utusan Malaysia* akan tetapi bersedia mengiklankan dalam akhbar-akhbar lain.

■1640

Sedangkan kita tahu kalau **Nanyang Siang Pau**, Sin Chew *Jit Poh*. Adalah lambang yang memperjuangkan kaum Cina dan itu kita tidak boleh halang, itu patut dibuat. Begitu juga dengan *Tamil Nesan*, *Tamil Nanban* berkenaan dengan orang India tetapi bagi media orang Melayu sejak sebelum merdeka ialah *Utusan Melayu* dahulunya dan sekarang *Utusan Malaysia*. Mengapa kita di kalangan GLC ini, bukan semua tetapi ada GLC tertentu tidak mahu mengiklankan di dalam *Utusan Malaysia* yang selalunya menyuarakan bagi pihak kepentingan orang Melayu, di mana kepentingan orang Cina, orang India sudah pun ada akhbar masing-masing mengetengahkan.

Jadi, kita harapkan CEO-CEO yang selalu Yang Berhormat Dato' Musa sebut itu janganlah jadi *Little Napoleon*. Adalah semangat untuk memperjuangkan bangsa, kerana dia tidak berada di situ kerana kepandaian dia semata-mata.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Betul.

Datuk Akbar bin Ali: Saya akui, saya pandai, saya pandai dan saya lebih pandai daripada ramai orang yang lebih kurang pandai daripada saya, tetapi saya juga kena akui bahawa lebih ramai lagi orang yang lebih pandai daripada saya. Akan tetapi saya ada di sini, kerana sedikit sebanyak sebagai yang ada ilmu dan pengetahuan tetapi juga kerana *connection*. Ini kita tidak boleh nafikan, tetapi *connection* sahaja tidak cukup kalau tidak ada kepandaian. Begitu juga mereka yang menerajui GLC itu, mereka juga pandai tetapi pandai sahaja tidak cukup kerana ramai lagi yang lebih pandai, tetapi dia ada di situ...

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Kerana...

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Akbar bin Ali: Kerana comelnya ini, memang saya benarkanlah, terima kasih.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Apa pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan CEO ini, terutamanya CEO bank. Nampaknya apabila ahli perniagaan bumiputera yang telah pun memberi - kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pegawai-pegawai bank yang bertanggungjawab, yang menjalankan tugas dan amanah dengan baik dan sempurna di sesetengah bank.

Akan tetapi sesetengah bank pula CEO ini nampaknya lebih berkuasa daripada menteri-menteri. Apabila surat sokongan daripada menteri itu 'bolayan,' tidak dilayanlah bukan. Tidak dilayan, surat daripada Menteri Kewangan pun tidak dilayan, nampaknya lebih besar CEO daripada menteri. Nampaknya pegawai-pegawai itu tolonglah pandang-pandang ke kiri ke kanan, janganlah buat macam itu. Bank itu, kewangan diamanahkan oleh pihak kerajaan untuk membantu ahli-ahli usahawan, ahli-ahli perniagaan yang berpotensi di dalam perniagaan, yang menjalankan tugas tetapi apabila menghadapi kesusahan tolonglah ambil perhatian serius.

Jangan pandang sebelah mata sahaja, kesianlah kepada bumiputera yang tidak mampu, yang kurang berkemampuan tetapi keinginan dan azam yang terlalu tinggi. Apa pandangan Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih di atas saranan itu, sebelum saya hendak jawab secara langsung. Pertama saya ingin katakan pengalaman saya sendiri, ada CEO kita dan ada pegawai kerajaan kita yang mudah diurus, mudah dirunding dan sebagainya. Akan tetapi tidak dinafikan bahawa ada juga yang kadang-kadang ada orang gelar sebagai Si Tanggung Moden pun ada, dan ada yang melabelkan sebagai 'Melayu liberal,' ini memang ada.

Cuma apa yang saya hendak katakan sekarang ini ialah terutama dalam konteks sekarang, saya rasa dalam dua hari lalu KSN telah mengeluarkan satu surat pekeliling tidak boleh timbang mana-mana *recommendation* daripada *politician* dan sebagainya. "*Sila timbang, saya sokong,*" ini semua tidak boleh. Jadi sekarang kalau dalam konteks pegawai kerajaan dan kalau ini dipanjangkan kepada GLC, maka mereka ini akan terikat dengan peraturan ini.

Dari satu segi, peraturan itu akan memastikan tidak ada *political interference* dan dia adalah baik tetapi dari satu segi pula pihak menteri, pihak *politician* tidak ada kuasa sudah. Akan tetapi sebenarnya Yang Berhormat, ini saya hendak *share*, kadang-kadang kita pun kena, saya selalu mengaku walaupun saya senator dan ada orang yang mungkin sama, sebenarnya kadang-kadang kuasa kita ini tidaklah seberapa, yang lebih *powerful* ini, pegawai kerajaan. *Claim* saya ini kalau kerani tidak periksa, kalau dia letak sebulan maka sebulanlah, dia gred 17 sahaja itu, begitulah *powerful* nya.

Selepas itu kalau diperiksa-periksa, dia pulang balik dekat saya. "*Datuk, koma tidak adalah, Datuk betulkan koma.*" Dia pulang balik dekat saya lepas itu dia periksa, dia hantar balik. "*Datuk, ini spelling ada silap sikit Datuk,*" pegawai kerajaan kalau hendak buat boleh, sebab kuasa itu pada dia. Kita kena insaf kita tidak ada kuasa itu, itulah kuasa pada dia. Cuma pada saya, kita memang perlu buat baik, yang *powerful* pegawai kerajaan, yang sangka *powerful* orang macam saya, sangka *powerful* tetapi *powerful* tidak ada. Ha! Ini kadang-kadang kena insaf dan *the best thing* ialah kita lihat komedi '*yes Minister,*' cukup jelas.

Menteri selalu kena tipu, kena apa oleh *permanent secretary* nya. Itu sebab di UK, dipanggil '*permanent secretary*' kerana yang *permanent* itu mereka, yang *politician* ini tukar-tukar. Kita dekat sini tukar tidak hendak *permanent*, nanti nampak sangat *permanent* bukan? Tukarlah KSU, asalnya *permanent*.

Jadi berbalik kepada soalan Datuk ya, kita berharaplah CEO GLC ini dapat menghayati tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya apabila dia diserahkan kerusi itu, bukan dia dapat di situ kerana semata-mata kebijaksanaan dia, bukan! Kalau hendak kata bijak ramai lagi orang India, orang Cina bijak, dia di situ kerana Melayunya kita kena akui. Saya juga di sini kerana Melayunya saya, kerana Dasar Ekonomi Barulah yang telah membantu menjayakan saya dan maka saya berada di sini. Kalau tidak tanpa Dasar Ekonomi Baru, saya boleh kata gerentilah tetapi tidak berani 100%, itu kuasa Tuhan, saya tidak berada di dewan yang mulia ini. Ramai lagi orang Melayu macam itu.

Jadi haruslah kita sama-sama insaf dan sedar bahawa kita ada satu tugas yang besar untuk mengangkat martabat bangsa yang sekarang ketinggalan sebab kadar kemiskinan orang Melayu adalah dua kali ganda daripada kadar kemiskinan orang India. Enam kali ganda kadar kemiskinan orang Cina, ini kita tidak boleh salahkan orang Cina, orang India kerana dia senang, kerana salah kita. Kalau ada pagar-pagar yang hendak menjaga kita, pagar-pagar Melayu hendak menjaga kita, pagar ini juga makan padi macam mana kita hendak kata? Inilah yang dikatakan...

Harapkan sungai, sungai berubah

Harapkan pagi, meninggi hari

Harapkan sokong membawa rebah

Harapkan pagar memakan padi.

Jadi kalau kita boleh elakkan ini, maka kita boleh berjaya dan kita boleh berjaya tanpa menyalahkan orang lain. Kita tidak boleh kata orang Cina jahat semata-mata dengan kita, tidak boleh! Akan tetapi *as business*, dia mahu naik, dia mahu memastikan *competitor* nya kalah, itu biasa.

Akan tetapi itu sebab saya katakan tadi, kita kena rombak *economic ecosystem* dan orang Melayu mesti, *always understand the opportunity curve* dengan izin. Kita kena *always in front of that opportunity curve, if we do not understand this opportunity curve, we do not understand the economic ecosystem*, kita hanya buat kerja-kerja tempelan sahaja. Jadi saya berharaplah semua ini yang telah dihasilkan oleh Dasar Ekonomi Baru, orang-orang kita yang berjaya. Cubalah ikut contoh orang Cina mahu tidak mahu, ikut contoh orang Yahudi, suka tidak suka. Mereka ini apabila sudah berjaya dia menjadi payung dan dia menolong yang bawah.

Kita hendak tahulah berapa banyak GLC menolong SME Melayu yang rendah. Orang Melaka, Datuk... Kata hanya 7% sahaja SME mampu menembusi pasar raya betul? *Sitting* yang lepas Datuk ada sebut.

■1650

Jadi kalau 7% itu, di kalangan 7% itu tidak sampai 1% SME Melayu bagaimana Sime Darby, GLC-CLC lain mahu tolong, PERODUA, dan sebagainya? Jadi kita haraplah mahu atau tidak kita perlu ikut nilai budaya orang Cina dan Yahudi yang mana daripada kecil lagi sudah dibimbing dan dibantu supaya berjaya. Kalau kita tidak ikut itu dan kita ikut pula tabiat ketam, sesiapa sahaja yang mahu naik, ditarik turun ke bawah kita tidak akan berjaya.

Saya haraplah Yang Berhormat Menteri akan memberi jawapan yang lebih memuaskan hati si comel molek dari Gua Musang Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Wan Hazani dan perkara-perkara lain yang ditanya. Saya haraplah perkara-perkara ini dapat diberi perhatian dalam konteks yang lebih besar untuk menjaga rakyat Malaysia sebagai pengguna bukan semata-mata memberikan perhatian kepada *big business* oleh kementerian ini, kerana itu adalah tanggungjawab MITI. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

4.51 ptg

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana izinkan saya membahaskan pindaan kepada Akta Pelindungan Pengguna 1999 iaitu Consumer Protection (Amendment) Act 2010.

Pertama adalah mengenai seksyen 21A yang baru. Saya menyambut baik pindaan ini kerana pindaan ini mengambil kira isu keperluan keselamatan perkhidmatan (*services*) yang diberikan oleh syarikat-syarikat di negara kita yang sebelum ini tidak diperuntukkan di dalam Akta Perlindungan Pengguna 1997 iaitu. Cuma saya ingin mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua supaya meletakkan satu perenggan baru (e) dan (f) di dalam seksyen 21A iaitu dengan izin:

- (i) (e) *safety standard prescribed by relevant Ministries; dan*
- (ii) (f) *safety standard published by standard institute or a similar body.*

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa tambahan kepada pindaan ini adalah mustahak kerana terdapat pelbagai standard keselamatan barang-barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh SIRIM ataupun sebuah '*competent agency*' seperti yang dinyatakan dalam seksyen 19(3) Akta Perlindungan Pengguna 1997 dan kementerian-kementerian kerajaan seperti KPDNKK. Tambahan kepada pindaan ini akan memperkukuhkan tahap perlindungan yang diberikan kepada pengguna-pengguna termasuk Ahli-ahli Dewan ini melalui Akta Perlindungan Pengguna 1997.

Kedua, *new part IIIA. Unfair Contract Terms*. Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik pindaan ini kerana pindaan ini jelas akan memperhebatkan lagi perlindungan kepenggunaan kepada rakyat negara kita. Khususnya pada masa kini terdapat banyak syarikat yang melakukan atau mempraktikkan urusan perniagaan yang mencurigakan, yang penuh dengan penipuan dan ketidakadilan kepada pengguna-pengguna di negara kita. Merujuk kepada seksyen 24A, saya mencadangkan bagi tujuan memperkuatkan lagi hak pengguna supaya meletakkan perkataan '*unconscionable*' dan '*contrary to the requirement of good faith*' di perenggan (c) Seksyen 24A. Perenggan tersebut akan berbunyi seperti berikut:

- (i) (c) '*unfair term*' means a '*unconscionable*' term in a consumer contract which, with regard to all the circumstances and contrary to the requirement of good faith, causes a significant imbalance in the rights and obligations of the parties arising under the contract to the detriment of the consumer.

Perkataan '*unconscionable*' bermakna '*showing no regard for conscience*', '*irreconcilable with what is right or reasonable*'. Terma ini mempunyai kaitan rapat dengan prinsip-prinsip ekuiti dalam undang-undang yang mempunyai penggunaan yang luas dan tidak dibatasi oleh sebarang kelakuan *unconscionable statutory*. Maka, jelas terma-terma seperti di atas akan memantapkan lagi penggunaan Akta Perlindungan Pengguna 1997. Perlu juga ditekankan bahawa makna '*standard form contract*' di dalam seksyen 24B perlu dilihat semula kerana ia perlu didefinisikan dengan tepat, yakni perkataan '*which has not been individually negotiated*', dengan izin perlu diletakkan. Perkataan-perkataan ini bermakna bahawa ia telah di '*drafted in advance and the consumer has therefore not been able to influence the substance of the term*', dengan izin.

Saya juga mencadangkan seksyen 24C(2) ditambah dengan keadaan tambahan yang berikut:

(ii) *whether or not, prior to or at the time or at the time of entering the contract, there was aggressive marketing techniques, inducement or coercion used.*

Seterusnya, saya mencadangkan suatu keadaan tambahan lagi diselitkan dalam seksyen 24C (2) iaitu:

(i) *whether or not, prior to or at the time or at the time of entering the contract, the material terms of the contract including exclusion clauses was brought to the attention of the consumer.*

Terma-terma sebegini adalah perlu kerana gejala pemasaran produk-produk seperti *timesharing schemes* dan gores dan menang berleluasa pada masa kini dan taktik pemasaran secara agresif dan pemasaran dengan menggunakan umpan seperti pemberian hadiah percuma kerap kali digunakan. Pengguna-pengguna di negara ini sering kali menjadi mangsa kepada syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin.

4.57 ptg.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan Akta meminda Pelindungan Pengguna 1999. Dalam akta ini, ada perkara-perkara yang melibatkan industri perfileman. Seperti mana yang telah dibahaskan oleh rakan-rakan yang lain, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan jadual baru iaitu seksyen 11A yang mengisahkan soal Jawatankuasa Pengiklanan. Ini kerana jawatankuasa ini amat penting bagi tujuan untuk kita menentukan sesuatu iklan itu dapat kita melindungi pengguna-pengguna kita, kerana iklan yang melalui industri perfileman dan stesen-stesen televisyen adalah merupakan yang paling berkesan kepada para pengguna kerana menonton melalui stesen televisyen.

Jadi, ini adalah merupakan suatu yang amat penting. Oleh itu, kalau kita lihat di dalam jawatankuasa ini mempunyai fasal 84A iaitu:

“Menteri boleh menubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pengiklanan yang hendaklah mempunyai fungsi-fungsi yang berikut.”

Jadi, oleh kerana itu, jawatankuasa ini saya berpendapat bahawa ada 7 orang atau 13 orang jawatankuasa yang akan menduduki jawatankuasa ini dengan adanya 13 orang ini dan di sini tidak disenaraikan, siapakah dan wakil daripada manakah jawatankuasa ini walaupun jawatankuasa ini adalah diberi kepada Yang Berhormat Menteri untuk membuat pemilihan. Saya ingin mencadangkan supaya jawatankuasa ini disertai oleh jabatan-jabatan yang ada kaitan dengan iklan khususnya kalau kita lihat Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan mempunyai kuasa dari segi komunikasi dan juga FINAS.

■ 1700

Ini kerana kalau ada jawatankuasa-jawatankuasa ini dapat duduk di situ, maka kita dapat mengatasi masalah-masalah membela pengguna kita. Ini kerana di FINAS – pada ketika itu saya menjadi Pengerusi, kita mempunyai satu undang-undang, peraturan yang memestikan semua pengiklan iklan mestilah mendapat *certificate MIM*, dengan izin *Made In Malaysia (MIM) Certificate*. Jadi *certificate* itu hanya diterbitkan apabila mereka hendak membuat iklan-iklan untuk ditayangkan di mana-mana stesen televisyen – hendaklah ada *certificate MIM*.

Jadi untuk itu, MIM adalah *made in Malaysia*, maka saya ingin mencadangkan supaya semua iklan yang akan ditayangkan di stesen-stesen televisyen yang ada di negara kita ini mestilah iklan-iklan ini dibuat dalam negeri. Ini kerana ada di antara iklan-iklan hari ini yang dibawa daripada luar, bukan dibuat dalam negeri.

Pertama sekali, kita membantu pengusaha-pengusaha, penerbit filem ini untuk dapat memberikan mereka kerja supaya mereka dapat menerbitkan iklan sepertimana yang kita ada sebuah persatuan iaitu Persatuan Penerbit Filem Iklan Malaysia yang mereka juga mempunyai ahli-ahli yang ramai menerbitkan filem-filem iklan. Jadi oleh kerana itu, kita hendaklah memberikan kesempatan ini kepada mereka supaya dapat kita membantu penerbit-penerbit filem iklan, pekerja-pekerjanya dan juga penulis-penulis skrip semuanya dapat kerja. Kalau tidak nanti mereka akan kehilangan kerja, tidak ada *income*.

Jadi oleh kerana itu, kita hendaklah melihat bahawa perkara ini, jawatankuasa yang dilantik itu, saya mencadangkan supaya satu daripadanya datang daripada FINAS, satu daripada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan juga satu daripada Persatuan Penerbit Filem Iklan. Ini kerana kalau ada di antara mereka ini duduk di dalam jawatankuasa ini, maka dapatlah mencadangkan perkara-perkara yang boleh membantu kita untuk mengawasi, melindungi pengguna-pengguna.

Jadi dalam iklan kita selalu melihat berbagai-bagai iklan yang kadang-kadang produk yang sama tetapi tiga iklan dikeluarkan. Produk yang sama tetapi iklan yang pertama mengatakan dialah nombor satu yang dapat membantu pengguna ini. Produk yang kedua, produk yang sama juga mengatakan, dia kata dia punya, yang ketiga pun begitu. Jadi, kita tidak tahu yang mana satu. Jadi pengguna menjadi bingung, tidak tahu yang mana satu yang sebenarnya ini kerana ketiga-tiga itu produk yang sama. Katakanlah susu ataupun *shampoo* umpamanya dan banyak lagi produk lain, semua orang mengiklankan produk mereka dan mengatakan dialah yang terbaik. Akan tetapi ini kadang-kadang memberikan sedikit kesukaran kepada pengguna, tidak tahu yang mana satu yang betul ini.

Jadi oleh kerana itulah kita harus mengadakan penerbit-penerbit iklan ini hendaklah kita berikan kepada syarikat tempatan kerana ini adalah undang-undang kita di bawah Akta FINAS. Mesti setiap iklan yang hendak ditayangkan di semua stesen televisyen hendaklah mendapat *certificate* daripada FINAS iaitu *certificate* yang diberi nama MIM, *Made In Malaysia Certificate*, dengan izin.

Jadi untuk itulah saya ingin mencadangkan supaya kementerian dapat bekerjasama, dapat menggabungkan dan kerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan yang lain yang ada kaitan dengan penerbit filem-filem iklan. Selain dari itu juga, iklan-iklan sepertimana yang telah dibincangkan tadi oleh Yang Berhormat Dato' Firdaus berhubung dengan iklan papan tanda, iklan-iklan ini juga hendaklah kita melihatnya supaya jangan di antara iklan itu memberikan gambaran yang salah dan gambaran yang tidak betul. Ini akan merugikan kita dan mereka yang membuat iklan itu juga tidak mendapat kedudukan yang baik. Kadang-kadang mereka merasakan ini tidak benar, iklan-iklan yang ditulis, yang dipamerkan di papan-papan tanda dan sebagainya.

Jadi untuk itu, saya amat bersetuju di atas pindaan akta ini bagi tujuan untuk kita mempertingkatkan lagi supaya dapat kita melindungi pengguna-pengguna kita yang hari ini banyak daripada anak-anak muda, malah kanak-kanak sekolah pun melihat dan menonton televisyen dan dengan itu tadi kita telah mendengar seorang Ahli Dewan juga telah mengatakan lapan jam kadang-kadang menonton televisyen dan banyak di antara itu iklan-iklan yang boleh mempengaruhi mereka. Jadi oleh kerana itu, kita hendaklah mengawal semua iklan ini dan mestilah dibuat oleh syarikat tempatan, tidak boleh diterima syarikat luar kecuali mereka datang ke sini buat dan mengambil lesen terlebih dahulu kepada penerbit lesen iaitu di FINAS – hari ini mempunyai lesen yang saya sebutkan tadi.

Saya dengan itu, saya berterima kasih kerana memberi kesempatan ini dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Saripah Aminah.

5.06ptg.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahas Rang Undang-Undang Pelindungan Pengguna (Pindaan) 2010. Saya hendak mulakan dengan isu produk tidak selamat.

Para pengguna di negara maju kerap dimaklumkan tentang produk-produk yang tidak selamat yang telah dikeluarkan arahan penarikan balik daripada pasaran oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Akan tetapi malangnya di Malaysia, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan ini tidak berbuat demikian. Kebanyakan produk yang ditentukan tidak selamat di negara-negara tersebut di atas tidak dikawal oleh mana-mana undang-undang di Malaysia. Di kalangan produk-produk tersebut adalah lampu, bateri, mainan kanak-kanak, alat-alat solek, ubat-ubatan yang kononnya akan menguruskan badan, krim-krim kecantikan untuk mencantikkan tubuh badan dan saya rasa saya tidak perlu sebutlah benda-benda lain yang untuk mencantikkan badan-badan terutama sekali wanitalah. Apakah jaminan dan langkah-langkah bakal diambil untuk menyampaikan kepada pengguna tentang perkara-perkara yang tidak selamat ini?

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, adalah isu jaminan keselamatan permainan kanak-kanak ini. Kita telah bermain dengan Peraturan Standard Keselamatan Alat-alat Permainan Kanak-Kanak ini sejak tahun 2002 lagi tetapi pihak yang berkenaan telah membelakangkan krisis keselamatan alat-alat permainan ini pada tahun 2007. Saya menyokong usaha oleh *Standards Users* dengan izin, dan Jabatan Standard Malaysia yang mendesak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menghidupkan semula kerja-kerja penggubalan Peraturan Standard Keselamatan Alat-Alat Permainan Kanak-kanak yang terhenti pada tahun 2002 itu. Ada yang berbahaya seperti tajam dan mempunyai kandungan plumbum yang tinggi dan lain-lainnya. Kita perlu memberi jaminan bahawa permainan ini selamat untuk anak-anak kita yang kebanyakan berharga murah dan datangnya dari negara-negara seperti China dan lain-lain.

Isu Mega Sales ini Tuan Yang di-Pertua. Menurut kementerian, hanya dibenarkan tiga kali setahun sahaja tetapi *shopping complex* didapati menjalankan aktiviti jualan mega ini sepanjang tahun. Juga, harga selepas jualan mega ini diragui akan diskaun yang telah diberi. Kadangkalanya harga dinaikkan dua kali ganda sebelum Mega Sales diumumkan dan pada masa *sales* diumumkan, harga yang dipamerkan adalah harga yang sebelum kenaikan harga dua kali ganda itu. Ini adalah terang-terang penipuan yang dibuat oleh pihak penjual.

Isu peranan SIRIM dan *Standards Users*, dengan izin. Saya ingin bertanya kepada peranan SIRIM *quality assurance* dengan izin, adakah badan ini menjalankan kajian ke atas peralatan yang dibawa masuk untuk memastikan keselamatannya?

■1710

Juga *standard user* perlu berperanan lebih aktif dengan menghantar beberapa sampel barang yang diragui keselamatannya untuk dibuat uji kaji. Juga apakah fungsi sebenar Jabatan Standard Negara dalam menangani isu ini?

Seterusnya isu keselamatan produk kosmetik. Produk yang tidak halal menggunakan barangan yang dilarang serta memberikan kesan sampingan. Produk dari luar negeri perlu dipantau daripada segi halal dan haramnya yang boleh menyebabkan kanser, radang dan kanser kulit. Saya ingin juga untuk membawa ada seorang Dato' yang mengeluarkan bahan produk kosmetik untuk kecantikan kulit muka. Beberapa kali telah pun diberikan amaran oleh pihak kementerian, pihak polis, bahawasanya produk tersebut mengandungi *high level hydroquinone*, dengan izin, tetapi yang menjadi kehairanan, TV3 pun membuat iklan, Astro Ria pun buat iklan yang sama sedangkan pada pagi itu keluar dalam surat khabar bahawasanya produk itu adalah berbahaya untuk digunakan. Apakah pihak-pihak media elektronik ini mementingkan keuntungan daripada syarikat-syarikat tersebut sehingga membelakangkan keselamatan pengguna-penggunanya.

Saya juga ingin menyentuh tentang iklan dalam bahasa Malaysia. Perlu diwujudkan dalam bahasa kebangsaan dan jangan kita terlupa kalau kita selalu memasukkan iklan dalam bahasa-bahasa lain ini, ia akan menjadi satu trend apabila kita sendiri, syarikat-syarikat kebangsaan tidak menggunakan bahasa kebangsaan. Kementerian perlu ada garis panduan tegas untuk membenarkan hanya iklan dalam bahasa kebangsaan sahaja demi memartabatkan bahasa kebangsaan. Rakyat Malaysia perlu fasih dan berkemampuan bertutur dalam bahasa Malaysia selaras dengan artikel

152, Perlembagaan dan perlu melindungi pengguna Islam yang perlu diberikan perlindungan.

Saya juga ingin menyentuh iklan syampu rambut baru-baru ini yang menggunakan Aishwarya Rai sebagai orang yang mengiklankan jenama untuk syampu rambut itu. Saya rasa apa kurangnya kecantikan orang-orang tempatan yang perlu kita ambil di Bollywood untuk hadir menjadikan orang yang mengiklankan barangan syampu tersebut. Sedangkan kalau kita lihat apa yang dituturkan dalam iklan itu tidak sama dengan bibir orang yang menuturkan perkara itu. Saya rasa pelik, mulut dia cakap lain, suara yang keluar cakap lain. So, saya hendak mintalah tolonglah, tidak kurang orang-orang di Malaysia ini yang '*lawa-lawa*'.

Lagi satu isu gores dan menang dan cabutan bertuah, banyak yang tertipu. Pada hari ini kita lihat skim cepat kaya, sanggup membawa kereta-kereta mewah untuk menipu. Apa yang menghairankan, saya baca di sini Tuan Yang di-Pertua, [*Merujuk petikan*] '*Syarikat cepat kaya ini turut dikesan mempamerkan logo-logo media rasmi termasuk Utusan Malaysia pada risalah sebagai penaja bersama*'. Kalau sudah tahu itu adalah skim cepat kaya dan adalah terang-terang menipu, kelmarin telah pun ditangkap oleh pihak polis, mengapakah perlu kita memakai logo-logo media arus perdana ini? Adakah oleh kerana dapat sedikit imbuhan oleh kerana memakai logo tersebut? Pelbagai internet skim didapati berleluasa pada hari ini. Kementerian perlu memandang serius dan memastikan hanya yang benar-benar jujur sahaja dibenarkan mengiklankan melalui internet.

Isu kenaikan harga barangan semasa musim cuti sekolah dan musim perayaan. Ini juga pihak kementerian perlu lihat oleh kerana apabila '*mai*' sahaja bulan puasa, bulan Ramadan, hendak raya, macam-macam iklan yang kita lihat dan macam-macam harga yang dinaikkan. Barang-barang yang dikeluarkan itu kalau barang-barang baru tidak mengapa tetapi semua barang-barang yang sudah lama-lama, fesyen pun orang sudah kata lapuk. Akan tetapi dikeluarkan dan dengan harga-harga yang tidak berpatutan. Pengguna yang miskin selalu terkena dalam perkara ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan logo halal. Syukur *alhamdulillah*, Kopitiam PappaRich baru-baru ini telah pun membuka mata pentingnya logo halal dikuatkuasakan. Perlulah satu mekanisme dan penguatkuasaan yang tegas menangani isu halal ini diambil oleh pihak-pihak yang tertentu termasuk saya rasa daripada JAKIM dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ini. Sekian, dengan ini saya perlu menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

5.16 ptg.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ikut menyokong rang undang-undang yang sedang ditimbang kerana pada hemat saya, kita semua ini adalah pengguna. Pembekal tidak selamanya menjadi pembekal, dia juga menjadi pengguna. Kita yang selamanya menjadi pengguna ini kadang-kadang juga menjadi pembekal. Jadi, dalam hal ini sebarang langkah sama ada undang-undang atau sebagainya yang bertujuan untuk melindungi pengguna adalah sangat perlu kita beri perhatian dan kita sokong seberapa yang boleh. Jadi, dalam hal ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang membawa undang-undang ini sebagai melengkapkan beberapa undang-undang yang sedia ada, yang terpakai di dalam negara kita ini.

Ada dua perkara besar yang saya rasa hendak saya tumpukan perhatian, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, berhubung dengan kontrak. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat yang membawa undang-undang ini. Adakah iklan yang ramai yang bercakap tadi berhubung dengan iklan, adakah iklan dan sebarang penerangan yang dibuat pada sesuatu barang, botol, bungkusan atau sebagainya itu merupakan kontrak? Ini kerana kadang-kadang kita sebagai pengguna tertarik hati apabila membaca penerangan-penerangan, apabila melihat penjelasan-penjelasan yang ada pada *billboard* sebagainya dan sekarang pula yang dipamerkan melalui internet. Jadi, di sini bolehkah kita sifatkan ini sebagai kontrak? Ertinya yang mengikat kita sebagai pengguna dengan pembekal ataupun dengan penjual.

Saya tambah lagi satu contoh. Misalnya, iklan berhubung dengan kursus-kursus yang ditawarkan yang diiklankan oleh IPTS (institusi pendidikan tinggi swasta) seperti yang kita heboh dalam surat khabar baru-baru ini. Ini saya rasa merupakan kontrak. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada pihak yang berkenaan, kalau ini menjadikan kontrak, ertinya orang yang menderita dalam hal ini, ertinya yang terkena akibat daripada kontrak ini bolehlah berbuat sesuatu untuk mendapatkan keadilan dalam hal ini.

Terlanjur bercakap berhubung dengan kontrak ini, saya sukalah menyentuh 24D pada muka surat 5, [*Merujuk lampiran*] '*Ketidakadilan am yang substantif*', 24D(1),

'Kontrak atau terma kontrak adalah tidak adil secara substantif jika kontrak atau terma kontrak itu -

■ 1720

- (i) *adalah dengan sendirinya keras;*
- (ii) *adalah menindas;*
- (iii) *adalah tidak berpatutan;*
- (iv) *tidak memperuntukkan atau mengehendkan liabiliti bagi kecuaiian;
atau*
- (v) *tidak memperuntukkan atau mengehendkan liabiliti bagi
memungkiri terma kontrak yang nyata atau tersirat tanpa justifikasi
yang kukuh.*

Apa yang hendak saya minta yang lain-lain saya faham, tetapi yang pertama itu saya tidak faham. Walaupun perkataan ini perkataan yang hari-hari digunakan iaitu perkataan keras di sini adalah dengan sendirinya keras. Sepintas lalu keras memang lawannya lembut, tetapi dalam peraturan ini apakah yang dimaksudkan kontrak itu tidak adil secara substantif bila ia sendirinya adalah keras. Itu saya minta penjelasan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit berhubung dengan semacam liabiliti apa itu semacam janji yang dilekatkan kepada setengah-setengah produk yang kita beli. Misalannya kotak susu, ditulis di situ sila guna sebelum sekian-sekian hari bulan, roti sila guna sekian-sekian hari bulan atau sehingga sekian-sekian hari bulan. Kepada setengah-setengah pengguna yang tidak begitu peka ataupun yang tidak kisah kita kata sifatnya. Walaupun dia tahu produk itu telah *expired* dengan izin, tetapi dia buka juga produk itu dia rasa mungkin atau dicium mungkin dan didapati masih boleh digunakan, masih telus pada sedianya. Akan tetapi tidak ramai orang yang hendak mengambil tahu dan membawa perkara ini ke tengah. Jadi tidakkah boleh permintaan saya Tuan Yang di-Pertua kepada kementerian untuk menghantar pasukan dia memeriksa premis-premis penjualan ini daripada semasa ke semasa atau secara rambang untuk melihat sejauh mana perkara ini mendapat perhatian kita selama ini.

Saya puji langkah RTM kalau saya tidak salah. RTM1 atau RTM2, saya lupa sudah yang ada ketika-ketikanya menunjukkan gambaran tiga beranak, seorang bapa, dua orang anak masuk ke sebuah kedai membeli barang, salah seorang daripada si anak itu membawa barang itu tunjuk, dibaca. Ini telah melampaui waktu. Jadi di sini kita tengok reaksi pembeli tadi, jadi jelaslah kepada kita bahawa usaha hendak menipu pengguna ada di situ. Jadi kepada yang tidak begitu peka atau yang tidak mahu mencari

masalah yang tidak kisah kata kita, dia pulang sahaja atau pergi ke tempat lain mencari barang yang dikehendaki yang sesuai dengan dia. Ertinya berapa orang sangat di kalangan pengguna-pengguna yang mengambil berat untuk membawa ke tengah benda ini, melaporkan pada pihak tertentu. Jadi sebab itulah saya rasa eloklah, elok sangatlah kepada kementerian yang berkenaan untuk menghantar pegawai-pegawai dia, pegawai penguat kuasa dia dari masa ke semasa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berhubung dengan iklan. Saya mengucapkan sekali lagi tahniah kerana memberi perhatian yang sangat baik kepada masalah pengiklanan. Sehingga dimasukkan di dalam undang-undang ini penubuhan Jawatankuasa Pengiklanan. Di dalam hal ini, kita dapati fungsi jawatankuasa ini ialah:

- (a) menasihati Menteri dalam mana-mana aspek berhubung dengan pengiklanan termasuklah iklan-iklan yang bertentangan dengan bahagian 2 akta ini;
- (b) untuk meneliti aduan berhubung dengan iklan;
- (c) mengeluarkan atau menerbitkan maklumat berkaitan sifat dan ciri-ciri barang atau perkhidmatan yang mana mungkin menjejaskan hak atau menyebabkan kerosakan kepada pengguna;
- (d) untuk melaksanakan apa-apa perkara lain yang difikirkan patut olehnya dalam melaksanakan fungsi-fungsinya secara lebih berkuasa ataupun bersampingan dengan pelaksanaan fungsi-fungsi lain.

Apa yang hendak saya timbulkan di sini, kita perhatikan pula dalam secara perbandingan sebuah filem. Sebelum ditayangkan dia dihantar kepada Badan Penapisan Filem. Tidakkah boleh iklan ini dibuat seperti itu juga? Bererti kita jangan nanti kesalahan-kesalahan dibuat atau kesalahan-kesalahan diulang di *billboard*, di dalam Internet, di dalam surat khabar, di dalam TV barulah kita hendak mengambil tindakan untuk memperbaiki. Tidakkah boleh sebelum sesuatu iklan itu kita tapis dulu sebelum kita membenarkan untuk memberi peluang kepada pihak berkuasa menentukan corak, sifat dan ciri-ciri iklan.

Dalam hal ini, apa yang disebut oleh dua, tiga orang ahli kita tadi, saya rasa munasabah. Di mana kita boleh mengambil peluang untuk menguatkuasakan penggunaan bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan dalam iklan-iklan itu. Jadi kalau kita terdapat beberapa iklan yang tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan atau menggunakan Bahasa Kebangsaan yang salah. Kita terus-menerus menuding kepada

Dewan Bahasa. Padahal kita tahu Dewan Bahasa barangkali tidak mempunyai peranan dalam hal ini atau sedikit sangat peranannya. Dia sepatutnya, barangkali boleh disalahkan pihak berkuasa tempatan yang meluluskan iklan ini dipasang di tengah-tengah jalan ataupun pihak TV itu sendiri, ataupun mana-mana undang-undang yang boleh mengawal segala pengisian yang kita tengok atau segala pameran yang kita tengok melalui Internet.

Saya rasa sudah terjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh beberapa orang tadi berhubung dengan siapa yang sebenarnya bertanggungjawab mengenai salah satu daripadanya penggunaan bahasa. Jadi saya rasa jelas di antara fungsi-fungsi yang saya baca tadi menunjukkan Jawatankuasa Pengiklanan ini boleh berbuat sesuatu Tuan Yang di-Pertua. Seperti sahabat-sahabat yang lain juga saya ingin bertanya pihak yang berkenaan. Adakah pemakaian, penonjolan, pemasangan logo halal dapat disifatkan sebagai iklan untuk menarik pelanggan untuk memberi jaminan kepada pelanggan ataupun ini bukan disifatkan sebagai iklan? Ini kerana apa saya rasa di antara perkara-perkara yang boleh menceritakan atau menarik hati seseorang pengguna kepada sesuatu barang katalah makanan. Pertama pada hemat saya ialah kandungan makanan itu sendiri sama ada berkhasiat atau tidak berkhasiat, satu. Kedua, harga makanan itu. Seterusnya yang ketiga selalu disebut ditanggung halal. Jadinya dengan tidak mempamerkan logo halal pun dengan perkataan ditanggung halal, kita sudah rasa terjamin untuk menggunakan makanan itu.

Jadi pertanyaan saya adakah penggunaan logo halal ini salah satu daripada iklan? Ini kerana mungkin dalam keadaan sekarang, dalam keadaan kita mempopularkan haram ini dengan izin, halal - haram ini, orang mudah tertarik dengan sebarang...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi perbincangan? Kalau dapat diselesaikan dalam masa 15 minit saya izinkan untuk sambung.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Sambung.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau panjang lagi minta sambung pada hari Isnin nanti.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya diberi peluang untuk sambung hari lain?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, boleh. Silakan. Sambung hari Isnin.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Panjang sedikit cerita saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, boleh. Boleh.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Boleh ya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berhenti setakat ini dahulu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 2 Ogos 2010. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 ptg.